

"INSTITUSI kekeluargaan adalah lebih tepat untuk menjadi asas kepada pembinaan masyarakat. Kerana dari sinilah lahirnya individu-individu yang berpotensi yang menjadi tulang belakang itu kuat, maka akan kuatlah bangsa itu." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2002.



"DAN berikanlah kepada keluarga-keluargamu yang dekat, orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing. Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros dan melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." - Surah Al-Isra' ayat 26 - 27.

Kebawah DYMM berkenan kurniakan kunci dan lot tanah

MENTIRI, 2 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Mentiri dan Kampong Rimba, Gadong. Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Mentiri.

Di majlis itu seramai 291 orang telah menerima anak-anak kunci dan lot-lot tanah, iaitu 162 orang peserta dari RPN Kampong Rimba Peringkat Pertama Fasa 1 dan 70 dari RPN Kampong Mentiri dan 28 orang menerima lot tanah RPN Kampong Rimba.

Sempena majlis itu, baginda juga telah berkenan meninjau Empangan dan Loji Penapisan Air Mengkabau dan kawasan Perindustrian Ringan Kampong Saba, di samping berkenan melawat dan meninjau lebih dekat lagi kehidupan rakyat baginda yang tinggal di kawasan Skim RPN Kampong Mentiri sambil beramah mesra bersama mereka. (Berita lanjut muka 4, 5, 7, 8, 9 dan 12).

SEORANG penduduk meluahkan rasa gembiranya apabila berkesempatan menemui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu ketika baginda berkenan berangkat melawat rumah-rumah di kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri (kanan).



Persefahaman erat Brunei - Myanmar sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar bersempena Hari Kemerdekaan Pertubuhan Myanmar.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara

Negara Brunei Darussalam dengan Pertubuhan Myanmar. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Pertubuhan Myanmar akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

KUALITI PRODUK TEMPATAN SETANDING PRODUK LUAR NEGARA

BERAKAS, 4 Januari. - Salah satu objektif Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah untuk membantu sektor swasta menangani masalah dalam perdagangan dengan mencari strategi memasarkan produk buatan Brunei bukan sahaja di pasaran tempatan malah luar negara.

Menteri Perindustrian

Oleh Siti Aishah HS

dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamad Taib berkata demikian ketika berucap di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri yang

diadakan di Dewan Setia Pahlawan Kementerian berkenaan di sini.

Menurut Yang Berhormat, produk tempatan ialah buatan Brunei sama kualitinya dengan produk buatan luar negara dan menarik minat pedagang-pedagang dari negara asing apabila beliau berkesempatan menghadiri Pameran Perdagangan Islam Ke-9 di

Sharjah, Emiriah Arab Bersatu baru-baru ini.

Justeru itu, bagi meningkatkan ekonomi negara kementerian berkenaan akan membantu sektor awam dan swasta dalam memasarkan produk buatan Brunei untuk membuahkan hasil yang dirasai bersama, jelasnya.

Lihat muka 16

Brunei tuan rumah bagi Kongres Otorhinilaryngologi

BERAKAS, 6 Januari. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Kongres Pembedahan Otorhinilaryngologi Kepala dan Leher (ORL) ASEAN Ke-10 yang bertemakan 'Otorhinilaryngologi: Meningkatkan dan Mengukuhkan Hubungan Kerjasama Serantau' selama tiga hari pada 27 hingga 29 Januari bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Oleh Abdullah Asgar

Kongres julung kalinya itu akan disertai oleh 700 orang peserta terdiri dari pakar-pakar, doktor-doktor, jururawat-jururawat, ahli pemulihan pernafasan dan ahli kaji dengar dari semua negara-negara ASEAN, di samping 100 orang penceramah dari

Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong, Korea dan Jepun.

Bagi Negara Brunei Darussalam, perwakilannya akan menyampaikan tujuh kertas kerja yang berkaitan dengan pembedahan kepala dan leher antaranya ialah pembedahan kotak suara, pembedahan tyeroid atau jagok dan pembedahan di bahagian telinga.

Lihat muka 10

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Ambil sikap berhati-hati dan waspada

- Muka 2

Kebawah DYMM tinjau Empangan dan Loji Penapisan Air Mengkabau

- Muka 4

Melirik Masa Silam

Sepintas Dengan Belia dan Dahulu

- Muka 6

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan kunci dan lot tanah

- Muka 8, 9 dan 12

Ke Arah Pemantapan Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi

- Muka 14

I'tikaf : Jalan Mencari Ketenangan

- Muka 4 ANEKA

Peniaga di ibu negara diminta menutup premis jam 8.30 malam mulai 2003

- Muka 5 ANEKA

Membina menara kekayaan di atas kursus kemiskinan dengan 'perniagaan'

- Muka 8 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PERBADANAN Multimedia (MNC) merupakan perbadanan yang beroperasi di beberapa negara asing melalui usaha sama, subsidiari milik penuh dan cawangan yang dikawal oleh satu perbadanan induk. Contoh syarikat MNC ialah IBM, Shell, ICI, British Petroleum dan McDonald. Lazimnya MNC terikat dengan pengeluaran produk antarabangsa seperti peralatan elektronik, makanan segera dan bahan kimia. - Sumber : Rosazman Hussin dkk (2001). Globalisasi : Beberapa Pendekatan Sains Sosial. KL : DBP (2001 : 31 & 110).

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita 1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507



8 JANUARI 2003 BERSAMAAN 1423 5 ذوالقعدة

KERENAH TAHUN BARU

KITA baru saja melangkah memasuki gerbang tahun baru 2003 Masihi. Tahun 2002 telah berlalu meninggalkan kita dengan pelbagai peristiwa dan kenangan, sama ada ia berupa kejayaan, pencapaian, kemenangan, kegembiraan, keuntungan dan sebaliknya ada juga yang melaluinya dengan kenangan pahit, mengerikan, dukacita, kegagalan dan sebagainya. Apa pun yang kita alami semuanya itu ada hikmah dan pengajarannya yang tersendiri sama ada kepada diri kita sendiri, ahli keluarga kita atau orang lain.

Pada hakikatnya tiada siapa pun yang ingin-kan penderitaan atau kesusahan dalam menjalani kehidupan, tetapi ternyata tidak semua orang dapat menikmati apa yang diinginkannya, seperti kehidupan yang aman, tenteram, damai, kaya raya, senang-lenang dan sebagainya. Sebahagian daripada warga dunia menderita akibat peperangan, sebahagian lagi bergelut dengan kemiskinan, sebahagian lagi menjadi pelarian dan seumpamanya. Kita di Negara Brunei Darussalam - alhamdulillah - keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan masih berpihak kepada kita. Namun dengan nikmat sedemikian itu bukan bermakna kita boleh lalai, leka, apa lagi lupa diri kerana semua itu masih merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wataala.

Kehadiran tahun baru merupakan satu kesempatan yang wajar untuk menilai atau muhasabah diri kita sendiri dari pelbagai aspek. Mana-mana yang lemah atau kurang pada tahun 2003 ini kita bulatkan tekad dan kekuatan azam untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi prestasi kita sama ada di bidang kerjaya, tanggungjawab sebagai ibu bapa atau ketua rumah tangga, di bidang perniagaan, tanggungjawab beragama dan sebagainya. Begitu juga dengan pencapaian atau kejayaan yang sudah diraih pada tahun lalu seharusnya dijadikan titik tolak untuk terus meluncur mencapai tahap yang lebih baik lagi di tahun baru ini.

Bagi mereka yang bijak menghargai masa tentu sahaja tidak akan melepaskan peluang mengambil sukut tahun baru ini untuk melakukan muhasabah tersebut, di samping membuat strategi atau periklanan untuk meningkatkan taraf hidup atau meraih banyak lagi kejayaan pada tahun baru ini. Sesetengah orang pula kehadiran tahun baru itu bagi mereka seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku sama sahaja seperti hari-hari lain. Biasanya mereka ini kelihatan reles dan tidak 'ingau'.

Lazimnya setiap kali pertukaran tahun baru pelbagai ragam dan gelagat manusia dapat kita saksikan. Tetapi yang paling ketara ialah kesibukan di kalangan ibu bapa mengurus persekolahan anak-anak mereka terutama sekali bagi yang baru mendaftar ke darjah pra atau tadika. Demikian juga pihak sekolah yang berhadapan dengan kalendar penuntut-penuntut baru di samping melayan ibu bapa penuntut. Ada juga ibu bapa yang membuat persiapan awal seperti membeli buku-buku, membeli pakaian sekolah sebelum menjelang tahun baru lagi bagi mengelakkan masalah tidak 'ampir' buku-buku yang biasanya berlaku pada setiap awal tahun. Ramai juga ibu bapa yang terpaksa mengurus pertukaran sekolah anak-anak berikutan kenaikan kelas anak-anak mereka seperti dari sekolah rendah ke sekolah menengah atau dari sekolah swasta ke sekolah kerajaan dan lain-lain lagi.

Fenomena kesibukan itu begitu ketara sehingga kawasan-kawasan sekolah terutamanya di sekitar ibu negara penuh sesak dengan kenderaan yang menyebabkan 'traffic jam'. Kesesakan bukan sahaja berlaku di jalan raya, malahan juga turut menjelaskan kelancaran urusan harian di jabatan-jabatan kerajaan walaupun tidak sehebat di jalan raya, di mana ramai pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan terpaksa meninggalkan pejabat kerana bergelut dengan kesibukan-kesibukan yang tersebut di atas tadi. Ada juga ibu bapa yang sengaja mengambil cuti untuk mengatasi gangguan tugas di pejabat. Sikap ibu bapa sedemikian itu merupakan langkah bijak, tetapi kalau mereka yang berkenaan itu semua mengambil cuti sudah tentu akan menimbulkan masalah 'jam' juga di jabatan-jabatan kerajaan.

Inilah sebahagian kerehah tahun baru dan harga perubahan yang terpaksa kita bayar. Dalam masa yang sama ia mengundang keprihatinan semua pihak untuk membina sistem yang mengadun dengan penuh lutan lagi sistem yang ada pada masa ini agar kita dapat meluncur dengan lebih lancar pada masa mendatang.

HALUAN...

AMBIL SIKAP BERHATI-HATI DAN WASPADA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanyalah bagi Allah Subhanahu Wataala kerana limpah rahmat-Nya mengurniakan negara kita pada tahun baru 2003 ini dengan keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan.

Bagi banyak negara, tahun 2002 merupakan tahun yang banyak diwarnai oleh peristiwa-peristiwa pahit dan berdarah akibat dari perbuatan-perbuatan pihak penganas dan pelampau.

Keadaan sedemikian itu memberikan kesedaran dan keinsafan kepada kita betapa keamanan dan kesejahteraan itu bukanlah sesuatu yang remeh yang mudah didapat.

Kejadian-kejadian yang sungguh mengejutkan yang menggugat keselamatan dan ketenteraman, seperti kejadian letupan bom yang meragut banyak jiwa, dahulunya hanyalah dikaitkan dengan tempat-tempat yang jauh dari rantau Asia Tenggara, tetapi kini kejadian-kejadian sedemikian itu sudah berlaku pula di beberapa buah kota dan bandar raya di sebahagian negara ASEAN sendiri.

Ianya telah menjejaskan bukan saja industri pelancongan di negara-negara berkenaan bahkan juga imej rantau Asia Tenggara, termasuk bidang perdagangan dan pelaburan.

Jika dahulu cabaran besar bagi ASEAN ialah untuk mengatasi keadaan ekonomi yang lembap yang dicituskan oleh krisis matawang, tetapi sekarang cabaran yang dihadapi

BETA amatlah berharap, terutama kepada para belia agar sentiasa menginsafi serta menghindarkan diri daripada dihindangi oleh pengaruh-pengaruh negatif yang boleh menjerumuskan mereka kepada perbuatan mengganggu-gugat keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini.

adalah lebih besar lagi iaitu krisis keyakinan di kalangan para pelabur asing dan pelancong terhadap rantau ini, semata-mata kerana perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Oleh itu, mahu tidak mahu, isu penganasan terpaksa juga diberikan perhatian.

Kita tidak mampu untuk lalai atau leka terhadap keselamatan. Kerana keselamatan adalah menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Dalam hubungan ini, pihak-pihak berwajib terutamanya agensi-agensi keselamatan perlulah sentiasa mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada

selalu.

Demikian juga bagi rakyat dan penduduk hendaklah mengambil sikap yang sama dalam mengawal dan memelihara keselamatan tersebut.

Beta amatlah berharap, terutama kepada para belia agar sentiasa menginsafi serta menghindarkan diri daripada dihindangi oleh pengaruh-pengaruh negatif yang boleh menjerumuskan mereka kepada perbuatan mengganggu-gugat keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini.

Janganlah mudah terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran liar yang boleh merosakkan mereka sendiri dan juga negara. Kerana yang akan rugi



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2003 pada 27 Syawal 1423 Hijrah/1 Januari 2003 Masihi.

bukan saja orang lain, tetapi juga kita sendiri.

Insya-Allah, berkat niat baik serta kerjasama yang erat oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini kepada pihak-pihak yang berwajib, maka dapatlah kita mengekalkan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan serta perpaduan di kalangan sesama kita.

Pada sepanjang tahun 2002, negara kita dapat terus aktif memainkan peranan selaku anggota masyarakat antarabangsa melalui penglibatan dalam persidangan-persidangan yang bersifat serantau dan antarabangsa.

Di antaranya ialah penyertaan negara di Sidang Kemuncak APEC di Mexico, diikuti dengan Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja.

Negara kita telah juga menjadi tuan rumah kepada beberapa persidangan serantau dan antarabangsa di peringkat menteri seperti ARF, AMM, AEM dan AMRI.

Dengan tidak mengabaikan kepentingan dalaman, pada sepanjang tahun 2002 juga, kerajaan beta telah meneruskan usaha-usaha pada meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara termasuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam, semata-mata bagi kesejahteraan serta keselamatan hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Beta sentiasa turut menaruh harapan agar pihak swasta dan orang ramai akan terus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan sektor awam dalam menjayakan usaha-usaha kemajuan dan pembangunan.

Di samping itu, usaha pada menangani masalah-masalah sosial juga, yang telah diterajui oleh kementerian yang berkenaan hendaklah terus dijalankan, kerana hasil yang diharapkan hanya akan dapat dicapai bilamana terdapat komitmen serta usaha gigih lagi padu dari semua pihak yang berkenaan.

Mengenai Perkhidmatan Awam, beta berharap agar sekalian anggota perkhidmatan awam akan meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam apa jua bidang yang dikendalikan, serta mengamalkan etika kerja yang tinggi.

Tujuannya tidak lain ialah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang dalam menyampaikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara.

Demikian juga bagi mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta, yang sumbangan dan khidmat mereka adalah tidak kurang pentingnya dalam kemajuan dan pembangunan negara.

Pada mengakhirinya, beta dan keluarga beta sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2003 kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Sama-samalah kita berdoa semoga keadaan aman, tenteram serta perpaduan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini akan terus berkekalan, serta kita sekali-kali sentiasa dalam ketaatan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz merayakan Duta Besar Thailand dan isteri di Majlis Jamuan Tengah Hari. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Jamuan tengah hari bagi Duta Besar Thailand

JERUDONG, 4 Januari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz hari ini mengadakan Majlis Jamuan Tengah Hari bagi Duta Besar Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Thinakon Kanasuta yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini dan Datin Kanasuta di Empire Hotel and Country Club.

Oleh Aliddin HM

berkhidmat sebagai Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan April 1999.

Negara Brunei Darussalam dan Thailand menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada tahun 1984. Hubungan itu terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi melalui pelbagai kerjasama di bidang pendidikan dan latihan teknik, perdagangan dan pelaburan, perhubungan, penyiaran dan penerangan, kebudayaan dan pertahanan.

Tuan Yang Terutama

Rakyat negara ini diseru mendaftar menganggotai gerak koperasi

BERAKAS, 3 Januari. - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) hari ini melancarkan sebuah buku sempena Jubli Perak Gerakan Koperasi di negara ini yang berlangsung di bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Buku yang mengandungi pelbagai maklumat dan keterangan mengenai kegiatan-kegiatan gerakan koperasi yang beroperasi sejak mula penubuhannya hingga ke hari ini.

Hadir melancarkan dan seterusnya menyampaikan buku-buku berkenaan kepada wakil-wakil koperasi di negara ini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman.

Beliau dalam ucapannya menyatakan bahawa purata keahlian keseluruhan penduduk di negara ini yang menganggotai gerakan koperasi hanya berjumlah enam peratus sahaja.

Dalam kesempatan itu, beliau menyeru orang ramai dan rakyat di negara ini supaya mendaftar diri sebagai anggota gerakan koperasi.

Menyentuh mengenai pelancaran buku hari itu, Dato Paduka menjelaskan bahawa kandungan sebuah buku memainkan peranan penting terutama dalam merangsang dan mendorong ke arah menjana minda sama ada seseorang masyarakat, bangsa dan negara, di samping boleh dijadikan sebagai tunggak ke arah amal kebajikan.

Buku yang ringkas dan padat itu mengandungi beberapa bahagian dan pelbagai informasi serta gambar-gambar mengenai kegiatan gerakan koperasi yang bersejarah.

Justeru dengan terbitnya buku berkenaan menggambarkan usaha gigih yang berterusan antara kedua-dua belah pihak kerajaan dan gerakan koperasi itu sendiri.

Oleh Abu Bakar HAR



DATO Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menyampaikan Buku Koperasi kepada wakil koperasi di negara ini. - Gambar oleh Halim HS.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

JABATAN TELEKOM ADAKAN PROMOSI ISTIMEWA

JABATAN Telekom Brunei (JTB) hari ini mengumumkan pelancaran promosi istimewa bagi caj panggilan tempatan (sama daerah). Pemanggil akan dapat berbual lebih lama dengan caj lebih istimewa dari 1 Januari 2003 hingga 15 Februari 2003, awda dapat menikmati 50 peratus diskaun dari kadar biasa bagi panggilan tempatan (sama daerah). Kadar istimewa ini hanya bagi waktu malam pada hari Isnin hingga Jumaat dari 7.00 malam hingga 7.00 pagi dan hujung minggu bermula pada jam 6.00 petang hari Sabtu hingga 7.00 pagi hari Isnin. Ambillah peluang keemasan ini untuk sentiasa berhubung dengan keluarga dan sahabat handai bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang sudah terjalin.

Dalam usaha berterusan JTB bagi pelanggannya dari masa ke semasa akan sentiasa memperkenalkan pakej-pakej promosi istimewa bagi panggilan tempatan (sama daerah) untuk memberikan nilai wang yang terbaik bagi pengguna-pengguna telefon.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pemedulian Pelanggan JTB '111' atau layari laman web: www.brunet.bn.

Senyum Budiman



Kebawah DYMM tinjau Empangan dan Loji Penapisan Air Mengkabau



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan data-data pembinaan Empangan Air Mengkabau.

MENTIRI, 2 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau ke Empangan Mengkabau dan Loji Penapisan Air Mengkabau, di sini.

Lawatan baginda itu bersempena Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri dan Kampong Rimba, Gadong hari ini.

Empangan Mengkabau dibina merentangi Sungai Mengkabau berdekatan Kampong Mentiri mempunyai keluasan per-

mukaan takungan air sehingga 1.3 kilometer persegi dengan keluasan tadahan berukuran 13.7 kilometer persegi.

Kerja pembinaan yang bermula pada bulan April 1997 telah siap pada bulan Januari 1999 dengan harga perbelanjaan projek berjumlah \$28.7 juta. Empangan berkenaan boleh menampung simpanan air sebanyak 9.6 juta meter padu dengan paras air yang tertinggi berukuran 28.7 meter.

Air mentah dari Empangan Mengkabau diangkut ke Loji Penapisan Air Mengkabau melalui saluran paip keluli berukuran 600 mm garis pusat dan sepanjang 2.9 km di mana air mentah diproses melalui rawatan 'convective'.

Air bersih mengalir secara graviti ke tangki-tangki air Mengkabau, persisiran Pantai Muara, Batu 12 dan Batu 15 Jalan Muara sebelum disalurkan kepada pengguna-pengguna.

Dari Empangan Mengkabau, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga meninjau ke Loji Penapisan Air Mengkabau.

Baginda berkenan mendengar sembah taklimat mengenai fungsi dan kemudahan yang terdapat di loji itu yang berupaya mengeluarkan sebanyak 27.3 juta liter air sehari bagi kawasan Muara dan sebahagian Kota Batu.

Loji tersebut beroperasi 24 jam sehari dan mula membekalkan air bersih kepada orang awam sejak bulan Februari 2000.



SEORANG pegawai bahagian air menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai kedudukan dan agihan Empangan Air Mengkabau.

Liputan Haji Ahat HI dan Samle HJ
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Pengiran Rafee PDPHM,
Hamadi HM, Mohd. Zul-Izzi HD
dan Md. Raffi

kawasan-kawasan Serasa, Pekan Muara, Kapok, Tanah Jambu, Batu Marang, Perumahan Mentiri, Serdang dan kawasan sepanjang Jalan Muara dan Kota Batu.

Skim berkenaan juga

membantu menambahkan bekalan air ke kawasan berdekatan jika diperlukan, terutamanya semasa bekalan air berkurangan daripada Loji Penapisan Air Bukit Barun, Tutong.



PARA Pegawai bahagian air merakamkan gambar kenangan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa berada di Empangan Air Mengkabau.



SEBELUM berangkat meninggalkan Loji Penapisan Air Mengkabau, baginda berkenan menurunkan tandatangan.



BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan di hadapan Loji Penapisan Air Mengkabau.



SEORANG pegawai menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai proses air yang dijalankan di Loji Penapisan Air Mengkabau ke hadapan majlis baginda.

Tinjau tapak kawasan Perindustrian Ringan Kg. Salar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla menyaksikan secara dekat mutu kayu bagi pembuatan perabot di Fashion Furniture and Construction Co. Sdn. Bhd. (atas).

SALAH satu peralatan yang terdapat di Syarikat Timbertech Sdn. Bhd. turut menarik minat baginda untuk menyaksikannya (kiri).

TILAM yang dihasilkan sedia untuk dijual atau dipasarkan ke beberapa buah kedai perabot tempatan (kanan).



PENGURUS Timbertech Sdn. Bhd., Dato Paduka Ampuan Haji Yassin menyebarkan taklimat mengenai papan yang terdapat di syarikatnya (atas kanan), sementara gambar atas kiri, baginda menyaksikan sebahagian daripada bahan-bahan pameran yang terdapat di Syarikat Timbertech Sdn. Bhd.



SEORANG pekerja Syarikat Timbertech Sdn. Bhd. menyebarkan tunjuk cara penggunaan alat yang terdapat di kilang berkenaan.



PEKERJA kilang perabot menyebarkan sebahagian daripada bentuk kayu yang sudah dipotong untuk direka bentuk.

MENGENANG kembali pergerakan belia dan penubuhan persatuan-persatuan belia dan kebudayaan di masa silam, liku-liku yang dilalui mereka tidaklah semudah belia-belia yang ada sekarang ini. Belia-belia sekarang tidak perlu memikirkan banyak hal selain dari soal-soal yang berkaitan dengan aktiviti, matlamat, pendaftaran dan soal-soal keahlian dan seumpamanya. Dahulu, penubuhan sesebuah persatuan belia termasuk kebudayaan itu akan terpaksa memikirkan banyak bidang yang setentunya berkaitan dengan keadaan yang mengelilingi masyarakat waktu itu. Selain daripada itu, satu hal yang juga penting difikirkan ialah mengenai pergerakan-pergerakan belia yang di luar dari negara kerana suasana waktu itu iaitu di sekitar tahun-tahun 1960-an banyak perkara yang berlaku dan dikuatir saling pengaruh-mempengaruhi tidak terkecuali dengan negara kita yang sungguhpun kecil tetapi dianggap malah selalu diperkatakan sebagai 'gadis pingitan'. Tidak diketahui apakah yang sebenarnya dimaksudkan secara jelas mengenai 'gadis pingitan' itu selain dari yang merupakan seorang gadis yang menjadi rebutan. Al-maklumlah, para remaja dan belia-belia yang ada pada waktu itu tidaklah sedalam mana ilmu dan pengetahuan mereka apa lagi bila mengingatkan yang sistem perhubungan amat terhad dan belia-belia kita tidaklah terdedah secara meluas terhadap hal-hwal yang mengelilingi mereka, jauh sekali dari apa yang dikatakan sebagai pergolakan, malah yang bernama politik itu pun mereka tidak arif apa bendanya dan apa pula tujuannya. Mungkin ada yang mengerti namun bilangannya tidaklah ramai. Dalam pada itu mungkin juga mereka yang dikatakan mengerti itu tetapi kurang memahami selok-beloknya dan kurang mengerti secara mendalam mengenai aktiviti selain daripada sekadar tahu mengenai kebaikannya sahaja. Sebab, rata-rata orang dahulu menganggap bahawa apa saja yang

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SEPINTAS DENGAN BELIA DAHULU

dikatakan baik itu pastinya akan jarang ditolak. Ini juga adalah akibat kurangnya pengetahuan dan pendedahan yang secukupnya dalam mengetahui kedudukan sebenar dan jelas akan sesuatu yang dihadapkan kepada mereka atau yang dilibatkan dengan tenaga mereka. Namun semua ini tidak bermakna yang mereka itu buta segala-galanya bahkan mungkin ada yang lebih cerdik tetapi tidak berupaya atau kurang upaya dalam memahaminya kepada yang perlu pemahaman terhadap sesuatu itu. Juga yang perlu dilihat ialah latar belakang ilmu pengetahuan yang ada pada waktu itu dan suasana pentadbirannya.

Memahami keperluan-keperluan yang diperuntukkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan yang ada pada waktu itu adalah satu perkara yang tidak boleh dianggap ringan apa lagi kalau yang berkaitan dengan keselamatan dan keamanan negara, kerana makna keselamatan dan keamanan negara itu adalah luas dan bukan seperti yang ditekankan dari segi tanggungjawab anggota-anggota yang dipikulkan dari segi kawalannya semata-mata. Bahkan ianya adalah menyeluruh dan semua orang ada tanggungjawab dalam memastikan ketenteraman, keamanan dan kesejahteraan itu dan yang seumpamanya.

Perkara yang dibayangkan di atas, serba sedikitnya memperkenalkan suasana umum yang pernah dialami oleh belia-belia pada waktu itu,

walaupun tidak semuanya, setidak-tidaknya, ianya adalah yang pernah dialami terutama sekali dari segi keperluan-keperluannya.

Dalam semua pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan di peringkat awalnya itu, kita tidak dapat menyebut secara kronologi mengikut waktu-waktunya. Apa yang kita pentingkan ialah gambaran yang ada dan yang pernah dialami oleh kebanyakan belia di sekitar Pekan Brunei yang kemudiannya dipanggil Bandar Brunei dan Kampong Ayer menurut ejaan lamanya dan kini perkataan 'Ayer' itu sudah berubah kepada ejaan baharunya iaitu 'Air' (yang kalau dibaca oleh orang-orang Barat atau hanya tahu bahasa Inggeris sahaja, nescaya dalam kepala mereka, akan mengambil dan memberi makna yang lain). Bagaimanapun, itulah tanda sekitar waktu sasaran tulisan ini, yang tidak semestinya lengkap.

Seawal yang kita sama-sama terlibat dalam pergerakan belia dan kebudayaan itu, suasana persekitaran adalah yang lebih banyak seperti 'memanggil dan memberi tawaran' supaya belia-belia dan para aktivis Brunei agar berpartisipasi sama 'agar tidak ketinggalan zaman', agar tidak seperti katak di bawah tempurung; agar bangkit dari tidur yang lena dan banyak lagi kata-kata yang membangkitkan semangat dan kesedaran supaya tidak menjadi orang-orang yang kaku dan lain-lain lagi. Dengan yang demikian, jika seseorang yang berpotensi untuk berpartisipasi itu,

maka akan mudah didekati atau diperdengarkan akan kepentingan-kepentingan bersatu padu melalui kegiatan berpersatuan, berkumpul dan secara bersama-sama yang kemudiannya memperdengarkan perkataan 'setia kawan', 'perjuangan', 'penjajahan', 'kolonial', dan banyak lagi yang sebahagiannya boleh mengerti dan sebahagiannya pula tidak memahami. Itu adalah keadaan dahulu (sekadar menyatakan sahaja). Seawal yang kita ingat juga bahawa sekitar waktu itulah, pertubuhan-pertubuhan luar lalu datang ke Brunei yang tujuannya bukan mencari ahli aktif tetapi 'penderma' dengan membeli apa yang dijual, misalnya, pertubuhan Ihtwanul Muslimin yang menjual 'badge' berwarna hijau berlambangkan bintang bulan sabit selain dari menjual gambar-gambar yang berupa kaligrafi ayat-ayat Al-Quran dan juga tabung-tabung kecil dengan rantai (kata orang Brunei dahulu 'KONGKONG'), dan ada juga yang berupa 'GIMPAL' yang khusus untuk anak-anak dan lain-lain barang lagi. Nyatanya, gerakan begini bukan untuk mencari ahli tetapi untuk mengutip wang. Tidak tahulah sama ada untuk persatuan mereka atau untuk diri mereka sendiri. Dulu bebas dan tidak ada siapa yang ambil tahu asalkan mereka masuk secara sah dan tidak buat kacau.

Antara persatuan-persatuan belia dan kebudayaan yang agak awal ditubuhkan ialah sebuah persatuan yang bergerak khusus di bidang agama iaitu Persatuan Islam Brunei selain daripada Persatuan Murid Tua (MUTU) dan kemudiannya EX-SOAS dan lain-lainnya. Terdahulu dari itu memang ada pertubuhan belia seperti yang digelar melalui nama singkatannya sebagai 'BARIP', tetapi matlamat kita ialah mengenai suasana dahulu bila berhadapan dengan 'gamitan-gamitan' untuk berpersatuan, mengenai kefahaman dan juga mengenai minat beraktiviti.

Hingga minggu depan, jika diizinkan.....

KERJASAMA PERTAHANAN ANTARA BRUNEI - UK



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman menandatangani MOU mengenai Penubuhan Suruhanjaya Bersama Pertahanan bersama Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini TYT Andrew Caie. - Gambar oleh Abdullah HAD.

MOU pertahanan dipertingkatkan

BERAKAS, 31 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Penubuhan Suruhanjaya Bersama Pertahanan (JDC) untuk kepentingan kedua-dua belah pihak.

Perjanjian tersebut merupakan mekanisme yang berkesan buat ahli-ahli pertahanan kedua-dua buah negara bagi membincangkan secara terperinci mengenai hal-hwal ketenteraan yang bertujuan ke arah mempertingkatkan ker-

jasama pertahanan yang lebih mantap dan berkesan.

Menandatangani MOU bagi Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Abdul Kani, manakala Kerajaan United Kingdom pula ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Andrew Caie.

Majlis Pengundian, Pemilihan Calon Ketua Kampong Ujong Bukit dan Limbongan, Mukim Tamoi

PEJABAT Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada para penduduk Kampong Ujong Bukit dan Kampong Limbongan bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon Ketua Kampong Ujong Bukit dan Limbongan, Mukim Tamoi akan diadakan pada hari Ahad, 23 Zulkaedah 1423 bersamaan 26 Januari 2003 bermula pada jam 8.30 pagi hingga selesai bertempat di Dewan Sekolah Rendah Dato Godam.

Oleh yang demikian, Pegawai Daerah Brunei dan Muara memohon kerjasama daripada semua penduduk Kampong Ujong Bukit dan Kampong Limbongan yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan diminta hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Kehadiran para penduduk kampung berkenaan adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

BERAKAS, 31 Disember. - Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Penubuhan Suruhanjaya Bersama Bidang Pertahanan (JDC) diharapkan akan lebih meningkatkan lagi hubungan pertahanan selain menjadikannya sebagai peluang bagi berkongsi kepentingan bersama ke arah sumbangan untuk kestabilan dan keamanan sejagat.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani ketika berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bagi Penubuhan Suruhanjaya Pertahanan Bersama (JDC) di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom, pagi tadi di Mes Pegawai Bolkliah Kem.

Beliau menjelaskan pada masa yang sama ia juga akan merupakan usaha yang berterusan untuk kerja yang lebih mesra dan harmoni di antara satu sama yang lain dalam usaha bersama mempromosikan dan meningkatkan kepentingan bersama di kedua-dua peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh
Abdullah Asgar

Katanya, dengan ter-tubuhnya JDC itu kedua negara akan boleh bekerjasama dalam sebarang isu yang menjadi kebimbangan dalam hubungan dua hala di antara kedua-dua negara dalam bidang pertahanan.

"Dengan termeterainya MOU ini kita boleh bekerjasama sebagai satu pasukan di dalam usaha mencapai objektif-objektif yang dihasratkan dan kerajaan kedua negara telah mengesahkan komitmen masing-masing untuk bekerjasama dengan erat dan usaha mengembangkan dan meningkatkan kerjasama yang sedia wujud dan hubungan di bidang pertahanan," jelasnya.

Sementara itu dalam ucapan balas oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Andrew Caie menjelaskan bahawa JDC itu menyediakan satu rangka kerja yang baru dalam hal pertahanan dan ia boleh memberikan kedua pihak abiliti untuk mengkaji semula semua aspek perhubungan dalam perta-

hanan dan membuat perubahan jika perlu.

Lebih dari itu katanya, JDC itu bukan hanya menyediakan rangka kerja yang berinstitusi malah juga rangka kerja pengaturannya, seperti mesyuarat biasa dan 'task' kerjanya supaya membantu mengekalkan momentum, satu maksud yang jelas dan efisien ke arah hubungan pertahanan.

Katanya, kedua-dua pihak hendaklah menggunakan JDC itu secara meluas dan sebaik mungkin, ia mestilah merupakan forum bagi kedua-dua pihak untuk bercakap secara berterangan dan bebas agar boleh memajukan dan mengembangkan hubungan pertahanan dalam semua aspek.

"Tiada kawasan dalam hubungan pertahanan menjadi 'off limits' bagi JDC, ia boleh diutarakan segala dan semua dalam perjanjian dua hala pertahanan yang wujud, ia juga boleh diucapkan dalam segala pertahanan dua hala yang berkaitan yang mungkin terkeluar dari formal perjanjian yang wujud tetapi mana saja atau kedua pihak yang berhajat boleh membawanya ke meja mesyuarat," tegas TYT.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyampaikan ucapan alu-aluan.

MENTIRI, 2 Januari. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyatakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah kepada rakyat negara ini memperlihatkan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat rakyat mempunyai tempat tinggal sendiri dan hidup dalam aman dan selesa.

Menyatakan perkara itu dalam sembah alu-aluan di Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Lot-lot yang di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri dan Rimba di Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Pegawai Daerah menjelaskan Kementerian Pembangunan terus-menerus berusaha dengan gigih menyediakan pe-

Pengurniaan rumah dan lot tanah

Memperlihatkan hasrat murni kerajaan terhadap hidup rakyat

Oleh Haji Ahat HI dan Samle Haji Jait

rumahan dan lot tanah bagi kemudahan rakyat.

"Kepada mereka yang masih menunggu usaha-usaha sedang giat diusahakan untuk memenuhi permohonan itu mengikut giliran masing-masing," jelasnya.

Menyentuh mengenai perkembangan pembangunan di Mukim Mentiri pula beliau menyampaikan beberapa kemudahan asas dan infrastruktur di mukim berkenaan telah diberikan seperti bekalan air, elektrik, telefon, sekolah, klinik dan jalan raya.

Jalan Kebangsaan link road menuju ke Mukim Mentiri pula, sembahnya telah siap dibina pada tahun 1999 dan telah digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas menuju ke Bandar Seri Begawan dan destinasi-destinasi yang lain.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menjunjung kasih di atas segala kemudahan dan keselesaan yang Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik kurniakan kepada penduduk Mukim Mentiri dan sekitarnya," sembah Pegawai Daerah.

Di majlis penganugerahan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah me-

ngurniakan kunci rumah dan lot tanah kepada seramai 291 orang penerima.

Dari jumlah itu seramai 162 orang peserta

menerima kunci rumah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Rimba Peringkat Pertama Fasa I (PPK). Sejumlah 70 orang pula menerima kunci rumah RPN Kam-

pong Mentiri Peringkat IV dan V. Seramai 31 orang menerima lot tanah RPN Kampong Mentiri manakala 28 orang menerima lot tanah RPN Kampong Rimba.




PW2 (B) Tengku Zainal bin Tengku Haji Hassan dan isteri, Dayang Sarimah binti Haji Abdul Wahab membina rumah melalui Skim Perumahan Lot Tanah Pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian III, IV dan V Kampong Mentiri.



DAYANGKU Fatimah binti Pengiran Haji Hashim dan suami, Awang Abdul Hamid bin Haji Gapar, mendiami rumah kelas 'C' Skim Perumahan Orang Awam Kampong Mentiri Peringkat IV.



HAJI Yusof bin Haji Sulaiman, mendiami rumah kelas 'D' Skim Perumahan Orang Awam Kampong Rimba Gadong, Peringkat III.



AWANG Haji Saparuddin bin Haji Abidin, mendiami rumah kelas 'C' Skim Perumahan Orang Awam Kampong Mentiri, Peringkat IV.

Para penerima hargai keprihatinan Kebawah DYMM

MENTIRI, 2 Januari. - Sikap keprihatinan dan pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam menyediakan rumah dan lot-lot tanah perumahan kepada rakyat amat dihargai dan disanjung tinggi oleh para penerima.

Melalui keprihatinan baginda dan kerajaan itu mereka dapat tinggal dengan aman dan selesa serta menambahkan rasa syukur dan terima kasih ke hadapan majlis baginda di atas pengurniaan itu.

Menurut Awang Abdul Hamid bin Gapar dan isteri Dayangku Fatimah binti Pengiran Haji Hashim, dengan mempunyai rumah sendiri itu mereka dapat tinggal dengan selesa dan gembira bersama keluarga berbanding dengan tinggal sementara di flat kerajaan.

Mereka yang berjaya mendiami rumah kelas 'C' di bawah Skim Perumahan Orang-orang Awam Kampong Mentiri menyatakan rasa kegembiraan kerana sudah mempunyai rumah untuk berteduh.

Oleh Haji Ahat HI dan Samle HJ

"Kami merasa gembira dan berterima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia apabila dikurniakan sebuah rumah untuk berteduh dan kegembiraan ini tidak dapat dibayangkan dengan kata-kata," ujar mereka.

Turut sama meluahkan rasa syukur dan gembira memiliki Skim Perumahan Orang-orang Awam di Kampong Rimba ialah Awang Haji Yusof bin Haji Sulaiman yang terpilih bagi mendiami rumah kelas 'D'.

Apabila mendiami rumah melalui skim perumahan kerajaan ini, katanya, terukir rasa senang dan bahagia kerana rumah yang menjadi idaman dalam kehidupan berkeluarga selama ini telah menjadi kenyataan.

"Oleh itu tiada apa yang hendak diluahkan selain rasa syukur dapat memiliki rumah dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mempunyai sifat prihatin terhadap ke-

hidupan rakyat," katanya.

Perasaan yang sama juga dikongsikan oleh sepasang suami isteri PW2 (B) Tengku Zainal bin Tengku Haji Hassan dan isteri, Dayang Sarimah binti Haji Abdul Wahab yang menyatakan rasa syukur dan terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana dikurniakan untuk membina rumah di bawah skim membina rumah dari lot tanah pegawai kerajaan di Kampong Mentiri.

Mereka yang sudah mendiami rumah itu selama setahun lapan bulan menyatakan rasa selesa dapat tinggal dengan gembira di rumah sendiri dan menambahkan rasa terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperkenankan permohonan mereka.

"Setelah dapat rumah sendiri ini, alhamdulillah saya bersama keluarga dapat tinggal dengan gembira berbanding dengan sebelumnya di perumahan kerajaan. Pada kesempatan ini saya dan keluarga menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang

Maha Mulia," kata Tengku Zainal.


Juga mengongsikan perasaan yang serupa ialah Awang Haji Saparuddin bin Haji Abidin yang menyatakan rasa lapang dada apabila berjaya mendiami rumah kelas 'C' di bawah Skim Perumahan Orang-orang Awam Kampong Mentiri Peringkat IV.

Beliau yang bertugas dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berpangkat Staf Sarjan dan mendiami perumahan kerajaan sebelum ini berkata, dengan mempunyai rumah sendiri kehidupan sesebuah keluarga itu akan lebih bahagia dan sempurna.

"Jadinya saya rasa lapang dada dan gembira kerana apa yang saya tunggu-tunggu selama ini menjadi kenyataan dan rumah tempat berteduh dari hujan dan panas sudah sedia berdiri untuk didiami. Di atas kurnia ini saya beserta keluarga menyembahkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperkenankan kami mendiami skim perumahan," katanya.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERDANA MENTERI

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Kebenaran permohonan memiliki tanah	7 hari
2.	Kebenaran permohonan penyewaan tanah	7 hari
3.	Pembayaran tuntutan pemeliharaan kenderaan	11 hari
4.	Pembayaran tuntutan sewa kereta rasmi Jabatan Perdana Menteri (dibayar oleh JPM)	11 hari
5.	Pembayaran tuntutan sewa kereta dihadapkan ke kementerian/jabatan untuk pembayaran	11 hari



BAGINDA mengurniakan kunci rumah kepada seorang penerima di Dewan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yasin, Mentiri (atas).

SELEPAS penganugerahan kunci rumah dan lot tanah, baginda berkenan menanam seponon pokok di perkarangan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin (kiri).



SEORANG murid perempuan memperlihatkan bakatnya dalam melukis ke hadapan majlis baginda (atas).

SELAIN melawat sekolah, baginda juga meluangkan masa mengunjungi Masjid Kampong Mentiri dengan dijunjung oleh ahli-ahli jawatankuasa masjid berkenaan (kiri).

Dua lagi rumah penerima di baw
Mentiri, Awang Mohamad Azmi
Awang Haji Ansamawi bin Haji Teng
oleh baginda.

DYMM IAKAN N LOT TANAH

aha Mu-
Bolkiah
Pertuan
ekat ke
nah dan
umahan
t.

Sekolah
enasihat
Jabatan
l Dalam
ila Setia
Menteri
etia Dr.
inei dan

aatihah
Rendah

erahkan
enerima
ampong
g RPN
ah RPN
enerima

ah Duli
i meng-
Yassin
menyak-
ang ter-

letak di
pada 10

h bilik
as yang
erkenan
ah ber-

engkapi
mai 604
ikenda-

rkenaan
Paduka
berke-

an pen-
erhatian

a 1,800
gunakan
elbagai
elia.

Ketua
Pengiran
pukulan
melepas-
n majlis
itu.

ada Dk.
a bulan)
Majlis

rumah
nan bin
kempa-
jak me-
erkenan
muzik

rumah-
lapisan
rah dan
prihatin
dengan

ima lot
san dan
pengiran
a rumah

ampong
lah dan
unjungi

**Liputan Haji Ahat Haji Ismail
dan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Harun HR,
Pengiran Raffee PDPHM, Hamadi HM
Mohd. Zul-Izzi HD dan Md. Raffi**

RPN Mentiri yang mempunyai lebih 800 buah rumah dan dihuni oleh lebih 5,000 orang penduduk di mana kebanyakan berasal dari Kampong Ayer sejak selesai pembinaan pada tahun 1991.

Baginda mengakhiri lawatan dengan meninjau dua tapak kawasan Perindustrian Ringan di Kampong Salar iaitu Fashion Furniture and Construction dan Timbertech Sendirian Berhad.



KESEMPATAN bertemu Kebawah DYMM tidak dilepaskan oleh para penduduk untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.



SEMASA berangkat ke rumah Ketua Kampung Kawasan 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit, baginda berkenan melakukan Majlis Papat Jambul (atas).

DAYANG Mariam binti Haji Tarip menerima kurnia rumah Kelas 'C' Skim Perumahan Bagi Orang-orang Awam Kampong Rimba (kanan).

KETUA Kampung Kawasan II, Awang Haji Sulaiman bin Jaafar memperlihatkan kemahirannya bermain alat muzik umpung ke hadapan majlis baginda (kanan sekali).



BIDANG komputer yang diajarkan kepada murid-murid, turut menarik minat baginda untuk melihat secara dekat.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah DYMM di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun (atas).



KELUARGA Tengku Zainal bin Tengku Haji Hassan mengambil kesempatan bergambar bersama baginda.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal dan lain-lain pegawai kementerian tersebut ketika menerangkan Kongres Otorhinolaryngologi di sidang media bersama wartawan Isnin lalu. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Brunei tuan rumah bagi Kongres Otorhinolaryngology

Dari muka 1

Penjelasan tersebut dibuat oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin dalam Sidang Akhbar ketika memberi tahu wakil PELITA BRUNEI mengenai kongres tersebut di bangunan kementeriannya.

Sementara itu mengikut Pakar ORL Rumah Sakit RIPAS, Dr. Zulkarnain bin Haji Hanafi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kongres berkata, kertas kerja itu juga nanti akan menentengahkan pengalaman-pengalaman pakar-pakar dan doktor-doktor kepala dan leher Negara Brunei Darussalam semasa mereka menjalankan tugas dan membuat pembedahan.

Beliau menjelaskan tujuan lain kongres tersebut ialah berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama pakar-pakar dari negara-negara ASEAN dan penceramah-penceramah yang diundang dalam bidang masing-masing tertumpu kepada masalah hidung, telinga, kerongkong dan leher serta kepala.

Apa yang diharapkan semasa kongres nanti ialah masalah terkini dan cara mengatasinya dengan menggunakan teknologi canggih dan terkini akan dapat dibincangkan.

Kongres tersebut juga berharap negara ini akan dapat dijadikan sebagai pusat cemerlang dalam bidang otorhinolaryngologi kepala dan leher.

Sejauh ini pihak

jawatankuasa telah menerima lebih 350 penyertaan dan masih lagi dialu-alukan lebih ramai peserta tidak terkecuali para doktor dari kawasan negara jiran seperti Miri, Limbang dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pertubuhan Otorhinolaryngologi Kepala dan Leher ASEAN ditubuhkan sejak 21 tahun lalu bermula 1981 di Republik Indonesia, manakala kongresnya hanya diadakan setiap dua tahun sekali.

Prakongres juga akan diadakan pada 25 dan 26 Januari ini dan Bengkel Post Kongres akan diadakan pada 30 Januari, bertempat di Universiti Brunei Darussalam, Hospital RIPAS dan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC).

Anggota polis bertanggungjawab menguat kuasa undang-undang

Oleh
Awangku Jefferi PD

GADONG, 4 Januari. - Selaku anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertanggungjawab di dalam menguatkuasaan undang-undang hendaklah menaati tanggungjawab mereka dengan mempertingkatkan lagi penglibatan sebagai anggota polis dalam memelihara kestabilan dan kesejahteraan negara.

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dalam teks ucapannya juga menyentuh mengenai titah perutusan Tahun Baru Masihi 2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh mengenai keselamatan dan keamanan negara, sehubungan dengan itu anggota Pasukan Polis Diraja Brunei diseru agar bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dalam memelihara kestabilan dan kesejahteraan negara, di samping menjaga nama baik pasukan agar tidak tercela oleh sekelompok anggota yang tidak bertanggungjawab.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Johan, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei yang juga selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Raya dan diselenggarakan dengan Majlis Meraikan Pegawai-pegawai dan Anggota Pangkat Rendah yang bersara serta Malam Hari Polis Ke-82 Tahun. Majlis berlangsung di Dewan Stadium Hassan Bolkiah, Ibu Pejabat Polis di sini.

Dalam hubungan ini, Dato Paduka Seri juga menyeru agar semua anggota mengikut contoh anggota-anggota yang diraikan di majlis tersebut di mana mereka telah berjaya mengharungi hidup dalam pasukan tanpa menimbulkan banyak masalah.

Dato Paduka Seri juga mengingatkan, bagi mereka yang sudah tidak berminat dalam Pasukan Polis Diraja Brunei ataupun ada yang hanya menjadi penumpang dalam sebuah kenderaan ada baiknya mereka ini



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan cenderahati kepada salah seorang bekas anggota polis yang bersara (gambar kanan), sementara gambar kiri pula, kelihatan Datin Paduka Pg. Hj. Noralam menerima cenderahati daripada Pesuruhjaya Polis. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

berundur diri dengan cara terhormat kerana anggota Pasukan Polis Diraja Brunei tidak mahu disebabkan 'seekor kerbau membawa lumpur semua orang lain terpalit'.

Pasukan Polis Diraja Brunei merupakan agensi kerajaan paling tua di negara ini yang mana ianya ditubuhkan pada 1 Januari 1921, dengan tugas utama

mengendalikan Pejabat Penjara, Imigresen, Pengangkutan Darat dan Bomba.

Dengan kebijaksanaan pucuk pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pasukan Polis Diraja Brunei kini mampu meletakkan dirinya bersama-sama pasukan-pasukan polis di arena serantau dan antarabangsa.

Bakal jemaah haji disaran sentiasa bersifat sabar

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 3 Januari. - Bakal-bakal haji dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diseru

supaya menanamkan sifat sabar, bersyukur dan bertolak ansur apabila menunaikan ibadah haji di Mekah, kata Pemerintah ABDB.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar membuat seruan itu ketika berucap di Majlis Jiwa Murni bagi anggota-anggota ABDB yang akan menunaikan fardu haji tahun ini bertempat di Surau Berakas Garrison berkata, semuanya itu merupakan satu cabaran dan dugaan yang memerlukan sifat kesabaran dan kesyukuran ketika menghadapinya.

"Saya menyeru kepada kamu semua yang mempunyai latar belakang anggota tentera akan bekerjasama dan tolong-menolong bersama jemaah yang lain

serta memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai haji yang telah dilantik oleh pihak pengurusan haji," tambahnya.

Dengan kerjasama yang diberikan akan lebih memudahkan lagi urusan-urusan semasa menunaikan haji, tegasnya.

Yang Dimuliakan menyampaikan sumbangan Jiwa Murni kepada bakal jemaah haji yang terdiri dari anggota ABDB dan anggotanya yang baru bersara yang akan menunaikan haji tahun ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat diteruskan dengan bacaan Surah Yaasiin beramai-ramai dan bacaan doa selamat oleh Imam Surau Berakas Garrison.



MAJLIS Jiwa Murni bagi anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan menunaikan fardu haji tahun ini. - Gambar oleh Ramli Haji Tengah.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan bergambar ramai bersama penghulu, ketua kampung, ketua rumah panjang dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim Liang.

Lawatan kerja sambil berhari raya ke Daerah Belait

KUALA BELAIT. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof berserta rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga termasuk ketua-ketua jabatan di bawah kementerian tersebut telah mengadakan lawatan kerja sambil berhari raya ke Daerah Belait.

Kediaman Pemangku Penghulu Mukim Belait, Awang Haji Pungut bin

Oleh
Haji Nasip Rosli

Ali merupakan persinggahan pertama rombongan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di mana rombongan tersebut telah disambut oleh Pemangku Penghulu Mukim Belait berserta ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Mukim Belait.

Rombongan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri juga telah singgah di kediaman Pemangku Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Azmi bin Abdullah di mana rombongan juga telah dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu Mukim Liang berserta beberapa orang ketua-ketua kampung dan ketua rumah panjang serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Mukim

Liang.

Dalam majlis tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah mendengar permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung, di samping beramah mesra bersama penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua rumah panjang serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan hadiah hadirin yang berpakaian cantik kategori remaja perempuan, Dayang Hazah binti Untong.

Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Mukim Labi

LABI. - Ahli Jawatankuasa Perundingan Kampung Labi II telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya bertempat di Balai Raya Mukim Labi yang mana majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian siji penghargaan bagi penderma-penderma darah dan juga siji penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Labi II bagi tahun 2003-2004.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin

Mat Yassin yang juga telah menyampaikan siji-siji penghargaan kepada penerima-penerima siji.

Terdahulu sebelum itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait telah mengingatkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung supaya sentiasa bekerjasama antara anak-anak kampung termasuk juga Majlis Perundingan Kampung Labi I dan II, di samping terus meningkatkan usaha demi untuk kemakmuran dan kemajuan serta perkembangan para penduduk Mukim Labi.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Mat Yassin bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Labi II bagi tahun 2003-2004.

Penduduk kampung perlu amalkan sikap muhibah

Oleh Dk. Hjh.
Saidah PHOA

LUMUT, 29 Disember. - Penduduk kampung di kawasan Lumut I diseru supaya terus mengamalkan sikap muhibah, semangat pemedulian, perasaan keji-ranan demi menjaga keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad juga menyaran mereka supaya memberikan kerjasama yang padu dan berterusan dalam menjaga kebersihan alam sekitar di kampung supaya kesihatan penduduk kampung sentiasa terjamin dan terpelihara.

Beliau juga berharap agar anak buahnya menamakan semangat cintakan kampung dan negara dengan mengibarkan bendera di rumah masing-masing semasa menyambut Hari Kebangsaan walaupun mereka tidak menyertai upacara rasmi menyambut Hari Kebangsaan anjuran agensi-agensi kerajaan sama ada peringkat daerah atau negara namun semangat cintakan negara sepatutnya tertanam di hati sanubari masing-masing.

"Ini berikutan kebimba-

ngan pihak kerajaan mengenai kelunturan semangat sebilangan rakyat dan penduduk negara ini dalam menyambut Hari Kebangsaan melalui pengamatan mereka mengenai kurangnya penglibatan orang ramai dalam mengibarkan bendera di rumah masing-masing," katanya di Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kampung Lumut I yang diadakan di Balai Raya kampung tersebut.

Antara yang menghadiri majlis tersebut, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut. Majlis bertujuan bagi memberi peluang penduduk kampung berkumpul, bermesra, berinteraksi sesama mereka, di samping berhibur dan bermaaf-maafan bagi mencerminkan mereka hidup dalam suasana harmoni di bawah satu mukim.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian, penyampaian hadiah pertandingan bercucuk rumah-rumah menggunakan lampu

elektrik dan minyak tanah yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Johan dalam pertandingan itu ialah Awang Mohammad bin Haji Abdul Rahman; naib johan, Awang Haji Damit bin Haji Hassan dan tempat ketiga, Awang Safar bin Haji Daud Shah.

Pemangku Pengarah Penerangan juga menyampaikan hadiah kepada hadirin yang berpakaian cantik di majlis itu. Kategori dewasa lelaki, Awang Haji Awie bin Abang, manakala kategori dewasa perempuan, Dayang Zannah binti Ismail; sementara kategori remaja lelaki, Awang Mohammad bin Haji Mohd. Yunos dan kategori remaja perempuan, Dayang Hazah binti Untong.

Keluasan kampung berkenaan 53 kilometer persegi bermula dari Pantai Lumut hingga Kampung Agis-Agis. Pada masa ini kampung tersebut mempunyai lebih 3,000 orang penduduk. Majoriti mereka berbangsa Melayu dengan bilangan rumah antara 400 ke 500 buah. Penduduk yang tinggal di situ berkhidmat dengan kerajaan, Syarikat Minyak Brunei Shell dan bekerja sendiri.

Awang Haji Mohd. Shafie memegang jawatan selaku Pemangku Ketua Kampung sejak empat bulan lalu bagi menggantikan Allahyarham Awang Haji Abdul Wahid bin Alim. Seperti kampung-kampung lain, kampung tersebut juga menikmati pelbagai kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti jalan raya, talian telefon, air, pejabat pos dan sekolah.

PEMANGKU Ketua Kampung Lumut, Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan bercucuk rumah-rumah, Awang Mohammad bin Haji Abdul Rahman.



PERSEMBAHAN nyanyian beramai-ramai penduduk Kampung Lumut I memeriahkan lagi majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para penduduk Mukim Mentiri seurus tiba di rumah salah seorang penerima RPN Kampong Mentiri.

Berkenan mengurniakan anak-anak kunci dan lot-lot tanah

Gambar-gambar oleh Harun HR, Pengiran Rafee PDPHM, Hamadi HM, Mohd. Zul-Izzi HD dan Mohd. Raffi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bertitah sesuatu kepada seorang kanak-kanak di Kelas Pra di Sekolah Rendah RPN Kampong Mentiri, ketika baginda berangkat melawat sekolah tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan anak-anak kunci kepada dua orang penerima yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari RPN Kampong Mentiri dan Kampong Rimba (atas kanan dan kiri).

KETIKA berangkat ke rumah-rumah para penerima anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah bagi RPN Kampong Mentiri dan Kampong Rimba, baginda berkenan melawat rumah-rumah yang didiami oleh para penerima. Gambar kanan, baginda berkenan bergambar ramai bersama para penduduk Kampong Perpindahan Mentiri, sementara gambar bawah, baginda tertarik cara pengajaran seorang guru kepada murid-murid Sekolah Rendah Perpindahan Kampong Mentiri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima cenderamata dari Ketua Kampong Perpindahan Kampong Mentiri, Pengiran Haji Aliuddin.

Penuntut terbaik terima hadiah Skim Anggerek

KOTA BATU, 1 Januari. - Penuntut-penuntut terbaik dalam Peperiksaan G.C.E Peringkat 'O' dan darjah enam sekolah agama tahun 2001 yang terdiri dari penduduk-penduduk Kampung Belimbing, Subok, menerima hadiah terbaik Skim Anggerek sebagai penggalak pencapaian pelajaran mereka.

Bagi Peperiksaan G.C.E. Peringkat 'O', tiga orang telah layak menerimanya. Mereka ialah Dayang Ong Chea Kee, Nurulhina Haji Jadar dan Siti Khatijah Rafedah Kamis, manakala bagi peperiksaan darjah enam sekolah agama, tiga orang penerima juga dipilih iaitu Nurhamizah Awang Mohammad, Siti Nurdiana Ghani dan Mustajir Haji Mabob.

Hadir bagi menyampaikan hadiah Skim Anggerek

Oleh
Abdullah Asgar

tersebut ialah Penasihat Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Subok, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab di Majlis Penyampaian Skim Anggerek Ke-7 dan Ramah Mesra Aidilfitri bagi Kampung Belimbing bertempat di Dewan Bandaran Kampung Belimbing.

Beliau antara lain berkata, dengan penganugerahan skim itu anak-anak kampung akan lebih maju dalam bidang pelajaran dan akan terus berusaha meningkatkan tahap pembelajaran mereka akan meneruskan usaha mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik lagi.

Menurut beliau setakat ini pencapaian skim itu terus menampakkan perkembangan walaupun belum mencapai sasaran seperti yang dihasratkan tetapi terus meningkat tahun demi tahun.

Antara persembahan yang turut dijayakan di majlis itu termasuklah pertunjukan kebudayaan tarian Jipin Tar dari beliawanis kampung di bawah pimpinan Awang Eddy Fazlin Haji Amdan.

Turut disebarkan ialah deklamasi puisi oleh Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor dan Haji Jahari bin Dullah serta persembahan nyanyian nasyid oleh beliawanis kampung berkenaan di bawah pimpinan Dayang Salbiah binti Muhammad dengan lagu 'Cita-cita' dan 'Nabi Muhammad Utusan Allah'.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan semasa hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian tersebut yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pegawai yang memenangi cabutan bertuah (lucky draw) sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sambutan Hari Raya anjuran Kem. Kesihatan

Oleh Ak. Jefferi PD

BERAKAS, 27 Disember. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini masih lagi diteruskan terutama sekali di kalangan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian. Antara kementerian yang juga tidak ketinggalan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri ialah Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Majlis berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan

oleh Kementerian Kesihatan tersebut juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan keempat-empat daerah di seluruh negara.

Pelbagai atur cara majlis diadakan, antaranya ialah Pertandingan Nya-nyidra dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Antara objektif majlis diadakan ialah untuk mengeratkan lagi hubungan di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan di keempat-empat daerah, di samping dapat bertukar-tukar fikiran dalam membina idea-idea yang bernas dalam meningkatkan lagi perkembangan kementerian tersebut.

Persatuan BERSATU sambut Aidilfitri

SUNGAI AKAR, 25 Disember. - Walaupun saat-saat kemeriah bulan Syawal kini menghampiri penghujungnya namun kehangatannya masih terasa dengan pengendalian pelbagai sambutan.

Salah sebuah persatuan mengambil kesempatan bagi memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini ialah

Oleh
Abu Bakar HAR

Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Negara Brunei Darussalam (BERSATU) yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Sambutan hari itu dimulakan dengan Mesyuarat Agung BERSATU Ke-11 dengan dihadiri oleh ahli-ahli persatuan berkenaan termasuk Yang Dipertuanya, Awang Haji Jailani.

Antara yang dibincangkan di mesyuarat itu termasuklah pengesahan minit mesyuarat terdahulu, di samping membentangkan Laporan Kewangan dan Kunci Kira-Kira BERSATU bagi tahun 2000-2002.

Kemuncak mesyuarat itu ialah pembubaran Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BERSATU Sesi 2000-2002 seterusnya pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir yang baru bagi tahun 2003-2005.

Majlis pagi itu juga diselenggarakan dengan meraikan bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2002 dan seterusnya penyampaian Anugerah BERSATU 2002 kepada Awang Zulkifli bin Haji Asmad.

Seorang anggota Polis Lalulintas didapati salah di bawah Akta Pencegahan Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Disember. - Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman penjara selama 8 (lapan) bulan ke atas PC 3179 Haji Julhi bin Haji Junaidi, seorang anggota Polis Lalulintas yang bertugas di Jabatan Siasatan Dan Lalulintas Polis Diraja Brunei, setelah beliau mengaku bersalah terhadap 1 (satu) tuduhan di bawah Seksyen 6(a) dari Akta Pencegahan Rasuah.

Mahkamah Majistret juga memerintahkan PC 3179 Haji Julhi membayar denda sebanyak \$100.00 (seratus ringgit) dan jika gagal berbuat demikian

beliau akan menjalani hukuman penjara selama dua (2) minggu sebagai tambahan kepada hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.

Siasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa pada 26 Oktober 2000, PC 3179 Haji Julhi bin Haji Junaidi secara tidak jujur telah menerima suapan \$100.00 (seratus ringgit) dari seorang awam.

Suapan tersebut adalah sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan terhadap seorang pemandu iaitu anak kepada orang awam tersebut kerana kesalahan lalu lintas.



PENASIHAT Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Subok, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin (tiga dari kiri) ketika hadir di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Kampung Belimbing di Dewan Bandaran Kampung Belimbing. - Gambar oleh Hamadi HM.



PERSATUAN Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Negara Brunei Darussalam (BERSATU) ketika mengadakan Mesyuarat Agung Ke-11, di samping mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Gambar oleh Hamadi HM.

ARENA SUKAN



PENGANUGERAHAN Olahragawan Terbaik kepada Wadar 522 Awangku Haji Mohd. Rudi Wasni bin Pengiran Haji Mohd. Daud (kiri), sementara Olahragawati Terbaik Wadar 375 Rohaidah binti Haffali (kanan). Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah. - Gambar ihsan Jabatan Penjara.

Penganugerahan hadiah kepada olahragawan, olahragawati Jabatan Penjara

Oleh
Ak. Jefferi PD

di Sukan Penjara-Penjara ASEAN yang diadakan tiap-tiap dua tahun sekali.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengerusi majlis, Awang Haji Sani bin Haji Baki di Majlis Malam Sukan 2002 dan seterusnya meraikan Tahun Baru Masihi 2003, berlangsung di Dewan Bukit Pantai, Penjara Jerudong.

Beliau seterusnya berkata, melalui kegiatan sukan, kita boleh membentuk diri kita cergas berfikir dan kuat berdisiplin serta dapat menghindari diri kita dari gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan.

Ke arah itu jelas beliau, kita berharap kepada semua anggota pegawai dan kakitangan. Jabatan supaya akan sentiasa menjaga disiplin masing-

masing dan mengekalkan nama baik jabatan supaya digalati dan disegani serta dihormati mana-mana pihak bukan saja dalam aspek pekerjaan seharian dan disiplin yang tinggi tetapi juga dalam bidang sukan yang semakin menyerlah di negara kita.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut, Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah, dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penjara.

Di majlis tersebut juga diumumkan penganugerahan Olahragawan Terbaik kepada Wadar 522 Awangku Haji Mohd. Rudi Wasni bin Pengiran Haji Mohd. Daud, sementara Olahragawati Terbaik Wadar 375 Rohaidah binti Haffali.

Liga Perdana Dua 2003: MOHD. BRIAN IMAN BERAKSI KEMBALI

SELEPAS memperlihatkan aksi hambar di tahun lalu, liga bola sepak Malaysia musim 2003 ini pula akan memulakan sepak mulanya pada 9 Februari depan dengan mengekalkan Brunei Darussalam kekal beraksi di Bahagian Dua buat kali ketiga berturut-turut.

Sebagai persiapan ke arah menaikkan semula imej yang calar dua tahun lalu, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (BAFA) kini meletakkan harapan yang besar dengan membawa pulang Mohd. Brian Iman Abdullah Bothwell untuk beraksi bersama skuad negara musim ini.

Pada awal liga musim lepas skuad negara telah mendapat khidmat pemain import yang terdiri dari Raphael Patron Akakpo

Oleh
Haji Ahat HI

dan Marcus Stuart Phillips. Bagaimanapun selepas melalui beberapa perlawanan sumbangan kedua-dua pemain kurang menyerlah dan BAFA terus menamatkan kontrak mereka.

Selepas itu dua lagi pemain import muncul yang dikenali Silas Liberato Da Silva dari Brazil dan Georgi Slavtchev Gueorguiev dari Bulgaria. Pada awalnya nampak peningkatan mendadak dalam skuad negara, namun pada penghujungnya juga sama seperti yang dikemukakan oleh Patron dan Marcus yang gagal menyerlah sehingga kekal di Bahagian Dua. Apakah dengan kehadiran Mohd. Brian Iman

dan seorang lagi pemain import (kini dalam perundingan) akan dapat mengubah nasib kedudukan skuad negara dalam liga musim ini?

Inilah persoalan yang berlingar dalam sanubari peminat. Begitu pun, jika ditinjau perkembangan bola sepak di negara ini sekarang ternyata banyak peningkatannya. Umpamanya, DPMM F.C yang mewakili negara di Kejohanan Piala Jemputan berjaya muncul juara menumpaskan kelab dari Thailand, Bec Taro Sasana. Penyertaan itu sudah dapat memberikan pendedahan kepada pemain tempatan menimba pengalaman.

Kemudian selepas itu Piala Hassanah Bolkiah antara negara-negara ASEAN juga memfokus

kepada pendedahan dan mencari pengalaman pemain-pemain muda untuk persiapan kejohanan akan datang.

Muncul pula Liga Bola Sepak Brunei dan Piala F.A. Pemain-pemain dari kelab-kelab dan pertubuhan bola sepak tempatan beraksi antara satu sama lain dalam liga tersebut yang sekali gus memberikan nafas baru terhadap perkembangan permainan bola sepak negara ini.

Melalui perkembangan dan kemajuan tersebut dan pengalaman serta pendedahan yang diperolehi oleh para pemain akan dapat menjadi pendorong ke arah peningkatan skuad negara dalam kancas Liga Perdana Dua musim ini.



SELEPAS tiga tahun merantau Mohd. Brian Iman Abdullah Bothwell kini muncul dalam skuad negara. Kelibatnya amat diharapkan selepas skuad negara terhumban dalam aksi Bahagian Dua tiga tahun berturut-turut.



PEGAWAI dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika sama-sama membaca Al-Quran di Majlis Khatam Al-Quran. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

KKBS khatam Al-Quran

BERAKAS, - Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menamatkan pembacaan kitab suci Al-Quran yang dimulakan sejak awal Ramadan lalu.

Sebagai menyerikan

Oleh
Abdullah Asgar

majlis tersebut, Majlis Khatam Al-Quran telah dilangsungkan di kementerian berkenaan yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap kementerian itu,

Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang kemudiannya diteruskan dengan membaca surah-surah khatam juga secara beramai.

Brunei tuan rumah ASEAN Ports and Shipping April depan

BERAKAS, 5 Januari. - Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada persidangan dan pameran yang bertaraf antarabangsa iaitu ASEAN Ports and Shipping 2003 Negara Brunei Darussalam yang dijangka berlangsung pada 29 hingga 30 April tahun ini.

Persidangan dan pameran tersebut merupakan satu peluang bagi kita mengetengahkan Pelabuhan Muara kepada peserta luar negeri mengenai infrastruktur, kemudahan dan peralatan serta kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di Pelabuhan Muara.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di Majlis Perasmian Sukan Muhibbah Komuniti Pelabuhan Kali Pertama yang berlangsung di Balapan dan Padang Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Di samping itu tambah Yang Berhormat, persidangan juga memberikan peluang kepada komuniti Pelabuhan Muara untuk berinteraksi bersama peserta bagi membincangkan usahawan yang dapat dilaksanakan.

Terdahulu dari itu Yang Berhormat berkata dalam memajukan Pelabuhan Muara ini terdapat pelbagai usaha yang dapat diupayakan oleh pihak kerajaan dan swasta, salah satu usaha ialah menjadikan Pelabuhan Muara sebagai Pusat pengedaran kargo dan pembahagian barangan, tambahnya.

"Aktiviti-aktiviti pungkah edar dan pembahagian barangan hanya akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan penglihatan dan penyertaan pihak swasta. Oleh itu saya menaruh harapan agar pihak swasta akan

Oleh
Haji Ahmad HS

menyentuh cabaran dan mengambil peluang dalam sama-sama meningkatkan usaha bagi menjayakan visi ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyuarakan pandangan kepada syarikat-syarikat tempatan dari komuniti penyedia perkhidmatan pelabuhan supaya merebut peluang yang terbuka dengan me-

ngendalikan aktiviti-aktiviti perniagaan sama ada secara persendirian atau berkongsi niaga dengan syarikat serantau dan antarabangsa dengan terdapat beberapa kekosongan gudang di Pelabuhan Muara.

Kementerian Perhubungan bersedia untuk mempertimbangkan pemberian inisiatif-inisiatif tertentu bagi membantu memulakan operasi dan menjayakan pelaksanaan perniagaan berkenaan, ujarnya.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menyampaikan Anugerah Khas Tokoh Pengasas Gerakan Koperasi Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Ramli HT.

Dari muka 1

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan hubungan semua pihak dan jabatan harus bekerjasama bukan sahaja bahagian promosi, bahkan tanggungjawab semua pihak membantu ahli-ahli di sektor swasta dalam menangani masalah perniagaan mereka.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Khas Tokoh Pengasas Gerakan Koperasi Negara Brunei Darussalam, oleh Yang Berhormat kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner.

Juga hadir di majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris; Pengarah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Md. Zain bin Haji Abdul Ghaffar dan pegawai-pegawai serta kakitangan kementerian berkenaan.

Semua pihak perlu memberi perhatian terhadap industri makanan tempatan

Oleh
Awangku Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Januari. - Industri makanan tempatan memerlukan perhatian yang serius bukan sahaja dari pihak kerajaan malah daripada pihak para pengusahanya.

Potensi industri makanan tempatan juga dikaitkan dengan kekuatan yang ada pada kita dari segi imej Negara Brunei Darussalam yang memberi perhatian berat terhadap keperluan untuk memenuhi tuntutan halal dalam produk-produk makanan yang diedarkan di

pasaran yang mana tentunya setiap pengusaha pengeluar produk makanan tempatan mengetahui perkara ini dan harus menggunakannya sebagai satu kelebihan.

Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kamis ketika berucap menjelaskan demikian di Majlis Pelancaran Pesta Produk Makanan Tempatan Sempena Jualan

Besar-besaran Brunei yang mengambil tempat di Kompleks Setia Kenangan, Kiulap, menyatakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 telah menjadikan industri makanan halal sebagai salah satu industri yang diberikan keutamaan untuk dimajukan di mana beberapa program dan projek ke arah kemajuan industri makanan halal telah dan akan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terbahagi untuk memudahkan dan mempercepatkan perkembangan kegiatan-ke-

giatan dalam industri dan juga kegiatan yang berkaitan dengannya.

Selaras dengan usaha ini, jelas beliau kita telah menyaksikan semakin banyak produk-produk makanan keluaran tempatan telah dijual di pasaran bahkan beberapa syarikat pengeluar makanan juga telah berjaya menempah nama di pasaran tempatan.

"Untuk mempromosikan produk-produk tempatan kita, kempen, iklan dan promosi yang agresif memang penting terutama

untuk memperkenalkan hasil produk keluaran negara ini dengan menitikberatkan dua faktor penting iaitu kualiti dan harga produk tersebut yang mana ia akan menentukan penerimaan pengguna terhadap produk berkenaan," tambah beliau.

Beliau selanjutnya berkata, strategi yang realistik untuk menjamin kejayaan jangka panjang satu-satu produk ialah melalui pembangunan dan pemeliharaan kualiti dan pengawalan kos yang seimbang yang mana perhatian yang lebih serius ke atasnya adalah amat perlu.

Beliau juga menjelaskan, kelalaian mengenai akan menghancurkan keyakinan pengguna dan sekali gus akan membunuh perusahaan terbabit dan sebaik-baik usaha dalam pembangunan kualiti ialah langkah untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa malah akan membuka peluang untuk menerokai pasaran luar negara.

Pada hakikatnya kualiti yang dituntut oleh pengguna itu sendiri adalah sesuatu yang bersifat dinamik, untuk memenuhi kehendak dan citarasa pengguna yang sentiasa berubah kerana pengaruh produk-produk baru yang sentiasa memasuki pasaran, hasil penyelidikan dan pembangunan produk

(R&D) akan memastikan laluan baru akan sentiasa wujud bila diperlukan dan seterusnya menjamin perusahaan itu kekal dalam persaingan.

Ke arah itu jelas beliau, komen dan feedback dari para pengguna sama ada positif atau negatif perlu diterima dengan sikap terbuka dan hasilnya digunakan untuk langkah pembetulan seterusnya.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned yang seterusnya merasmikan Pesta Produk Makanan Tempatan Sempena Jualan Besar-besaran Brunei.

Pelbagai jenis produk makanan tempatan yang dihasilkan dipamerkan dan dijual di pesta tersebut. Pesta yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri itu disertai oleh pengusaha-pengusaha tempatan juga mempromosikan hasil keluaran mereka dan memberikan peluang kepada orang ramai untuk mencuba produk tersebut.

Di pesta itu juga lebih banyak syarikat kecil dan sederhana tampil menyertainya yang berlangsung sehingga 12 Januari ini.



KAGUM ... Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyaksikan beberapa contoh hasil makanan produk tempatan dan berpeluang merasakan hasil produk makanan tempatan yang dimasak. -p Gambar oleh Hamadi HM.

AMALKAN ETIKA KERJA YANG TINGGI

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتی اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

ANUGERAH TOKOH SASTERA DISARAN MENJADI PROJEK KEKAL

BERAKAS, 28 Disember. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama berharap supaya anugerah Tokoh Sastera Brunei Darussalam akan menjadi rancangan dan agenda kekal yang selama-lamanya akan dijadikan projek yang tidak lagi seperti sebelumnya.

Katanya, ia akan mempunyai peraturan, panel penilai, jawatankuasa pengendali yang terarah dan mempunyai perseidaan dan peruntukan yang tetap serta mencukupi, walaupun bukan untuk setiap tahun.

"Walaupun bagaimanapun, ia tertakluk juga kepada adanya bahan-bahan yang akan dinilai bagi menganugerahi seorang tokoh itu, kerana kalau tidak ada bahan seperti buku yang telah terbit, yang mungkin bukan sekadar sebuah dua, sudah tentulah tidak akan dibuat penilaian," tambahnya.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim berucap demikian di Malam Tokoh Sastera Brunei Darussalam di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menurut Yang Dimuliakan, ia menghendaki kerja dan usaha dari pihak penulis dan pihak penerbit serta penilai.

"Dalam usaha memberi penilaian ini, tidaklah semestinya kita mengukur hasil karya para penulis itu dengan penilaian orang lain atau hendak membanding-banding, umpamanya membandingkan usaha kita dengan usaha yang para penulisnya ramai, buku-buku tulisannya hasil karya sekian buah atau kerana para penulis itu orang tertentu," jelasnya.

Katanya, apabila kita hendak menghargai orang, tentulah atas pemandangan dan pemikiran kita sendiri, rendah atau tingginya iaitu kitalah yang menentukan mengikut kearifan dan kebijaksanaan kita.

"Jauhilah hendak menanti karya seperti penulis antarabangsa, bagi kata bialan Melayu; mengukur baju di badan sendiri, selagi kita terpengaruh dengan ukuran orang, maka akhirnya kita tidak akan terdapat baju atau seluar, ini kerana sesuatu karya penulis kita itu menggam-

barkan apa yang ditimba melalui dalam kehidupan yang nyata, masyarakat kita, tentu tidak dapat kita beri pengakuan, kalau suatu karya itu mempersoalkan nilai-nilai masyarakat lain, lalu penulis ingin menyeru supaya nilai asing itu diterapkan ke dalam masyarakat kita secara mutlak, kecuali kalau ia tergolong dalam nilai-nilai universal yang dianggap baik oleh semua orang," tambah Yang Dimuliakan.

**Oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Hamadi HM**

Oleh yang demikian, menurut Yang Dimuliakan, tidak syak lagi sesuatu penghormatan itu mengandung makna yang besar bagi penerimanya, satu gelaran agung yang mesti dipelihara untuk selama hayat.

Di masa yang sama ia juga meminta supaya orang yang menjawab gelaran itu

menjaga nilai dan bentuk hasil karyanya, sesudah itu ia perlu berhati-hati dan tetap berusaha mempertahankan ketinggian gelaran itu dengan terus mencipta karya bukan berhenti di batas itu saja.

Penganugerahan Tokoh Sastera Brunei Darussalam disandang oleh Haji Muslim bin Haji Burut atau



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyampaikan Anugerah Tokoh Sastera Brunei Darussalam kepada Haji Muslim bin Haji Burut atau lebih dikenali sebagai Muslim Burmat.

lebih dikenali Muslim Burmat, seorang penulis yang memulakan karyanya sejak di bangku sekolah.

Beliau pernah menerima pengiktirafan antarabangsa antaranya Anugerah Penulis Asia Tenggara di Bangkok 1986 yang merupakan penerimaan pertama negara; Anugerah Sastera Nusantara di Johor Bahru 1999 dan hadiah Sastera MASTERA (Majlis Sastera Asia

Tenggara) di Kuala Lumpur tahun 2001.

Di samping itu, dalam negeri, beliau pernah memenangi banyak peraduan peringkat kebangsaan dalam penulisan novel dan cerpen.

Antaranya tempat kedua Peraduan Menulis Novel Sempena Tahun Hijrah 1980, tempat kedua Penulisan Novel Hari Kemerdekaan 1983, juga tempat kedua Peraduan

Menulis Cerpen 1982, memenangi hadiah kreatif Bahana 1989 bagi cerpen, Hadiah Kreatif Bahana 1990 dan tempat pertama Peraduan Menulis Novel Sambutan Jubli Perak 1992 dengan novelnya bertajuk 'Terbenamnya Matahari'.

Majlis malam itu juga diteruskan dengan pelancaran novel terbaru beliau 'Makna Sebenar Sebuah Ladang' yang kini dijual di pasaran dengan harga \$4.00 senaskhah.



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya ketika melancarkan novel terbaru Muslim Burmat bertajuk 'Makna Sebenar Sebuah Ladang' (kanan), semantara gambar kiri, Yang Dimuliakan ketika hadir di Majlis Makan Malam Tokoh Sastera Brunei Darussalam.



Sastera dan Budaya

PENDAHULUAN

PSIKOLINGUISTIK adalah cabang linguistik yang mengkaji proses-proses yang berlaku pada waktu seseorang bertutur dan memahami ayat-ayat yang didengarnya. Dengan kata lain, psikolinguistik adalah satu disiplin yang melihat perhubungan antara linguistik dengan psikologi. Ianya merupakan salah satu ilmu interdisipliner, iaitu linguistik dengan psikologi. Dengan kata lain, kata 'psikolinguistik' adalah gabungan dari dua patah kata, iaitu 'psikologi' dan 'linguistik'. Psikologi berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak dari segi jasmani dan mental kanak-kanak. Manakala linguistik (apabila digabungkan dengan psikologi) adalah berkaitan dengan ilmu bahasa, iaitu ilmu bahasa yang berkaitan dengan psikologi kanak-kanak (bagaimana proses atau peranan otak dalam hal memahami ujaran, termasuk pembelajaran). Bidang ini juga dapat dikatakan sebagai sebahagian daripada bidang Linguistik Gunaan (Linguistik Terapan). Kamus Linguistik (1997:154) mendefinisikan linguistik terapan sebagai 'penerapan ilmu linguistik dalam bidang yang berkaitan seperti linguistik pedagogi, leksikografi, psikolinguistik, dan terjemahan.'

Memang tidak dapat dinafikan bahawa psikolinguistik juga mempunyai kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Oleh itu, seseorang yang ingin mendidik kanak-kanak dalam hal-hal bahasa seharusnya mengetahui bidang psikolinguistik. Dalam esei ini, penulis akan membincangkan dan menghuraikan beberapa kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Dengan kata lain, penulis akan cuba membuktikan bahawa bidang psikolinguistik itu juga penting dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

2.0 KEPENTINGAN PSIKOLINGUISTIK DALAM BIDANG PENDIDIKAN BAHASA KANAK-KANAK

Dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak, para pendidik juga seharusnya mengetahui dan mendalami bidang psikolinguistik. Ini adalah kerana bidang tersebut juga ada kepentingannya atau kegunaannya dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Kepentingan atau kegunaan itu dapat dilihat dari pelbagai sudut. Antaranya ialah:

2.1 DARI SEGI DEFINISI PSIKOLINGUISTIK

Dalam buku Pengantar Psikolinguistik Moden (1987:1), psikolinguistik didefinisikan sebagai 'satu ilmu yang mencuba menghuraikan proses-proses psikologi yang terjadi apabila seseorang mengucapkan ayat-ayat dan memahami ayat-ayat yang didengarnya pada waktu berkomunikasi dan bagaimanakah kebolehan itu diperolehi manusia'. Harimurti Kridalaksana (1984) mendefinisikan psikolinguistik sebagai ilmu yang mempelajari hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal budi manusia; ilmu interdisipliner linguistik dengan psikologi. Richards J. et al. (1989) pula mendefinisikan psikolinguistik sebagai kajian terhadap proses mental yang digunakan oleh seseorang untuk mengeluarkan dan memahami bahasa dan bagaimana manusia mempelajari bahasa.

Berdasarkan definisi di atas, jelas bahawa bidang psikolinguistik itu merupakan satu ilmu yang berhubung kait dengan hal-hal bahasa, iaitu bagaimana manusia mempelajari bahasa. Ini menunjukkan bahawa psikolinguistik itu memang penting dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Di samping itu, psikolinguistik juga mengkaji proses-proses

OLEH NOR YAT

psikologi yang terjadi apabila seseorang mengucapkan ayat-ayat dan memahami ayat-ayat yang didengarnya pada waktu berkomunikasi. Dari itu, jelas bahawa bidang psikolinguistik itu ada kepentingannya dalam bidang pendidikan bahasa kerana hal-hal yang dikaji dalam bidang psikolinguistik itu merupakan hal-hal yang berhubung kait dengan bidang pendidikan bahasa. Misalnya, apabila seorang guru mengetahui proses-proses psikologi yang terjadi apabila kanak-kanak mengucapkan ayat-ayat dan memahami ayat-ayat yang didengarnya pada waktu berkomunikasi, sudah tentu guru tersebut boleh mengajar (mengikut psikologi) tentang hal-hal yang berhubung kait dengan pembinaan kata-kata atau ayat-ayat dengan lebih berkesan mengikut peringkat kebolehan kanak-kanak itu. Jika guru tersebut tidak mengetahui bidang psikolinguistik, sudah tentu pengajaran tidak akan dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Misalnya, guru tersebut mungkin akan mengajar tentang konsep ayat inversi pada kanak-kanak yang berumur 7 tahun.

Berdasarkan definisi

psikolinguistik yang diberikan oleh Kridalaksana pula, jelas kepada kita bahawa terdapat dua komponen yang berhubung kait dengan pembelajaran bahasa, iaitu perilaku dan akal budi. Apabila disebut perilaku (perangai), bererti fahaman itu lebih menaruh kepada aliran behaviourisme. Apabila fahaman itu lebih merujuk kepada aliran behaviourisme, bererti ianya lebih merujuk kepada jasmmani manusia (kanak-kanak). Dengan kata lain, psikolinguistik cuba melihat bagaimana kanak-kanak memperoleh, memahami dan mengujarkan bahasa dalam hubungannya dengan perilaku. Manakala akal budi (minda) lebih mengarah kepada aliran mentalisme. Apabila disebut mentalisme, bererti ianya lebih merujuk kepada sesuatu yang abstrak (minda). Oleh itu, dalam mempelajari atau mengajar bahasa, perilaku dan akal budi juga amat penting. Berdasarkan ini, guru boleh mengajar kanak-kanak dengan menggunakan latihan tubi (perilaku) dan juga menerusi pemahaman (akal budi). Maksudnya, guru seharusnya tidak hanya bergantung kepada latihan tubi tetapi aspek kefahaman

Kepentingan Psikolinguistik Dalam Bidang Pendidikan Bahasa Kanak-kanak

juga perlu diambil kira dalam bidang pendidikan bahasa. Hal ini membuktikan bahawa psikolinguistik itu memang penting dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

Berdasarkan definisi psikolinguistik yang telah diberikan oleh Richards J. et al, kita juga dapat melihat kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa. Psikolinguistik dikatakan sebagai satu kajian terhadap proses mental yang digunakan oleh seseorang untuk mengucapkan dan memahami bahasa, dan bagaimana manusia mempelajari bahasa. Jika diteliti, definisi ini lebih mengarah kepada fahaman mentalisme kerana ia lebih berfokus kepada proses mental atau minda. Misalnya, bagaimana fikiran kanak-kanak itu cuba (boleh) diperkembangkan mengenai sesuatu perkara. Sebagai contoh, apabila seorang guru cuba mengajar kanak-kanak yang tinggal di kampung tentang konsep sebuah restoran di bandar. Apabila kanak-kanak itu dapat memahami ciri-ciri restoran yang ada di bandar, kita menganggap bahawa kanak-kanak itu telah berjaya diajar oleh guru tersebut. Oleh itu, bolehlah dikata-

kan bahawa fikiran kanak-kanak itu telah berjaya diperkembangkan. Untuk mengembangkan fikiran kanak-kanak mengenai sesuatu perkara, seorang guru seharusnya mengetahui proses psikologi yang terjadi pada diri kanak-kanak atau psikologi kanak-kanak. Berdasarkan penguraian ini, jelas pengetahuan dalam bidang psikolinguistik itu amat penting untuk keberkesanan pengajaran dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

2.2 DARI SEGI TUJUAN PSIKOLINGUISTIK

Apabila diteliti tujuan bidang psikolinguistik, kita akan mendapati adanya kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Dalam buku Pengantar Psikolinguistik Moden (1987:1-2), tujuan psikolinguistik dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat teoretis dan praktis.

"Pada peringkat teoretis, tujuan utama psikolinguistik ialah mencari satu teori bahasa yang unggul dari segi linguistik dan psikologi yang mampu menerangkan hakikat bahasa dan pemerolehan bahasa". Manakala "pada peringkat praktisnya, psikolinguistik mencuba menerapkan pengetahuan linguistik dan psikologi kepada masalah-masalah seperti pengajaran dan pembelajaran bahasa, pengajaran pembacaan permulaan dan pembelajaran lanjutan, kedwibahasaan (bilingualism) dan kemultibahasaan (multilingualism), penyakit bertutur seperti afasia, gagap dan sebagainya, komunikasi, pemikiran manusia, dialek-dialek, pidginisasi dan kreolisasi dan

masalah-masalah sosial lain yang menyangkut bahasa seperti bahasa dan pendidikan, bahasa dan pembangunan nusa serta bangsa".


Daripada tujuan ini jelas bahawa psikolinguistik merupakan satu bidang ilmu yang sangat berguna dan penting untuk diketahui oleh para pendidik dalam bidang pendidikan bahasa. Jelas tujuan psikolinguistik itu amat erat hubungannya dengan bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Dengan kata lain, pengetahuan dalam bidang psikolinguistik itu dapat menyumbang sesuatu yang positif dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak kerana seperti yang dinyatakan tadi bahawa bidang psikolinguistik cuba menerapkan pengetahuan linguistik dan psikologi kepada masalah-masalah yang berhubung kait dengan hal-hal kebahasaan seperti yang dinyatakan tadi. Misalnya, dengan mendalami ilmu psikolinguistik, guru akan dapat menerapkan pengetahuannya untuk masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa dan masalah pengajaran pembacaan permulaan kanak-kanak. Contohnya, dalam bidang psikolinguistik, pemerolehan bahasa juga didasarkan pada peringkat umur kanak-kanak. Dengan mengetahui hal ini, guru boleh mengajar bahasa berdasarkan peringkat umur kanak-kanak secara berperingkat-peringkat mengikut teori-teori tertentu. Dengan cara ini, mungkin masalah-masalah seperti pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak akan boleh dikurangkan atau diatasi. Oleh yang demikian, jelas sumbangan psikolinguistik dalam bidang pendidikan

bahasa itu banyak mendatangkan faedah atau kebaikan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung kait dengan pembelajaran bahasa kanak-kanak.

2.2 DARI SEGI 'TEORI PERKEMBANGAN KOGNITIF'

Teori Perkembangan Manusia J. Piaget atau Teori Perkembangan Kognitif dapat diketahui atau dipelajari dalam ilmu psikolinguistik. Teori ini mengkaji mekanisme yang mempengaruhi perkembangan pengetahuan manusia. Pengetahuan tentang teori ini akan dapat membawa kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Tujuan penulis membabitkan teori ini adalah kerana teori ini juga dikaji atau dipelajari dalam bidang psikolinguistik (termasuk dalam bidang psikolinguistik). Penulis berpendapat bahawa jika teori ini mempunyai kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak, maka ia juga hererti terdapat kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Berdasarkan teori ini, terdapat empat peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak, iaitu:

Pertama, peringkat sensorimotor (peringkat deria rasa), iaitu pada umur 0 - 2 tahun. Pada peringkat ini, kanak-kanak memperoleh kawalan motor dan dapat membezakan sesuatu kelas objek-objek dari yang lain. Kanak-kanak hanya mampu mempelajari alam sekitarnya melalui deria rasa (pancaindera). Dengan kata lain, pancain-



Berjimat cermat asas kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara

normal.

Oleh yang demikian ukuran perbelanjaan dalam Islam ialah kesederhanaan kerana kesederhanaan itulah panduan yang membataskan antara keperluan hakiki dan pembaziran dan di antara kemurahan hati dan kebakhilan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 67 yang tafsirannya:

"Dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebihan, dan tidak pula bakhil (kedekut), dan adalah perbelanjaan itu di tengah-tengah antara yang demikian."

Sesungguhnya ber-

lebih-lebih dalam pembaziran itu ada banyak perkaranya dan banyak pula caranya. Bukanlah semata-mata terhadap wang dan harta sahaja. Lebih dari itu pembaziran dalam penggunaan masa dan umur kita, menggunakan bahan dan alat tenaga dan sebagainya, juga merupakan pembaziran yang perlu diambil perhatian.

Menggunakan sesuatu melebihi batas keperluan seharian kita adalah membazir. Lebih menggunakan air sahaja sehingga ke tahap yang sia-sia dan tidak menghargai serta tidak menjimat penggunaan tenaga elektrik dan sebagainya, semua bentuk

ini dijauhi kerana ia amat merugikan begitu juga dalam pemakanan. Memasak makanan yang berlebihan dan tidak habis dimakan sehinggalah terbuang begitu sahaja. Semua ini adalah dari tunjuk ajar syaitan yang memang menghasut kita sengaja membazir, yang mana tidak seharusnya menjadi kelakuan Muslim sejati.

Akhirnya, dengan kedatangan Tahun 2003 Masihi yang baharu kita lalui ini marilah kita merancang dan berazam untuk berjimat cermat semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati kehidupan kita. Harta yang kita miliki sebenarnya hak

Allah Subhanahu Wataala memberkati kehidupan kita. Harta yang kita miliki sebenarnya hak Allah Subhanahu Wataala yang dipinjamkannya ke atas kita dan kita hanyalah sebagai 'pengurus' yang pastinya akan ditanya dari mana harta yang kita peroleh dan ke manakah kita membelanjakan harta tersebut.

Janganlah kita menganggap harta yang dimiliki itu sebagai milik mutlak kita dan kerana itu kita berbelanja sesuka hati, apatah lagi membelanjakan harta tersebut dalam perkara-perkara maksiat dan kemungkaran.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 26-27 yang tafsirannya:

"Dan berikanlah kepada keluarga-keluargamu yang dekat, orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing. Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros dan melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya."

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa. Kita laksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya. Hanya dengan bertakwa sahajalah yang dapat menjamin akhir hayat kita sebagai seorang Muslim yang diredai Allah Subhanahu Wataala.

Islam sangat memandang berat terhadap soal berjimat cermat kerana ia menjadi asas bagi kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara. Oleh itu, Islam mengharap setiap penganutnya supaya berjimat cermat dalam segala bidang kehidupan dan keadaan. Berjimat cermat dalam belanja seharian, berjimat cermat dalam membeli pakaian, berjimat cermat dalam menggunakan api elektrik dan air, berjimat cermat ketika menggunakan kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya.

Islam melarang umatnya membazir kerana ia merupakan perbuatan keji dari pekerjaan syaitan. Sesungguhnya syaitan amat suka kepada orang yang boros dan membazir. Pepatah Melayu ada mengatakan 'beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis'.

Sayid Qutub Rahimahullahu Taala di dalam tafsirannya menjelaskan bahawa Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas mentafsirkan pembaziran itu ialah berbelanja kepada tempat yang tidak wajar (secara yang tidak diharuskan oleh Allah Subhanahu Wataala). Ini bermakna walaupun sedikit sekali yang kita belanjakan, jika bukan kepada tempatnya yang wajar, maka ia tetap dikira sebagai membazir. Tidaklah semestinya banyak atau sedikit itu semata-mata menjadi ukuran kepada perkiraan membazir atau tidak membazir dalam sesuatu perbelanjaan, tetapi keutamaan yang diambil kira ialah tempat dan di mana ia dibelanjakan. Oleh yang demikian maka konsep langkah berjimat cermat dan tidak membazir yang sebenarnya kepada orang Islam itu ialah mengawal perbelanjaan supaya tidak dikeluarkannya kepada

perkara-perkara yang tidak diizinkan oleh syarak. Kalau ini tidak dijaga dan dicegahnya percayalah pembaziran ini akan terus berlaku dan langkah ke arah jimat cermat yang diharapkan itu tidak akan memberikan apa-apa erti lagi.

Budaya berbelanja mewah semakin menjadi-jadi sebahagian daripada kalangan kita hari ini. Ia menjadi satu budaya yang mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung gaya hidup masyarakat. Ia bukan sahaja menyerang golongan yang berpendapatan tinggi tetapi juga kepada golongan yang berpendapatan rendah sehingga berbelanja secara berlebihan di luar kemampuan mereka, semata-mata untuk meniru gaya hidup mewah yang dianggap sebagai suatu kemestian dan lambang kebanggaan. Mereka sanggup berbelanja besar semata-mata untuk men-

jadikan acara-acara tertentu secara besar-besaran dengan melakukan pembaziran wang, lalu mereka lupa sehingga perbelanjaannya menanggung hutang yang banyak dan berada di luar batas

BUDAYA berbelanja mewah semakin menjadi-jadi sebahagian daripada kalangan kita hari ini. Ia menjadi satu budaya yang mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung gaya hidup masyarakat. Ia bukan sahaja menyerang golongan yang berpendapatan tinggi tetapi juga kepada golongan yang berpendapatan rendah sehingga berbelanja secara berlebihan di luar kemampuan mereka, semata-mata untuk meniru gaya hidup mewah yang dianggap sebagai suatu kemestian dan lambang kebanggaan.

وقت سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 5 ذوالقعدة، 1423 برسان دغن 8 جينوري، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 11 ذوالقعدة، 1423 برسان دغن 14 جينوري، 2003 اداله سمرت دباوه اين:-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ذوالقعدة									جينوري
5	12.28	3.50	6.23	7.37	4.58	5.08	6.30	6.55	8
6	12.29	3.50	6.23	7.37	4.59	5.09	6.31	6.56	9
7	12.29	3.51	6.24	7.38	4.59	5.09	6.31	6.56	10
8	12.29	3.51	6.24	7.38	5.00	5.10	6.32	6.57	11
9	12.30	3.52	6.25	7.39	5.00	5.10	6.32	6.57	12
10	12.30	3.52	6.25	7.39	5.01	5.11	6.32	6.57	13
11	12.31	3.52	6.25	7.39	5.01	5.11	6.33	6.57	14

وقت ۲ سمبھيخ باگي دائره تونوغ ديمبه سائو مينيت دان دائره بلايت ديمبه تيگ مينيت، سمبھيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu
'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihe
Waman Walah.

ITIKAF ialah suatu ibadah yang mempunyai kelebihan dan hikmah tertentu. Di antaranya memberikan hati daripada sifat-sifat yang tercela, menyerahkan diri sepenuhnya beribadah kepada Allah demi memohon darjat yang tinggi, menjauhkan diri daripada kesibukan dunia yang menghalang daripada mendekatkan diri kepada-Nya.

Maksud asal penyariatkan i'tikaf itu ialah menanti sembahyang untuk berjemah. Diibaratkan orang yang ber'i'tikaf itu seperti Malaikat yang tidak melakukan dosa kepada Allah, melakukan segala apa yang disuruh dan bertasbih malam dan siang. (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah: 5/207)

I'tikaf tidak terikat dengan waktu bahkan sunat ber'i'tikaf pada setiap waktu, sama ada di bulan Ramadan mahupun di bulan-bulan lain. Cuma ia lebih dituntut dan afdal, jika dilakukan pada 10 malam terakhir bulan Ramadan kerana fadilat ber'i'tikaf pada bulan tersebut lebih banyak dibandingkan waktu-waktu pada bulan-bulan lain.

PENGERTIAN I'TIKAF

I'tikaf dari segi bahasa bermaksud diam dan duduk berhenti pada sesuatu tempat, tidak kira sama ada tempat itu baik atau sebaliknya. Manakala menurut pengertian syarak i'tikaf bermaksud duduk di dalam masjid oleh seseorang yang tertentu dengan niat. (Al-Fiqh Al-Islam Wa Adillatuhu: 2/693)

Lembaran Baru

KITA sudah melangkah ke tahun baru Masihi. Bagi kita, tahun Masihi sama juga pentingnya dengan tahun Hijrah, kerana ianya merupakan permulaan hitungan hari untuk pembelajaran dan pekerjaan kita. Setelah kita menyusuri tahun lalu dan kini mula menyusuri tahun yang baru pula, seolah-olah bangkit satu perasaan untuk memperbaiki lagi diri dalam setiap pekerjaan dan perbuatan. Inilah yang dikatakan azam iaitu perasaan untuk mencapai iltizam. Jika kita hanya berangan-angan sepanjang tahun tanpa azam, nescaya kita tidak akan dapat menuju ke matlamat iltizam yang kita idam-idamkan.

Tahun baru lebih bermakna lagi kepada pelajar-pelajar, kerana setelah melalui beberapa ujian dan peperiksaan dan mendapat keputusan lulus untuk naik lagi ke satu anak tangga, mereka akan memulakan pelajaran baru lagi. Di sini, para pelajar akan mula berazam untuk memperbaiki diri meningkatkan mutu pembelajaran. Bagi yang bekerja, jawatan tetap sama juga. Namun tetap juga terbit azam untuk meningkatkan mutu kerjaya masing-masing.

Islam juga sentiasa menggalakkan kita untuk sentiasa memperbaiki diri dalam segala hal. Semua ini memerlukan kepada keinginan dan usaha yang bersungguh-sungguh. Janglah kita begitu pasrah dengan berserah kepada nasib semata-mata. Hakikatnya, nasib masing-masing adalah mengikut kepada usaha yang kita lakukan,

"Dan ingatlah ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk beribadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Maqam Ibrahim (tempat berdiri Nabi Ibrahim) itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): 'Bersihkanlah Rumah-Ku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang ber'i'tikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud.'" (Surah Al-Baqarah: 125)

Dalil daripada As-Sunnah pula ialah hadis riwayat Ibnu 'Umar, Anas dan 'Aisyah Radhiallahu anhum yang maksudnya :

"Daripada 'Abdullah bin 'Umar Radiallahu anhum telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ber'i'tikaf pada 10 hari terakhir bulan Ramadan." (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Dalam hadis yang lain yang maksudnya:

"Daripada 'Aisyah Radiallahu anha iaitu isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ber'i'tikaf pada 10 hari terakhir bulan Ramadan. Baginda melakukan amalan i'tikaf tersebut sehingga Baginda wafat. Kemudian para isteri Baginda meneruskan amalan i'tikaf selepas itu." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Ulama sepakat mengenai pandangan Az-Zuhri yang mengatakan: "Sungguh anih manusia, bagaimana boleh mereka meninggalkan i'tikaf. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan sesuatu dan meninggalkan sesuatu tetapi Baginda tidak pernah meninggalkan i'tikaf sehingga wafat." I'tikaf juga pernah terdapat di dalam syariat Nabi Ibrahim 'alaihisalam (Al-Fiqh wa Adillatuhu: 2/694) sebagaimana dalam firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Dan kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): 'Bersihkanlah

I'TIKAF : JALAN MENCARI KETENANGAN

Bilangan 150 Bahagian Pertama

Rumah-Ku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang ber'i'tikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk dan sujud." (Surah Al-Baqarah: 125).

HUKUM DAN WAKTU I'TIKAF

Hukum i'tikaf adalah sunat muakkad. Ia dilakukan pada setiap waktu sama ada dalam bulan Ramadan ataupun pada bulan-bulan lain. Afdal melakukan i'tikaf itu pada sepuluh hari yang terakhir daripada bulan Ramadan (Nihayah Al-Muhtaj: 3/214) sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut Imam As-Syafi'e dan para pengikutnya, bagi orang yang ingin mendapatkan pahala sunnah (mengikut perbuatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan i'tikaf 10 terakhir bulan Ramadan) sayugialah dia masuk masjid dengan niat i'tikaf sebelum masuk matahari hari ke-20 (malam ke-21) Ramadan dan keluar daripada masjid pada malam hari raya selepas masuk matahari.

Malahan lebih afdal lagi jika dia kekal di dalam masjid hingga malam hari raya dan sembahyang hari raya serta keluar pada hari raya tersebut. (Raudhah: 2/255 dan Al-Majmuk: 6/469).

Bagi sesiapa yang ber'i'tikaf sehari semalam atau lebih hendaklah memulakan i'tikaf itu (di masjid) sebelum matahari terbenam dan keluar daripada masjid setelah masuk matahari hari berikutnya. (Al-Majmuk: 6/483).

KATEGORI I'TIKAF

I'tikaf terbahagi kepada dua iaitu i'tikaf sunat dan i'tikaf wajib. I'tikaf sunat ialah bermiat i'tikaf sunat kerana Allah Taala sama ada dengan masa sebentar (lahzah), satu hari, satu hari satu malam atau sebagainya. Manakala i'tikaf wajib hanya dengan cara bernazar untuk melakukannya sebagaimana pendapat jumhur ulama mengenyainya. (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah: 5/208).

RUKUN I'TIKAF

Rukun i'tikaf ada empat perkara:

1. Mu'takif iaitu orang yang mengerjakan i'tikaf. Syarat bagi orang yang ber'i'tikaf itu hendaklah beragama Islam, berakal, suci daripada junub, haid dan nifas. I'tikaf itu sah dilakukan oleh lelaki,

perempuan dan kanak-kanak mumayyiz.

2. Mu'takiffun fih iaitu tempat melakukan i'tikaf. Tempat i'tikaf disyaratkan di dalam masjid kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, isteri dan para sahabat Baginda hanya ber'i'tikaf di dalam masjid. Tidak ada perbezaan dari segi hukum, ber'i'tikaf di dalam masjid, sama ada di atas bumbung (suthuh), beranda dan halaman (ruhbah) masjid. (Tuhfah Al-Muhtaj: 3/464 dan Nihayah Al-Muhtaj: 3/216). Imam As-Syafi'e dan pengikutnya bersepakat mengenai menara masjid yang terletak di halaman masjid yang dinaiki oleh bilal dan lainnya juga tidak membatalkan i'tikaf. (Al-Majmuk: 6/494-496).

Menurut pengarang Kitab Tuhfah ber'i'tikaf adalah lebih utama dilakukan di Masjid Jami' (masjid tempat mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah) berbanding dengan masjid lain. Ini adalah untuk mengelak daripada bercanggah (khilaf) dengan pendapat yang mewajibkannya. Lagipun berjemaah di Masjid Jami' lebih ramai dan tidak perlu lagi keluar untuk bersembahyang Jumaat. (Tuhfah Al-Muhtaj: 3/465).

BERSAMBUNG

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

dalam dunia kedukaan. Jadi, dengan membuka lembaran baru adalah jalan yang terbaik untuk menutup lembaran lama.

Allah Subhanahu Wataala telah membuka banyak ruang untuk kita berbuat kebaikan di hayat ini dan tidak kurang juga dengan ruang kejahatan ciptaan syaitan yang dibiarkan terbuka, hanya tinggal kita sahaja yang akan memikirkan sendiri yang mana baik dan yang mana buruk. Namun kita sudah sedia maklum bahawa ruang kebaikan membawa ke Syurga dan ruang kejahatan membawa ke Neraka. Apa saja yang kita lakukan di dunia sementara ini adalah untuk mencapai iltizam hidup di dunia yang lebih kekal abadi. Setiap kali kita berjaya mencapai iltizam yang baik di dunia ini merupakan jambatan untuk kita menuju iltizam awal kehidupan manusia iaitu akhirat. Jadinya, kita yang hidup di dunia ini semestinya memiliki azam masing-masing. Semoga lembaran-lembaran sepanjang kehidupan kita akan sentiasa terisi azam yang baik untuk iltizam yang bukan hanya sekadar angan-angan. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 215 tafsirannya: "Dan apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)."

seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Najmi ayat 39 yang tafsirnya: "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya." Jika kita berusaha 'hangat-hangat tahi ayam', maka nasib kita akan hanya setakat 'sehangat tahi ayam' sahaja, iaitu nasib baik yang sekejap sahaja. Akan tetapi jika kita istiqamah (berterusan) dalam berusaha memperbaiki hidup, maka nasib kita pun akan sentiasa dalam keadaan baik. Nasib kita masing-masing tidak akan berubah dengan sendirinya sehinggalah kita sendiri yang mengubahnya. Malahan orang lain pun tidak dapat mengubah nasib kita. Perkara ini sudah lama dijelaskan di dalam Al-Quran yang menjadi sumber rujukan terbaik untuk menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat, iaitu dalam Surah Al-Ra'd ayat 11 yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Hakikatnya tiada untungnya bagi siapa yang menodai detik-detik kehidupannya

dengan perbuatan dosa. Namun, tidak dapat disangkal bahawa manusia tidak akan pernah terlepas dari dosa, kecuali para Nabi dan Rasul. Oleh itu, jika kita tersalah dan tersilap, hendaklah kita bersegera memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wataala dan bertaubat agar lembaran kehidupan kita akan sentiasa bersih dari segala dosa.

Sesungguhnya kita tidak terdaya untuk memadam kenangan dari ingatan kerana masa tidak pernah berpatah balik untuk berulang kembali dan tidak pernah memberi peluang lagi untuk menggantikan kenangan pahit lalu dengan kenangan yang manis. Mungkin di tahun yang sudah pernah tercipta sejarah yang duka, apabila kita melangkah ke tahun ini semoga kita tidak akan mengingati kenangan yang menguris perasaan itu lagi. Justeru itu kita juga perlukan azam untuk memulihkan perasaan dari kedukaan yang berpanjangan, selari dengan azam untuk mencapai sesuatu yang lebih berharga dalam hidup. Jika kita terlalu memikirkan kenangan yang sudah berlalu, kita tidak akan ke mana melainkan hanya tersadai

Peniaga di ibu negara diminta menutup premis jam 8.30 malam mulai 2003



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan ketika merasmikan Gera! Malam Hujung Minggu bagi Bandar Seri Begawan. Majlis berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BANDAR SERI BEGAWAN . - 28 Disember. - Mulai tahun 2003 para peniaga dan pengusaha yang mengusahakan perniagaan di pusat bandar di minta menutup perniagaan mereka seawal-awalnya jam 8.30 malam dan bukannya jam 6.00 petang pada masa ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji di Majlis Perasmian Pasar Malam Hujung Minggu yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Katanya, perubahan tersebut adalah sebagai salah satu usaha bagi menarik orang ramai datang berkunjung ke pusat bandar agar suasana bandar

Oleh
Abu Bakar HAR

bertambah meriah khususnya di waktu malam.

Sebagaimana yang dimaklumi sejak beberapa tahun kebelakangan ini kawasan Bandar Seri Begawan telah menjadi sepi terutama di waktu malam di mana, sektor perniagaan berakhir jam 6.00 petang berbanding pada zaman 60-an dan 70-an waktu perniagaan seawal-awalnya ditutup jam 9.00 malam, katanya.

Hadir menyempurnakan Perasmian Gera! Malam Hujung Minggu itu ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Menurut Awang Haji Saji lagi, bermula tahun 2003 jabatannya juga akan mengendalikan sesi perjumpaan dengan orang ramai yang lebih dikenali sebagai Hari Mesra Pelanggan.

Katanya, Hari Mesra Pelanggan tersebut akan di adakan dua atau tiga bulan sekali bagi membantu orang ramai khususnya para pelanggan jabatan berkenaan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Menyentuh mengenai Pasar Malam Hujung Minggu yang dilancarkan malam itu ianya sekurang-kurangnya akan dapat membantu lagi kemeriahan suasana malam di ibu negara di samping membuka peluang kepada

rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, katanya.

Pasar Malam Hujung Minggu tersebut telah menyediakan sebanyak 88 buah petak bagi orang ramai menjalankan perniagaan mereka dengan kadar sewa bayaran sebanyak \$30.00 dan \$10.00 bagi bayaran permit untuk setahun.

Antara jenis jualan yang dijual di pasar malam itu termasuklah pelbagai jenis masakan, minuman ringan, pakaian, bunga-bunga dan sebagainya.

Para peniaga juga di ingatkan supaya memberi kerjasama kepada Jabatan Lembaga Bandaran untuk menjaga kebersihan kawasan berkenaan.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berbual mesra dan melawat Gera!-gerai Malam Hujung Minggu di ibu negara yang kebanyakannya diusahakan oleh para peniaga tempatan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



Oleh Bolhassan HAB

BERAKAS, 24 Disember. - Usaha untuk memberigakan perkembangan puisi moden akan terus diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui program-program khusus seperti forum.

Pemangku Pengarah DPB, Awang Haji Abdul Hakim berkata, pelbagai pihak terutama penulis, institusi pendidikan, badan atau pertubuhan penulis, jabatan kerajaan, sektor swasta dan pihak media sentiasa memberikan kerjasama ke arah mengemban dan menyebarkan sastera tanah air.

Ketika berucap di Majlis Forum Bahana Sesi Ke-3 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, beliau seterusnya menjelaskan bahawa puisi

moden atau sajak sangat digemari oleh penulis termasuk penulis tanah air.

"Lebih 80 peratus penulis kita adalah penulis sajak. Justeru itu lebih 60 peratus penerima anugerah SEA Write adalah penulis sajak," jelas beliau.

Tiga ahli panel yang terdiri daripada penulis-penulis puisi veteran tanah air telah diundang dalam forum tersebut bagi membicarakan tajuk 'Ke Arah Meningkatkan Mutu Sajak Tempatan'.

Mereka ialah Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit, Awang Haji Ahmad bin Mohd. Arshad dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani. Forum Bahana telah dipengerusikan oleh Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad.

Usaha memberigakan puisi moden terus diungkayahkan DBP



FORUM Bahana Sesi Ke-3 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dipengerusikan oleh Awang Haji Jawawi, dengan ahli panelnya terdiri dari Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit, Awang Haji Ahmad bin Mohd. Arshad dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani. - Gambar oleh Abdullah HAD.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Tahun baru, azam baru

KINI tahun baru menjelma lagi. Setiap kali bertukar tahun, kita juga sibuk berikhtiar mencari azam baru kita. Ada juga terdapat segelintir masyarakat tidak mengambil peduli dengan kedatangan tahun baru ini. Tahun baru dianggap seperti pokok daun kering yang layu lalu tumbuh pula daun yang muda dan menghijau.

Kepentingan untuk membuat azam baru juga semakin tipis apabila wujud masyarakat kita yang tidak mahu berazam. Ada yang berpendapat azam tahun lalu belum lagi tercapai. Inilah pula untuk membuat azam baru. Sikap negatif ini haruslah dikikis agar kita lebih mementingkan fungsi azam diilhamkan.

Sebagai rakyat yang tinggal di negara yang semakin maju dan membangun, mempunyai keazaman sempena tahun baru adalah penting. Ini adalah kerana azam dan tekad kita merupakan perancangan dan matlamat yang hendak kita capai di sepanjang tahun baru tersebut.

Ciri-ciri azam dan tekad sempena tahun baru termasuklah azam yang bermanfaat, memotivasikan diri sendiri, tumpuan pemikiran yang lebih positif dan bersifat sebagai matlamat jangka panjang. Azam baru ini mampu menaikkan tahap kehidupan seseorang individu, agar berusaha untuk mencapai lebih kemajuan dan meningkatkan akhlak, moral dan kualiti kehidupan di dalam memastikan kita agar sentiasa berkhidmat

kepada agama, bangsa dan negara.

Oleh itu, keazaman ini bukan hanya setakat untuk bulan Januari mahupun Februari sahaja akan tetapi perlaksanaannya adalah di sepanjang tahun baru tersebut. Setidak-tidaknya azam baru mencakupi landasan sebagai penentuan dan memastikan kehidupan kita di bawah perancangan yang tepat, ber-

manfaat lagi teratur.

Masyarakat kini perlu tahu bahawa keazaman dan tekad adalah penting untuk setiap orang tidak mengira usia dari tahun-tahun yang lalu agar kita bersama-sama dapat memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara serta menjadi rakyat yang berpemikiran positif lagi efisien.

Bagi mereka yang

belum menyempurnakan azam pada tahun lepas, mereka bolehlah berusaha untuk mencapai azam mereka itu pada tahun baru bersama-sama azam tahun baru tersebut. Mempunyai azam baru adalah penting dari tidak mempunyai sebarang azam bagi memenuhi cabaran kehidupan seharian.

Perancangan dan kehidupan akan lebih teratur dan terkawal di dalam setiap usaha bagi mencapai azam dan tekad sempena tahun baru ini.

Sujinah binti Mejari,
Lot 4851, X-5,
No. 2, Simpang 420,
Jalan Maulana,
KA 2931, Kuala Belait.
No. k/p : 209452

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Perbaharui Azam, Tekad Sempena Tahun Baru'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Sediakan perancangan dan strategi

TAHUN baru pada kebiasaannya disambut dengan kegembiraan, malah seringkali dikaitkan dengan azam, tekad dan cita-cita seseorang. Sama ada azam, tekad atau cita-cita itu baru saja dicipta atau telah lama wujud, sama ada ia berjaya dicapai atau sebaliknya, setentunya memerlukan usaha, pengorbanan dan masa, selain cabaran dan rintangan yang perlu ditempuh. Usaha memperbaharui adalah yang perlu dilaksanakan, di samping menanam keyakinan dan harapan bahawa ianya akan dapat dicapai pada tahun baru kali ini.

Langkah awal yang perlu dilaksanakan sudah tentunya dengan menyediakan perancangan dan strategi. Persediaan boleh saja dibuat dari aspek fizikal, mental dan semangat. Sebagai contoh, pencapaian dalam peperiksaan di sekolah atau prestasi dalam pekerjaan, akan dapat dinilai dari usaha yang telah dibuat dalam tempoh tertentu atau sepanjang setahun yang lalu. Keputusan cemerlang, sekadar berpuas hati atau kegagalan akan membezakan antara mereka yang benar-benar berusaha atau sebaliknya. Dalam hubungan ini, perancangan dan strategi sangat diperlukan, selain keterlibatan dan galakan pihak-pihak tertentu, seperti galakan ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan sekolah untuk membantu dalam bidang pelajaran dan faktor kesedaran serta motivasi untuk membantu pencapaian prestasi yang lebih baik dalam kerjaya. Faktor-faktor persekitaran dan perkembangan semasa akan sedikit sebanyak mempengaruhi proses pencapaian dan kejayaan azam, tekad atau cita-cita tersebut.

Usaha memperbaharui azam dan tekad juga akan melibatkan masa

dan sasaran matlamat yang hendak dicapai. Pembahagian masa yang teratur yang dibuat mengikut jangka masa tertentu, seperti panjang pendeknya akan memudahkan proses pelaksanaan sesuatu rancangan atau projek. Penyusunan jadual dan tumpuan perhatian juga perlu untuk menilai perkara-perkara penting dan utama saja dapat dilaksanakan, di samping mengeneipkan perkara-perkara yang remeh-temeh, kurang penting dan kurang berkesan untuk dilaksanakan. Masa berharga yang dimanfaatkan akan menghasilkan ganjaran dan pencapaian yang diharapkan.

Begitu juga dalam aspek kerjaya, sebagai anggota perkhidmatan awam contohnya, keazaman yang perlu kita buat ialah untuk menoleh ke belakang dan mengkaji setakat mana pencapaian yang diperolehi sepanjang setahun lalu. Setakat mana ketepatan memenuhi tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, di samping mematuhi disiplin dan peraturan-peraturan pekerjaan. Keazaman juga perlu untuk lebih mengetahui setakat mana matlamat sesebuah organisasi dan sasaran yang hendak dicapai. Semuanya memerlukan pembaikan dan usaha gigih serta perubahan sikap seperti proaktif untuk membiakan lagi jentera pentadbiran, pengurusan dan keberkesanan organisasi. Prestasi pencapaian yang cemerlang sepatutnya menjadi sasaran utama bagi setiap tahun baru menjelang.

Keazaman juga diperlukan dari segi mengumpul seluruh tenaga, kepakaran dan pengorbanan untuk melaksanakan semua yang terbaik dan cemerlang. Azam, tekad dan cita-cita sendiri perlu dipahat, dilutani dari semasa ke semasa agar tidak menyimpang dan tersasar dari

apa yang telah dihasratkan. Penguasaan kemahiran dan kepakaran dari aspek ilmu pengetahuan perlu diperolehi, selain melihat kepentingan perkembangan semasa untuk disesuaikan mengikut keadaan, masa dan keperluannya. Kerjasama dalam menghasilkan idea-idea bernas sangat penting bagi keberkesanan dan pelaksanaan sesuatu rancangan.

Azam dan tekad sememangnya perlu diperbaharui kerana ianya akan menjadi sukat-sukat akan segala pekerjaan, cita-cita dan harapan yang perlu dilaksanakan dan dicapai dalam hidup ini. Tahun baru mengajak untuk kita semua memuhasabah diri apa yang telah dilakukan sepanjang tahun lalu, selain memanfaatkan masa yang juga menjadi seluruh kehidupan kita. Ini termasuklah dalam usaha meningkatkan iman, amal dan ihsan sebagai bekalan yang berguna dan dipertanggungjawab dalam kehidupan di akhirat nanti. Ajaran agama menyarankan agar masa pada hari ini perlu lebih baik dari hari kemarin, dan akan bertambah baik lagi pada hari-hari berikutnya. Tegasnya perubahan sikap dan pembaikan perlu ada, contohnya dari yang kurang baik kepada yang baik dan terbaik, dari yang cemerlang kepada yang lebih cemerlang. Semuanya memerlukan keazaman, usaha, doa dan pengorbanan. Kejayaan yang dicapai walaupun sedikit, apa lagi banyak akan memberi kepuasan, seterusnya menjadi motivasi untuk kita menilai pencapaian, merasa syukur dan terus meningkatkan usaha.

Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G,
Kampung Burong Pinggai Ayer,
BM 1126.
No k/p : 058132

Tingkatkan amalan, mutu kerja

MASA berlalu dengan begitu pantas. Tanpa disedari, kita telah pun melangkah ke tahun baru 2003. Tahun 2002 yang lalu tentunya diisi dengan pengalaman dan pengajaran yang dapat kita jadikan iktibar untuk masa-masa yang akan datang dan memperbaiki setiap kelemahan supaya menjadi insan yang lebih baik.

Sebagai umat Islam, kita harus melaksanakan tugas-tugas kita terhadap Allah Subhanahu Wataala. Walaupun aktiviti-aktiviti kita sehari-hari begitu padat, namun tanggungjawab seperti sembahyang lima waktu wajib kita tunaikan. Dengan sentiasa mengingati-Nya, insya-Allah segala pekerjaan dan perbuatan yang kita lakukan akan mendapat keredaan dari-Nya jua. Meningkatkan amalan kita terhadap Allah Subhanahu Wataala juga harus dititikberatkan supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat seperti menolong orang yang susah dengan bersedekah, memperbanyakkan bertasbeeh, bertahmid dan sebagainya.

Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa mereka juga amat penting. Anak-anak harus menyayangi, menghormati dan mendengar nasihat ibu bapa mereka. Ibu bapa juga harus menjalankan tanggungjawab mereka dengan mendidik anak-anak dengan sempurna dan penuh kasih sayang supaya anak-anak tidak terpesong dari jalan yang lurus. Luangkanlah masa untuk bersama mereka dan berikan perhatian yang secukupnya untuk mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan.

Bagi yang bekerja pula, mereka harus berazam untuk meningkatkan mutu kerja mereka kepada yang lebih baik lagi. Mereka juga harus menunaikan segala pekerjaan yang diamanahkan dengan teliti dan ikhlas. Dengan itu, nama baik sesebuah jabatan atau agensi dapat

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan dan Sumbangan Brunei Dalam PBB'. Tarikh tutup 18 Januari 2003.

1. 'Kemalangan Jalan Raya - Semua Pihak Memainkan Peranan'. Tarikh tutup 25 Januari 2003.

3. 'Semangat Patriotik Perlu Ada Pada Diri Rakyat dan Penduduk'. Tarikh tutup 1 Februari 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

dikekalkan dan ini dapat meningkatkan lagi ekonomi dan produktiviti negara.

Pelajar juga harus berazam untuk berusaha dengan lebih gigih supaya dapat meningkatkan kecemerlangan mereka dalam pelajaran seperti yang diharapkan oleh ibu bapa, guru-guru dan masyarakat supaya menjadi warga yang berguna. Mereka juga harus menanamkan sikap 'ingin tahu' dalam diri mereka supaya sentiasa terdedah kepada isu-isu semasa yang dapat membantu mereka dalam pelajaran.

Sebagai warga Brunei Darussalam pula, kita harus bersatu padu untuk menjaga imej negara. Falsafah Melayu Islam Beraja yang kita pegang itu harus sentiasa diterapkan dalam kehidupan kita. Kita juga sententunya menyokong usaha-usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara seperti industri pelancongan. Kita harus bekerjasama dalam menjaga kebersihan dan kemudahan-kemudahan awam supaya dapat menarik lebih ramai pelancong untuk mengunjungi negara kita.

Untuk renungan bersama - hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara iaitu masa senang sebelum susah, masa muda sebelum tua, masa lapang sebelum sibuk, masa sihat sebelum sakit dan masa hidup sebelum mati."

Gunakanlah masa dengan sebaiknya. Semoga apa yang kita azamkan pada tahun ini akan tercapai dan dapat meningkatkan kualiti hidup kita dari tahun-tahun yang lepas. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2003.

Norhidayati binti Haji Sulong,
No. 9, Simpang 40-175,
Kg Sungai Akar, BC 4115.
No. k/p : 305971



Beri kesedaran awda mengenai 'Autisme/Autistik'

Sumbangan dari
Persatuan SMARTER BRUNEI

APA ITU AUTISME/AUTISTIK?

INDIVIDU yang menghidap autisme bukanlah penghidap sakit jiwa dan bukan juga mengalami kecacatan otak. Kanak-kanak penghidap autisme bukanlah anak-anak yang tidak mampu dikawal oleh orang tua mereka. Biasanya kanak-kanak autisme menghadapi masalah berkomunikasi, interaksi sosial, pemikiran dan emosi.

Autisme merupakan masalah seumur hidup. Walaupun tiada rawatan khusus untuk memulihkan dan menyembuhkan akan tetapi terdapat berbagai strategi pendekatan, pengajaran dan pembelajaran yang khusus digubah bagi menghadapi masalah ini. Ternyata strategi tersebut telah dikenal pasti berkesan bagi memperbaiki dan mengurangkan kesan-kesan autisme terhadap seseorang.

Akan tetapi dan yang sangat menyedihkan, kekurangan pemahaman dan kesedaran mengenai autisme boleh menyebabkan individu autisme di diagnosis sebagai penghidap mental dan sudah setentunya rawatan yang diberikan tidak bersesuaian ini boleh lebih memburukkan keadaan. Semuanya berlaku kerana individu autisme tidak menunjukkan sebarang kecacatan fizikal. Tumbesaran mereka seiring dengan kanak-kanak normal yang lain cuma dunia kita terlalu asing buat mereka dan mereka tidak pandai menyesuaikan diri.

PUNCA

Austime disebabkan

oleh satu masalah biologi yang mengganggu perkembangan dan sistem saraf otak yang menyebabkan ianya tidak berfungsi secara normal. Kajian juga mendapati faktor genetik juga memainkan peranan utama selain dari penyakit perubatan seperti Fragile X Syndrome, Phenylketonuria, Tuberos Sclerosis, Neurofibromatosis dan jangkitan virus seperti Rubella.

MASALAH YANG BERKAITAN

Kanak-kanak autisme sering dikaitkan dengan beberapa masalah lain seperti Epilepsi (sawan) di mana hampir 30 peratus kanak-kanak autisme menghidap sawan biasanya apabila mencecah usia 11 tahun, masalah tidur dan gangguan obsesif kompulsif dan kemurungan terutama di kalangan remaja dan dewasa yang menghidap autisme.

Autisme bukanlah lagi satu penyakit yang ganjil dan jarang berlaku walaupun kesedaran mengenainya masih di peringkat yang sangat minimal lebih-lebih lagi di negara kita sendiri. Mengikut kajian yang dibuat di seluruh dunia telah mendapati 1 ke 4 orang kanak-kanak dalam keramaian seribu mempunyai masalah autisme. Dari kajian tersebut juga telah menunjukkan jumlah kanak-kanak lelaki melebihi kanak-kanak perempuan iaitu 4 berbanding 1. Dari keramaian kanak-kanak autisme 1 per 3 adalah penghidap autisme klasik yang mana menunjukkan 1 ke 5 peratus

penghidap boleh berdikari, (dengan program yang bersesuaian dan berterusan), 15 peratus menunjukkan kemajuan semasa remaja dan 55 peratus masih memerlukan pengawalan rapi sepanjang hayat. Selebihnya adalah penghidap yang mempunyai ciri-ciri autisme.

Akan tetapi mengikut kajian yang sahih yang telah dikeluarkan oleh California Health Agency, telah didapati 1 orang kanak-kanak akan menghidap autisme di dalam keramaian 100 orang. Peningkatan bilangan sebanyak 10 peratus sejak tahun 1979.

Di Negara Brunei Darussalam, kajian setakat bulan April tahun 2002 menunjukkan lebih kurang 100 orang yang kebanyakannya kanak-kanak telah dikenal pasti penghidap autisme. Dan kiraan ini telah bertambah di luar

jangkauan kita semua dibandingkan dengan di cetekkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan kita selain dari kekurangan program khusus yang terdapat.

Di seluruh dunia amnya, kajian telah menunjukkan bilangan autisme telah meningkat ke-29 juta individu yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan orang dewasa. Penyakit ini tidak mengenal bangsa, agama dan keturunan. Setiap individu terdedah dengan kemungkinan mempunyai ahli keluarga yang menghidap autisme.

PANDUAN

Sebahagian besar dari pada kita sering beranggapan kanak-kanak yang pendiam, tidak banyak karehah dan banyak menghabiskan masanya dengan tidur adalah anak-anak yang mudah dipelihara. Sebaliknya ibu bapa seharusnya memberi

perhatian serius jika anak-anak kurang menunjukkan tindak balas positif kerana besar kemungkinan anak-anak tersebut menghadapi masalah tertentu seperti autisme. Mengenal pasti ciri-ciri autisme di peringkat awal mungkin akan dapat membantu diagnosis ditetapkan dan anak-anak tersebut akan dapat menerima program yang khusus dan tertentu seawal mungkin yang mana dapat membantu membina kemampuan dan mewujudkan komunikasi di peringkat seawal mungkin.

1. Masalah

Perkembangan Bahasa

Sekiranya seorang anak yang telah berusia 2 tahun tetapi masih tidak boleh bercakap, bawalah anak tersebut berjumpa doktor pakar bagi penilaian. Jika pun ada, perkembangan bahasa kanak-kanak terbahit biasanya tidak begitu sempurna. Mereka lambat bertutur seperti lazimnya kanak-kanak normal yang lain. Ada yang tidak bertutur dan cuma mengeluarkan bunyi-bunyi yang tidak mempunyai makna dan sukar difahami. Ada juga yang cuma meniru perkataan yang disebut orang lain (echolalia). Ada yang tidak dapat memahami apa yang diperkatakan oleh orang lain. Ada kalanya mereka memerlukan orang lain untuk sesuatu yang dihayati seperti menarik tangan ibu bapa dan meletakkan ke objek tertentu sebagai cara menyampaikan maksud mereka. Jika ia dapat berkomunikasi dari usia awal, ini boleh membantu perkembangan anak tersebut dan mengurangkan masalah tingkah laku. Ada juga sebilangan kanak-kanak yang bertutur di peringkat awal akan tetapi pertuturan mereka hilang apabila berusia 3 tahun ke atas.

2. Masalah

Perkembangan Sosial

Kanak-kanak autisme biasanya suka bersendirian, tidak pandai berkawan, tidak tahu cara berinteraksi dengan orang lain dan tidak ada tenungan mata atau memandang sipi apabila berinteraksi (no eye contact). Tidak tahu melahirkan perasaan yang halus kerana mereka hanya boleh melahirkan perasaan dalam keadaan ekstrim seperti apabila terlalu gembira atau terlalu marah. Mereka juga tidak tahu mengawal perasaan hingga menyebabkan mereka menjadi terlalu agresif. Pemikiran tidak abstrak atau tidak tahu mengagak niat orang lain. Satu yang sangat unik dan istimewa di mana mereka tidak pandai berbohong, akurat dan patuh pada peraturan walaupun mereka sukar memahami etika sosial seperti perlu menunggu giliran semasa beratur contohnya. Mereka suka menerima perubahan dari kebiasaan yang rutin dibuat. Tidak tahu akan bahaya dan

tidak ada rasa takut. Satu yang juga sangat ketara di mana mereka merupakan kanak-kanak yang sangat hiperaktif yang sukar dikawal.

3. Cara Bermain

Cara bermain kanak-kanak autisme sangat ganjil di mana mereka banyak membuang masa pada sesuatu objek dan tidak bermain sesuatu permainan mengikut fungsinya kerana mereka kurang daya imaginasi. Mereka lebih gemar pada satu bahagian barang permainan tersebut seperti memutar roda kereta mainan, mencampak benda yang bulat atau sesuatu yang boleh berpusing-pusing di lantai. Jika mereka diberi pen atau anak patung, mereka akan memilih pen kerana ia boleh digerak-gerakkan. Minat mereka akan sesuatu agak ekstrim di mana tiada pelbagaian. Mereka suka bermain-main dengan jejari mereka sendiri atau tali sehari suntuk tanpa henti dan jemu. Jika mereka sukakan penggantungan pakaian (cloth hanger) mereka akan bermain dengan setiap penggantungan pakaian yang mereka nampak dan temui di mana saja. Jika dilarang berbuat demikian mereka akan meronta-ronta.

RAWATAN

Hingga ke saat ini tiada rawatan mahupun ubat-ubatan yang dapat menyembuhkan autisme. Rawatan ubat-ubatan ada kalanya diberikan apabila kanak-kanak autisme terlalu aktif atau untuk mengurangkan obsesi yang boleh mengganggu kualiti hidup individu dan keluarganya. Akan tetapi rawatan secara ini ada kalanya akan lebih memburukkan keadaan selain kesan sampingan yang bakal dialami oleh penghidap.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sebetulnya apa yang diperlukan bukanlah rawatan tetapi program yang khusus dan bersesuaian yang dapat membina kemampuan dan mewujudkan komunikasi. Mereka memerlukan stimulasi yang optima yang memerlukan pendedahan yang secukupnya. Penghidap autisme perlu diberi peluang seluas-luasnya untuk berkembang dan melalui tumbesaran seperti kanak-kanak normal yang lain mengikut keperluan agar mereka juga dapat menjadi insan yang berguna, aktif dan produktif.

Penggunaan simbol atau gambar-gambar tertentu dapat meningkatkan kefahaman untuk menangani kanak-kanak autisme di samping menjadi satu kaedah untuk berkomunikasi dan memahami tingkah laku mereka dengan lebih mendalam kerana telah dikaji 90 peratus penghidap berpancaindera dan cuma 10 peratus boleh bertutur.

Sesungguhnya penga-

jaran dan pembelajaran kemahiran dan tindakan susulan sosial yang berterusan akan dapat mengurangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan autisme yang dihadapi oleh autistik individu.

Autisme sering disalahertikan dan ditempatkan di dalam label 'masalah pembelajaran'. Satu cabaran yang ketara ialah untuk menyediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran yang diukur bagi keperluan individu autisme.

Kita tidak seharusnya memandang serong akan penghidap autisme kerana di sebalik kekurangan, mereka mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tertentu yang cukup luar biasa. Sebilangan penghidap autistik yang diberikan kemahiran, pendekatan dan program yang khusus telah menunjukkan taring mereka di dalam bidang muzik, lukisan dan matematik. Sekiranya diberi peluang mereka boleh berjaya seperti Dr. Temple Grandin, seorang individu autisme yang merupakan seorang jurutera yang terkenal dan berjaya di Colorado State University, Amerika Syarikat.

TINDAKAN

Jangan dipersoalkan apa yang negara mampu berikan kepada kita. Kenapa kita tidak buat sesuatu yang boleh mengurangkan beban negara.

Di Brunei, secara logik dan jujur, kesedaran mengenai autisme masih perlu dipertingkatkan. Kita masih lagi kekurangan pakar mahupun individu yang terlatih bagi menangani masalah autisme. SMARTER Brunei (Society for the Management of Autism Related Issue - In Training, Education and Resources/Pengurusan Autisme Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber) telah ditubuhkan pada bulan September 2001. Persatuan ini yang diterajui oleh Tuan Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman dan ahli-ahlinya terdiri daripada individu autisme sendiri, keluarga individu autisme seperti ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga yang lain dan profesional seperti pakar-pakar terapi dan guru-guru. Persatuan ini memberikan program-program yang menjurus kepada pengurusan dan pendidikan anak-anak autisme.

Adalah disyorkan kepada ibu bapa mahupun penjaga yang mempunyai anak-anak autisme dan individu yang terlibat secara langsung atau sebaliknya untuk tampil ke hadapan dan berganding tangan sesama kita. Dengan cara ini sajalah kita akan dapat mengubah pendirian masyarakat tentang anak-anak kita yang mengalami autistik di mana masa depan mereka terletak di tangan ibu bapa itu sendiri.

Tabung Anak-Anak Yatim terima sumbangan

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 28 Disember. - Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan telah menerima derma berucap cek bernilai \$500.00 sumba-

ngan sebuah cawangan syarikat pengeluaran barangan CNI.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh peng-

urus Agensi Intan Jutawan CNI Malaysia, Encik Murad Basir kepada wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani di Majlis Malam Mencipta Kejayaan Bersama CNI yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini.

Menurut pihak penganjur, sumbangan tersebut hasil daripada jualan tiket Majlis Mencipta Kejayaan Bersama CNI. Di samping Majlis penyerahan derma, beberapa cara turut diadakan termasuk ceramah motivasi malam mencipta kejayaan yang disampaikan oleh Pengurus Agensi Intan Jutawan CNI, Encik Zainal Mohd. Yusof dari Malaysia. Cawangan CNI kini mempunyai 6,000 orang ahli di Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani, wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan dari Pengurus Intan Jutawan CNI Malaysia, Encik Murad Basir. - Gambar oleh Masri Osman.

Rahsia 9 kunci kecil membuka 9 pintu besar isu pengangguran

“DIGALAKKAN atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilang persepuluh daripada rezeki.” (Hadis riwayat Al-Bukhari).

9 PINTU REZEKI SENTIASA MENANTI KITA

Saya sering mempersoalkan diri saya, hidup saya, entahlah, kenapa kita-kita ini 'suka' dan 'terus-terusan' meniru 'sistem kehidupan kemiskinan' yang diwarisi sejak zaman nenek moyang dan orang tua kita. Mereka selalu berpesan: "Nak/Cu...belajar bersungguh-sungguh, dapatkan keputusan terbaik, carilah pekerjaan yang 'selamat' (makan gaji), hidupmu akan senang." Tidak pernah kita mendengar mereka mengatakan, "Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan: 'Digalakkan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilang persepuluh daripada rezeki'". (Hadis Riwayat Al-Bukhari). Sebab itulah sejak kecil hingga dewasa, minda kita telah diset oleh ibu bapa dan pancir salasilah keluarga kita bahawa untuk hidup senang 'mestilah belajar hingga berjaya dan cari kerja 'Makan Gaji'.

Kita tidak mau, kita tidak 'perkas' untuk merubah hala tuju hidup kita dan 'meniru' sistem kehidupan kekayaan. Kita sebenarnya selalu berfikir, memikirkan dan 'berimpian' untuk jadi kaya, sekurang-kurangnya berstatus 'hidup senang'. Tetapi tindakan kita 'cagak tidak serupa bikin'. Kita asyik bersesak-sesak untuk masuk satu pintu, iaitu pintu 'kerja makan gaji'. Apa tidak 'bersesak', rezeki 1 dibagi 10 'nampak sedikitlahkan?'. Tetapi 9 rezeki dibagi 10, ternyata lebih 'selesa dan aman'. Kenapa manusia suka bersesak-sesak? Kerana naluri manusia ingin yang mudah, murah, 'bersesak-sesak' seperti di pasar, pasar malam, pasar raya atau tamu. Sebab itulah jika ada iklan Sale, Jualan Beras, Crazy Prizes, Kedai \$1.99, Kedai \$1.00, Kedai 90 sen, yang menawarkan 'harga murah dengan barangan 'lapok'. Kalau sekarang mereka berkuasa meruntuhkan industri mini-mart, mega-mart atau hyper-mart, tidak mustahil suatu masa giliran mereka akan menerima nasib yang sama sekiranya mereka masih mengguna pakai sistem niaga 'murah dan tidak berkualiti'. Contohnya anda masuk gedung perniagaan hyper-mart dan kedai 'murah', dari segi naluri rasa 'First Impression', bau, rasa dan warna sudah 'tidak selesa'. Imej inilah yang akan menjadi seperti virus dan anai-anai yang akan meruntuhkan sistem perniagaan 'kabur mata' ini.

Tempat yang disukai Allah ialah masjid, dan tempat yang dibenci Allah ialah 'pasar' tempat bersesak-sesak! Juga tempat 'jual murah', tetapi kita tertipu kerana 'dipaksa berbelanja lebih dan membazir'. Sebab itulah terjadi satu pasar raya yang dulunya 'Boom! Meletup! Meraih kekayaan mendadak kerana menawarkan barangan 'kurang berkualiti' dengan harga 'paling murah', akhirnya tersungkur, gulung tikar. Mungkin perniagaan 'jualan murah' seperti itu kurang berkat, kerana banyak barangan yang dijual-beli 'tidak berkualiti', makanan 'expired' dibungkus semula, 'ayam daging dan makanan diragui halalnya' diseludup dan dijual kepada orang Islam, kedai cantik tapi bau 'hapak', sumpah pelanggan melautan.

MLM (MULTI-LEVEL MARKETING) TREND PERNIAGAAN ABAD KE-21

Sekarang sudah tiba masa dan 'giliran' kita menguasai dan menakluki ekonomi gelombang ketiga abad ke-21 ini! Saya penuh yakin perniagaan MLM yang mempunyai risiko rendah 'modal rendah' tetapi mengeluarkan produk yang berkualiti dan 'bertaraf 5 Bintang', dapat menyumbang, 'merubah' set minda dan dayakerja serta dayamaju 'umat Melayu' di negara ini. Memandangkan 'Orang Melayu' tidak suka menanggung risiko tinggi, berniaga pun dengan modal kecil, maka perusahaan MLM 'amat sesuai' dengan 'umat Melayu'. Bukan tujuan saya untuk 'merendah-rendahkan bangsa sendiri', tetapi sebaliknya 'rahsia', 'keajaiban' dan 'kehebatan MLM' yang 'luar biasa' sudah terbukti menjadikan ramai orang Melayu 'menjadi jutawan MLM'. Iaitu sebagai menyalut cabaran seorang pemimpin negara yang pernah mengatakan: 'Usahawan tempatan kurang bersemangat' membantu negara dalam strategi 'mempelbagai nara sumber ekonomi negara'.

Jika sekiranya umat Melayu kurang 'ghairah' untuk bersaing dalam sekap terajang ekonomi perindustrian, IT, SME's, apa lagi samudera ekonomi global, maka wadah yang paling sesuai ialah perusahaan MLM. Ada sumber menyatakan 20% jutawan di Amerika Syarikat adalah dari kalangan usahawan MLM.

Kenapa saya menghususkan pembicaraan saya berkenaan MLM dalam tulisan saya ini ialah, kerana masyarakat kita selama ini cuba membuat dan bersaing dalam bidang perusahaan tradisional dan konvensional, terus-menerus dibantu oleh pihak kerajaan dengan pelbagai skim dan program 'ke arah mempelbagai ekonomi negara', maka tumbuhkan konsep Koperasi, SME's, Tapak Industri Kecil dan Sederhana untuk usahawan peribumi, pelbagai skim pinjaman seperti, mikro-kredit, pelaburan dan perindustrian dijana, tetapi akhirnya menjadi markas 'perusahaan Ali Baba'. Pihak kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk 'mempelbagai ekonomi negara' tetapi hasilnya masih diaras 'minimum'. Selagi Dasar Pendidikan tidak perkas digubal ke arah memberikan dan menerapkan 'pendidikan inter-personal skill, 'pendidikan pravokasional' sejak prasekolah, 'produk' atau 'graduan' peribumi akan kekal di takuk lama dengan set minda 'kerjaya berorientasikan sektor kerajaan dan swasta' (makan gaji). Mereka tidak akan perkas turun ke laut sebagai nelayan, mereka tidak akan perkas, masuk hutan mencari sumber alam, mereka tidak akan perkas membajak sawah bendang. Saksikan sahaja ulah dan nasib anak bangsa, jika tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan sara hidup, mereka akan langsung pergi mengadu untung nasib kepada pihak kerajaan untuk memohon bantuan kebajikan, tanpa terlebih dahulu mencari jalan keluar dengan berusaha sendiri. Seperti turun ke laut untuk mencari ikan, masuk hutan untuk mencari sumber alam, turun ke sawah bendang, dan tanah terbiar untuk sejampuit beras atau sayur-mayur, berternak atau berniaga kecil-kecilan. 1,001 persoalan timbul daripada kerinah warga peribumi. Siapa perlu dipersalahkan? Sebenarnya

MEMBINA MENARA KEKAYAAN DI ATAS KURSUS KEMISKINAN DENGAN 'PERNIAGAAN'

SIRI KEDUA

Oleh Anak Kedayan, UBD

SIRI MOTISI : "Ubah Sikap Awda dan Awda Merubah Hidup Awda"

ramai pihak salah dan ramai pihak tidak boleh dipersalahkan?

Secara peribadi, saya melihat 'Sistem Pendidikan Formal' dan 'Kurikulum' perlu penelitian semula dan saya merasakan 'Visi dan Misi Ko-Kurikulum dan ECA-Extra Curricular Activities' perlulah dikemaskinikan serta disepadukan dengan 'Pendidikan Inter-Personal Skill' dan 'Pendidikan Vokasional' atau 'pravokasional' sejak prasekolah lagi. Iaitu bagi melengkapi lagi 'Sistem Persekolahan Bersepadu'. Mencipta satu formula bagaimana mencipta 'sistem pendidikan' yang 'ampuh' untuk membentuk 'generasi memiliki sikap survival' bukan 'generasi rapuh yang bergantung harap kepada pihak kerajaan semata-mata' dalam kata jeleknya 'masyarakat atau generasi meminta-minta'.

Memandangkan umat Melayu masih tebal dengan 'budaya gotong-royong', kenapa tidak dimanfaatkan dalam MLM yang berkonsepkan 'net-working', iaitu 'rangkai bergotong-royong'. Sewajarnya pihak berwajib dalam pembangunan ekonomi negara melihat 'keajaiban' industri MLM ini kerana berkeupayaan 'menjadikan orang biasa menjadi luar biasa dan menikmati pendapatan luar-luar biasa...'

Institusi kerajaan seperti BINA, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Badan Ekonomi Negara, Perbankan Negara, sewajarnya 'mencipta satu perusahaan MLM yang bercirikan kebruneian dan berpaksikan kemasyarakatan dan Islam', sebagai 'pemangkin' kepada industri 'koperasi' yang 'diminati rakyat Brunei'. Sistem pengagihan 'bonus dan keuntungan koperasi adalah secara tahunan' sedangkan konsep industri MLM ialah pengagihan 'Bonus dan Prestasi' adalah secara bulanan dan penghasilan diperoleh berdasarkan 'hasil bergantung pada apa yang diusahakan'. Di samping itu, MLM berupaya mendidik masyarakat menjadi 'kreatif, inovatif, berdaya, memperbaiki ekonomi dan merubah kehidupan'. Ini akan menjadikan 'masyarakat Brunei' bebas daripada sikap 'meminta-minta' dan 'mengharapkan kurnia'.

Salah Persepsi Terhadap MLM

Apa yang terjadi sekarang, ramai orang mencera dan membenci industri MLM. Orang kata MLM penipuan, dia pun kata MLM penipuan, pemerias, menguntungkan atas 'upline', menguntungkan syarikat, kerja hina dan seumpamanya.

Abad 21 telah menyaksikan bahawa industri MLM meledak sebagai pencabar kepada industri perniagaan mega dan hypermart, francais dan pelaburan. Usahawan MLM bukan lagi perniagaan ortodok yang dulunya digelar sebagai 'Door to door selling', tetapi kini telah menjadi perusahaan profesional dengan menggunakan sistem 'on-line' dan 'e-dagang'. Ahli, pengedar, usahawan dan Wira/Juara MLM bukan lagi dari kalangan 'insan biasa-biasa' tetapi dari kalangan 'insan luar biasa' seperti para profesional dari kalangan Profesor, Doktor, Peguam, Banker, Akauntan, Pensyarah, jurutera dan seumpamanya. Benarkah usahawan MLM orang yang hina dan 'sampah masyarakat'?

Mana lebih hina penganggur atau peminta sedekah? Miskin kufur, miskin beriman? Kaya kufur atau kaya beriman? Tentulah miskin kufur, lebih hina! Dan mana yang lebih mulia? Tentulah kaya beriman! Kenapa tidak pilih kaya dan beriman. Senang beramal jariah, bantu orang fakir miskin.

Saya bukan seorang yang 'jumud' (sempit otak), tidak juga 'ekstremis MLM' kerana saya pernah lompat MLM ke MLM dan akhirnya 'memilih yang terbaik bagi pendapat dan kemampuan saya'. Untuk membeli makanan, minuman, pakaian, kereta, rumah juga kita tidak dapat lari daripada 'memilih yang lebih baik dan terbaik'. Demikian juga untuk memilih pekerjaan dan usaha 'kedua', kita kena pilih bidang dan jurusan perniagaan yang sesuai untuk kita. Iaitu yang berkonsepkan 'M': Murah (harga: money value), Mudah (praktikal: semua orang boleh buat); Mesra (tidak pilih bulu); Menarik (magnetic: tumpuan ramai); Membantu (kebajikan); Memeduli (prihatin); Multi (pelbagai produk dan strategi pemasaran); Mengumpul (berterusan: tidak putus); Menjamin (bertanggungjawab) dan Menguntungkan (bebas masa dan wang).

Sandiwara dalam MLM memang pernah terjadi. Kebanyakan syarikat MLM ada etika. Cuma pengedar dan pemimpinnya sahaja yang buat hal. Sifat manusia, kan? Memang ada syarikat MLM yang '

SYARIKAT MLM memang pada dasarnya beretika dan berperaturan. Cuma yang menjadi 'virus pemusnah' adalah para pemilik industri MLM, para pengedar dan pengguna yang jahil. Samalah pihak musuh Islam menyalahkan agama Islam bila terjadi segelintir umat Islam buat kecoh. Marahkan nyamuk kelambu dibakar. Falsafah dan ajaran Islam adalah 'I Shall Love All Mankind' (ISLAM). Mana-mana orang Islam yang berperang, bercakaran sesama sendiri atau orang lain, berbunuh-bunuhan tanpa hak, ia bukan Islam sejati. Sebab umat Islam yang symul adalah bersifat hablum minallah dan hablum minannas.

meletup' akhirnya 'tersungkur'. Mungkin kerana syarikat telah buat kesilapan dan salah langkah. Mungkin juga disebabkan kerena 'pengedar' yang tidak beretika dan salah laku. Tetapi apabila menyaksikan ada syarikat MLM yang dapat bertahan hingga setengah abad atau puluhan tahun. Mungkin saja yang punya kesalahan adalah 'para pengedar yang jahil dan rakus', dan hukum-kernanya terkena syarikat. Sebab itu ramai orang 'lompat katak' dalam MLM dan ada yang 'bersara terus' daripada MLM kerana mereka mungkin tertipu, kurang maklumat, kurang menghayati dan 'salah sendiri'. Kerana rasmi manusia: 'Tidak ramai yang mengaku kelemahan dan kesilapan sendiri'. Selalunya bersikap 'hela bel diri'. Jika mereka gagal mereka akan menuding jari, syarikat MLM itu ini, penipu dan pemerias!

Syarikat MLM memang pada dasarnya beretika dan berperaturan. Cuma yang menjadi 'virus pemusnah' adalah para pemilik industri MLM, para pengedar dan pengguna yang jahil. Samalah pihak musuh Islam menyalahkan agama Islam bila terjadi segelintir umat Islam buat kecoh. Marahkan nyamuk kelambu dibakar. Falsafah dan ajaran Islam adalah 'I Shall Love All Mankind' (ISLAM). Mana-mana orang Islam yang berperang, bercakaran sesama sendiri atau orang lain, berbunuh-bunuhan tanpa hak, ia bukan Islam sejati. Sebab umat Islam yang symul adalah bersifat hablum minallah dan hablum minannas.

Sebenarnya semua jenis perniagaan halal akan membawa kepada kesejahteraan dan keberkatan rezeki. Jika diteliti, memang sudah ramai warga peribumi yang menceburi diri dalam industri perniagaan. Kecil-kecilan, SME's dan peringkat mega serta antarbangsa. Walau bagaimanapun, peratusnya masih diaras sedikit dan rendah berbeza dengan bangsa lain. Dengan kata lain, belum ramai warga peribumi yang boleh ditonjolkan sebagai jutawan atau multi-jutawan.

Robert Kiyosaki dalam bukunya 'The Cashflow Quadrant' menyatakan untuk menjadikan awda 'Bebas Kewangan' ialah:

1. Perusahaan tradisional (Kekayaan Warisan): Di mana awda mengembangkan sistem awda sendiri. Cari seorang pembimbing: Jika awda mau 'kaya' carilah pembimbing yang 'sudah kaya raya'. Pembimbing adalah seseorang yang sudah melakukan apa yang ingin Awda lakukan...dan berhasil dalam melakukannya. Seperti Robert Kiyosaki telah menjadikan 'Rich Dad'nya sebagai pembimbingnya ke arah 'kekayaan sebenar'. Jangan mencari seorang penasihat! Penasihat adalah seseorang yang memberitahu awda cara melakukannya, tetapi ia sendiri belum pernah melakukannya. Sama juga 'konsultan'. Kita diminta 'bayar dulu' atas nasihat mereka, dan kita dilepaskan sendirian untuk melakukan 'teori' mereka.

2. Perusahaan waralaba (francis): di mana awda membeli sebuah sistem yang sudah ada, seperti KFC, McDonald's dan seumpamanya.

3. Pemasaran Jaringan (Networking), juga disebut MLM (Multi Level Marketing) atau sistem jualan langsung (direct selling) - di mana awda membeli dan menjual dan menjadi bahagian sebuah sistem yang sudah ada.

Ketiga-tiga jenis atau trend perniagaan di atas merupakan tiga yang teratas dalam mencipta kekayaan. Tetapi jenis 1 tidak semua orang dapat mewarisi 'kekayaan' keluarga. Cuma ada tiga cara untuk mendapatkannya. Pertama, melalui pewarisan. Kedua, melalui perkahwinan dan ketiga, awda bermati-matian untuk mendapatkannya. Jenis perniagaan kedua, francais, memerlukan modal yang besar untuk 'membeli' sistem yang ada, seperti KFC, Ekspres, Ayamku, Pizza Hut dan seumpamanya.

Perkara 1 dan 2 mungkin agak susah kita memilikinya. Namun, jenis perniagaan ke tiga lebih murah, mudah dan praktikal memungkinkannya semua orang berkelap berpeluang menceburinya dan mencipta kebebasan masa dan wang jika dilakukan dan dihayati 100%. Malahan dengan berkonsepkan 100% pengguna dan diberigakan 'sistem peniruan' pemasaran berangkai (Copycat Networking Marketing) akan membolehkan seseorang menjadi jutawan.

Memandangkan perniagaan MLM ini adalah 'Perniagaan Berangkai', kita umat Melayu yang masih kukuh dengan prinsip 'berkeluarga besar' dan ikatan silaturahim persaudaraan yang masih dijalin kukuh dengan falsafah hidup 'memucang-mucang' dan 'beraum-um', maka 'menepati konsep dan falsafah' perniagaan MLM yang menjurus kepada 'net-working: Berangkai!'. Perusahaan MLM adalah salah satu cara untuk kita melepaskan diri daripada POW (Prisoner Of Work), JOB (Just Obey Boss) dan seumpamanya?

Bertanyalah pada yang 'tahu' dan sudah 'berjaya' dalam dunia perniagaan MLM. Awda akan berjaya. Tetapi apabila anda bertanya pada yang jahil bodoh, pura-pura tahu, maka awda akan sama tidak tahu, jahil, bodoh dan gagal.

Dari muka 8

**KELEBIHAN PERNIAGAAN BERANGKAI (MLM)
BEBANDING DENGAN FRANCAIS**

FRANCAIS	LAWAN	PERNIAGAAN BERANGKAI (MLM)
Purata yuran francais ialah \$85,000	↔	Modal permulaan adalah \$500 atau kurang
Memperdagangkan masa untuk wang (pertumbuhan mendatar)	↔	Pendapatan bertambah secara eksponen
Awda membayar 3%-10% yuran francais setiap bulan	↔	Syarikat membayar anda 3%-28% daripada jumlah organisasi awda
Ambil dan pecat pekerja	↔	Tiada pekerja. Awda IBO (Independent Business Owner).
Kos operasi bertambah apabila anda menjadi lebih maju	↔	Perniagaan di rumah dan boleh buat 'part-time'
Masa kerja kedai masa kerja awda	↔	Awda menentukan masa kerja awda
Kawasan terhad	↔	Kawasan termasuk dalam dan luar negara
Membina impian orang lain!	↔	Membina masa depan sendiri

Seperti yang dapat kita lihat, Pemasaran Berangkai (MLM) mengambil ciri-ciri terbaik daripada francais - konsep sisitem yang boleh ditiru - dan peniruan (copycat marketing) ke satu tahap yang baru dan inilah kenapa sesetengah pakar ekonomi menggelar Pemasaran Berangkai sebagai langkah seterusnya di dalam evolusi keusahawanan bebas'.

Nyata sekali - Pemasaran Berangkai bukan lagi satu teori. Ianya bukan lagi sesuatu yang kontroversi. Pada hari ini Pemasaran Berangkai sedang berada di dalam kedudukan di mana 'francais' berada 20 tahun yang lalu - ianya adalah konsep francais rakyat' yang tumbuh secara eksponen (meledak) dan ianya sedang memasuki fasa pertumbuhan yang memuncak. Sebab itulah serangan pelbagai jenama MLM di seluruh dunia menyaksikan, syarikat mega dan mikro satu demi satu runtuh kerana krisis kewangam dan alah daya saing kerana kewujudan MLM seperti anai-anai dan semut, mereka seakan-akan mempunyai kuasa untuk 'meruntuhkan' dan 'membina' industri perniagaan tradisional dan mega yang ampuh. Bagaimana budaya semut yang boleh membina bukit!

KENAPA INDUSTRI MLM HEBAT!

Hidup manusia ini umpama basikal. Jika tidak bergerak ia akan rebah tanpa ada tempat bersandar. Tetapi apabila ia digerak dengan 'mengayuhkan', basikal itu akan bergerak pantas dan tidak akan rebah jika sekiranya pengayuh basikal terus mengayuhkan dengan 100 peratus fokus dan konsentrasi. Orang yang mengatakan 'Sudah puas aku masuk MLM tetapi belum juga kaya?' Orang yang berkata demikian sebenarnya 'hanya masuk atau mendaftar menjadi ahli MLM tetapi MLM: "Ma Las Membuat". Orang yang rajin membuat memang menjadi MLM: Multi-Level Millionaire'. Jadi ada beza, orang cuma masuk MLM dengan orang yang membuat MLM!.

Sama seperti awda membeli basikal basikal, jika awda tidak tahu basikal atau tidak pandai mengayuh basikal, awda akan jatuh dan mengatakan 'basikal ini tiada guna' Ramai orang keluar-masuk MLM. Dan mereka mendabik dada, mereka tahu MLM dari A hingga Z. Dari kulit ke kulit. Memanglah, kalau tidak tahu buka kulit, mana nak tahu pisang 'nyaman' atau 'tak nyaman'. Ambok pun terpaksa buka kulit nak tahu pisang itu nyaman atau tak nyaman.

Untuk berjaya dalam MLM kena buka rahsia khazanah MLM. Caranya ialah MLM, iaitu Meet, Learn, Multiply. (Berjumpa, Belajar, Menggandakan). Dan MLM terkini diterjemahkan sebagai management, leadership, multiply (pengurusan, kepimpinan, menggandakan). Bersesuaian dengan Konsep 3S (Selling, Sponsoring, Servicing).

MLM adalah perniagaan jangka panjang. Boleh diungkapkan sebagai satu projek. Jika ia satu projek, bermakna ada had masa dan waktu. Lazimnya perusahaan MLM akan menampilkan hasil setelah dilakukan secara istiqamah dalam jangka masa dua ke lima tahun. MLM adalah perniagaan melibatkan orang'. Dale Carnegie pernah berkata, "Kejayaan bergantung kepada 15% pengetahuan dan 85% kebolehan berhubung dengan manusia". Perniagaan MLM yang sedang awda laksanakan memerlukan kerjasama manusia lain untuk menjayakan. Istilah masa kini, ialah 'Net-Working' (Rangkaian).

Kajian telah membuktikan; juga melalui sejarah telah terbukti bahawa orang-orang yang berjaya dalam apa jua bidang adalah orang yang menyukai orang lain - dengan ikhlas. Juga orang-orang yang tidak terasa apa-apa, apabila ada orang mengata mengenai dirinya. Orang yang pasti gagal ialah orang-orang yang cepat melatah dan cepat merajuk. Perlu diingat, MLM adalah 'perniagaan berorientasikan orang'.

KISAH MONYET DAN KURA-KURA

Al-Kisah Monyet dan Kura-Kura Menanam Pohon Pisang. Sang monyet dan kura-kura terjumpa seponon pisang yang rebah. Masing-masing hendak memilikinya. Namun masing-masing membantah. Setelah dibuat perundingan maka mereka mengambil keputusan untuk memenggal pohon pisang itu untuk ditanam. Sang monyet yang lebih agresif memilih bahagian sebelah atas yang sudah berdaun. Dalam hati sang monyet, batang pisang aku akan tumbuh dahulu kerana sudah berdaun dan akan lekas berbuah. Aku akan cepat mendapatkan hasil berdaun dan akan lekas berbuah. Sang kura-kura terpaksa mengalah dan menanam batang pisang bahagian bawah. Dalam hati kudusnya, aku tanam pisang ini pun belum tentu berbuah, atau belum tentu buah-nya aku dapat makan kerana letaknya terlalu tinggi. Aku tanam untuk amal jariah sahaja. Masa berlalu. Tidak sampai seminggu pohon pisang yang ditanam sang monyet layu dan mati. Tetapi pohon pisang yang ditanam sang kura-kura mulai mengeluarkan pucuk muda dan tumbuh subur.

Pengajarannya: Sang monyet yang pintar bodoh akhirnya rugi dan

sia-sia. Tetapi sang kura-kura yang sabar, reda, tawakal, optimis, berimpian kukuh, ingin beramal jariah, berbakti, akhirnya menikmati kejayaan dan hasil daripada usaha gigih titahnya. Demikian juga dalam apa-apa jua kerja, usaha, MLM, jika dibuat dengan keyakinan, fokus, impian kukuh, sabar, 'mahu belajar dan mahu diajar', maka kejayaan pasti dapat dicapai!

Jadi, awda nak ikut monyet atau kura-kura?

KISAH LOKMAN, ANAKNYA DAN KELDAI

Saya teringat kisah Lokman dan Anaknya bersama seekor Keldai. Suatu hari Lokman dan anaknya pergi ke pasar untuk membeli seekor keldai. Setelah membeli seekor keldai mereka pun pulang. Kerana sayangkan Keldai itu, Lokman dan anaknya menunda keldai itu dengan memegang talinya. Tiba di hadapan satu kelompok manusia mereka diketawakan dan dicera: Bodohnya orang tua dan anaknya. Keldai ditunda pula. Keldai kan untuk ditunggang. Lokman dan anaknya pun menunggang keldai itu berdua. Tiba di hadapan satu kelompok manusia mereka diketawakan dan diejek: Tak berperikemanusiaan orang tua dan anaknya itu. Keldai ditunggang berdua. Menyeksa binatang. Lokman turun dan menyuruh anaknya sahaja di atas keldai. Tiba di hadapan kelompok manusia mereka diketawakan dan diejek lagi: Sungguh tidak berakal anak itu, adakah orang tua itu disuruh berjalan dan dia senang-senang atas keldai. Lokman pun menyuruh anaknya turun dan dia pula naik atas keldai. Tiba di hadapan satu kelompok manusia mereka diketawakan dan diejek lagi: Tak berhati perutlah orang tua itu. Budak kecil disuruh berjalan, dia pula senang-lenang atas keldai. Lokman turun lagi. Lokman mengambil sebatang kayu dan tali. Mereka mengikat kedua kaki hadapan dan belakang keldai itu. Lokman pun menyahan keldai itu dengan kayu di atas bahu mereka. Tiba di hadapan sekelompok manusia, mereka ditertawakan dan diejek lagi: Bodohnya orang tua dan anak-anak itu. Kan keldai untuk ditunggang, bukan untuk disahan! Akhirnya Lokman mengantarkan kepada anaknya: Wahai anakku, beginilah sifat manusia. Mereka tidak pernah berhenti mengejek, mengumpat dan memperlekehkan orang.

Pengajarannya: Sifat manusia memang suka memperlekehkan usaha orang lain. Mengata orang diri yang lebih! Sifat hasad dengki membuat manusia bermusuhan dan berbunuh-bunuhan. Manusia sering kali susah melihat orang lain senang dan senang melihat orang lain susah! Jikalau ini sifat semula jadi manusia, apa untungnya kita mendengar atau mengambil hati jika tujuannya semata-mata untuk meruntuhkan hidup kita. Lebih baik kita mengasingkan diri dan bergaul dengan orang yang positif dan berhati-minda kejayaan serta

MENJUAL sate tidak dilarang. Dan insafilah, berjual sate tidak akan menjadikan awda kaya. Tetapi bagaimana awda hendak menjadikan 'perusahaan' menjual sate itu 'membolehkan anda menjadi kaya?'. Adakah awda akan menjadi 'pengiap sate' atau 'mencipta perusahaan menyediakan cucuk sate? Mana lebih menguntungkan? Misalnya siapa lebih untung dan menjadi 'jutawan' penjual burger atau 'industri pengeluaran daging burger? Atau awda perkas menciapt satu sistem ' perusahaan sate secara francais' dan mengembangkan perusahaan dan sistem ' Pondok Sate' yang unik dan inovatif. Sebagaimana kesuhuran 'Sate Kajang' di Malaysia. Mungkin di Brunei digelar 'Wahid Sate' (Sate No. 1). Bersukut nama seorang pelakon dan pelawak filem 'Wahid Satay'. Atau jenama lain yang lebih komersil dan glamour.

kemajuan. Sebab itulah ada riwayat, seorang hamba Allah menyuruh seseorang untuk membelikannya 'daging' yang paling bagus untuk dimasak. Maka orang itu pun membelikannya hati dan lidah. Setelah itu disuruh lagi membeli daging yang paling tidak bagus. Maka orang itu pun membelikannya hati dan lidah. Lalu ditanya kenapa dibeli hati dan lidah sebagai daging yang paling bagus dan tidak bagus? Maka dijawab oleh si pembeli: Hati dan lidah jika digunakan untuk kebaikan ia akan baik, jika ia digunakan untuk kejahatan maka ia akan menjadi jahat. Itulah hati dan lidah!

KEMISKINAN DAN IMPIAN

Setiap hari hati saya makin memberontak, semakin sakit kerana kemiskinan. Mengapa di bumi bertuah ini (Brunei Darussalam) masih ada orang yang miskin seperti saya? Bukan tidak 'reda' dengan kurnia dan ujian ilahi, cuma rasanya usaha dan daya maju yang saya curahkan belum mencapai 'momentumnya'. Saya menginginkan kehidupan dan jenis kerjaya bidang 'umum' dan 'keusahawanan' bukannya bidang yang terlalu 'ritual' dan 'religious' (keagamaan), kerana ingin hidup sederhana dalam menghayati agama, tidak sanggup menjadi 'ulama' atau 'umara'. Permasalahan saya yang utama ialah 'tidak pandai berbahasa Arab'. Rasa 'inferior' dan 'rendah diri' saya bila berhadapan dengan guru saya dan golongan 'berbahasa Arab', selaku seorang Pegawai Agama tetapi jahil berbahasa Arab. Setiap kali saya mengadakan 'dilema' saya ini, pihak atasan saya, mereka akan berkata: Awda boleh berbahasa Inggeris, kan? Yang penting awda laksanakan 'tugas dan tanggungjawab awda'. Bahasa Arab, tolak tepi... tetapi jiwa saya semakin meronta-ronta. Selaku 'orang agama' 'tidak lengkap' jika tidak 'mengetahui bahasa Arab', kerana rujukan tulen ilmu Islam adalah dalam bahasa Arab. Dan saya menjadi bahan ejekan serta perlu pnyarah dan mahasiswa berbahasa Arab yang mengenali saya selaku 'Ar-Rais' dalam jurusan agama di institusi tinggi tempatan pula tu. Saya minta berkursus di luar negara berbahasa Arab, Tanah Suci Mekah atau Madinah, mereka beralasan dalam negeri juga ada kursus bahasa Arab.

Melihat senario mahasiswa kita, kita akan terkilan apabila mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang kukuh dalam jurusan Arab (Sekolah Arab sejak sekolah rendah) masih teragap-gagap bertutur, lisan bahasa Arab, walaupun mereka fasih dalam tulisan. Sedangkan saya pernah bertemu seorang teman berbangsa Inggeris sebelum

memeluk agama Islam (anak murid Yusof Islam) dapat bertutur dan menulis bahasa Arab dalam masa sembilan bulan secara kursus intensif di tanah Suci Mekah. Sudah enam tahun saya menahan rasa dalam dilema ini, kata Cikgu Haji Bujang Masu'ud, Pengarah Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, semasa sesi dialog bersama beliau, isu mahasiswa perlu ada 'break' (perhentian) dan tidak dibiarkan melarat (prolong), kerana mahasiswa merupakan aset berharga kepada negara, bangsa dan agama. Demikian dengan dilema saya dengan bahasa Arab dalam kerjaya saya. Prestasi kerja saya semakin merundum disebabkan saya sudah kurang ghairah disebabkan 'down sindrom' dan 'dilema' yang semakin menjadi karat dan 'inferiority complex' dalam jiwa saya. Saya mesti ada pilihan dan alternatif lain.

Lagi pula datuk nenek dan mak saya adalah keturunan Cina, maka darah 'keusahawanan' mengalir dalam nadi dan jasad saya. Semangat entusiast untuk menjadi seorang usahawan semakin membara dan membakar impian saya. Apa lagi masa kini saya dihimpit kemiskinan. Sebab itulah saya menyertai MLM dan melakukannya secara 'separa masa', semata-mata untuk 'merubah nasib saya dan profesion saya'.

Matlamat 'jangka masa pendek' saya masa kini ialah 'membasmi kemiskinan saya dan keluarga saya'. Maksud saya miskin di sini ialah 'tidak pernah kecukupan' atau 'cukup-cukup makan'. Di samping itu mencari 'formula' untuk mencari 'keberkatan rezeki' dan rezeki yang melimpah ruah. Dengan situasi 'inflasi ekonomi saya dan keluarga sekarang' saya dan keluarga tidak akan dapat merubah 'nasib' zuriat-zuriat kami. Tidak terdaya untuk menghantar anak-anak 'ke kelas tuisyen', apa lagi hendak bermewah-mewah makan makanan cepat di gedung 'fast food', untuk melancong ke luar negeri pada setiap musim cuti persekolahan anak-anak untuk mengerjakan umrah atau naik haji. Jauh sekali untuk 'mengunjungi wang' kepada ibu bapa atau mertua. Sebab itulah saya insaf akan maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: "Kefakiran hampir-hampir membawa kepada kekufuran". Di samping mewariskan anak-cucunya agama Islam, saya tidak mau 'menutup mata' dengan meninggalkan anak cucu dalam keadaan 'kelaparan' dan 'kepapaan'. Kerana saya khuatir akan mafhum hadis Nabi di atas.

Sayidina Ali Karamallahu Wajhah pernah berkata "Sekiranya kemiskinan itu orang, nescaya aku membunuhnya."

Dalam penulisan ini, saya tidak akan membuat bidalan atau andaian berkenaan orang lain. Kerana jika saya menuding jari telunjuk kepada orang, bermakna empat jari saya akan menuding saya kembali. Benar kata pepatah: "Mengata orang diri yang lebih." Walau apapun, tidak bermakna saya yang terbaik atau saya yang terburuk. Saya akan terus berjuang selagi hayat dikandung badan untuk merealisasikan gelaran ayah saya itu, insya-Allah. Saya akan mengambil jalan 'berdiri atas pagar' dalam memperkatakan soal hidup dan takdir. Guru saya sering berkata kita tidak boleh merubah 'takdir', tetapi kita boleh merubah 'tadbir'.

Jika awda ingin mencapai kejayaan, jadikanlah hari ini hari awda berhenti menunggu-nunggu. Buat keputusan mengenai matlamat yang tepat. Catatlah. Ingatkanlah ia. Buat keputusan dengan tepat bagaimana awda melaksanakan rancangan itu dengan segera.

Jika awda seorang pencari kerja atau penganggur, adakah awda akan terus mencari kerja 'makan gaji' atau mencuba untuk berusaha sendiri, berdikari, dan menceburi bidang perusahaan dan perniagaan. Kenapa tidak mencuba nasib dan mengejar impian awda melalui perusahaan MLM yang menggunakan sistem Hasil adalah diperoleh daripada Masa x Tenaga (H=M x T). Bukan (H=M + T).

Menjual sate tidak dilarang. Dan insafilah, berjual sate tidak akan menjadikan awda kaya. Tetapi bagaimana awda hendak menjadikan 'perusahaan' menjual sate itu 'membolehkan awda menjadi kaya?'. Adakah awda akan menjadi 'pengiap sate' atau 'mencipta perusahaan menyediakan cucuk sate? Mana lebih menguntungkan? Misalnya siapa lebih untung dan menjadi 'jutawan' penjual burger atau 'industri pengeluaran daging burger? Atau awda perkas menciapt satu sistem ' perusahaan sate secara francais' dan mengembangkan perusahaan dan sistem 'Pondok Sate' yang unik dan inovatif. Sebagaimana kesuhuran 'Sate Kajang' di Malaysia. Mungkin di Brunei digelar 'Wahid Sate' (Sate No. 1). Bersukut nama seorang pelakon dan pelawak filem 'Wahid Satay'. Atau jenama lain yang lebih komersil dan glamour.

Demikian selaku pengusaha MLM, kuasa awda adalah dalam 'net-working'. Konsep 'lautan'. Bukan konsep 'sebuah pulau'. Sebagaimana kata Presiden Kanan Republik Singapura, Lee Kuan Yew: Dunia sekarang "No Man Is An Island". "Bersatu kita teguh, bercerai kita rubuh".

Ramai orang melihat MLM sebagai 'Batu penghalang'. Pekerjaan hina. Lekeh. Hanya jauh hari mengenal manikam! Sebagaimana Dr. Azman Ching, seorang Wira MLM: Orang bijaksana akan melihat MLM seperti "Ada udang di sebalik batu". Sebab itulah, orang yang berjaya dalam MLM adalah orang yang nampak dan tahu "Ada udang di sebalik batu". Sementara orang yang benci dan 'elergi' MLM hanya melihatnya sebagai "batu penghalang".

Orang yang membenci dan 'elergi' MLM sebenarnya puak 'penonton' dan 'pendengar gosip'. Mungkin juga propagandis yang mencipta 'gosip'. Dalam menyaksikan permainan bola. Yang pandai dan pintar adalah penonton 'walaupun ia seorang kaki banguku'. Yang berusaha, berhempas pulas adalah para pemain. Dan selaku pemain dan 'team-player' mereka mendapat keuntungan dan menerima imbuhan. Tetapi selaku penonton, malah rugi tenaga, suara, stress, kerana terlalu memikir dan 'menjaga tepi kain orang'. Orang berjaya dia masih di takuk lama.

Saya masih ingat 'bekas guru-guru' saya di sekolah rendah. Mereka merupakan guru tradisional yang 'kurang daya dan upaya' untuk meningkatkan prestasi, imej, personaliti dan profesionalisme mereka. Pernah suatu ketika saya pernah duduk bersama mengambil peperiksaan peringkat 'A'. Saya mengambil peperiksaan peringkat 'A' kerana membaharui 'kelulusan' saya yang sudah mansuh untuk memasuki universiti. Dan saya kini telah lulus universiti kerana hendak memohon 'kenaikan engkremen' dan jawatan lebih baik daripada guru biasa. Sehingga kini masih menjadi 'guru biasa' dan menunggu saat bersara.

Saya tidak terkilan apabila bekas murid menjadi 'pemimpin' dan 'ketua' kepada 'bekas gurunya'. Bekas murid masih memanggil bekas gurunya 'cikgu' atau naik sedikit 'cikgu haji'. Tetapi bekas murid yang menjadi pemimpin atau ketua akan dipanggil oleh 'bekas gurunya': 'tuan' atau 'tuan haji'. Apa lagi jika seorang pegawai muda diberikan 'gelaran' seperti 'Pehin' dan 'Dato'. Benar maksud firman Allah Taala: "Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum sekiranya mereka tidak mahu merubah nasib yang ada pada diri mereka sendiri." (Al-Quran, 13:11).

Bersambung

Dari muka 10

Kepentingan Psikolinguistik Dalam Bidang Pendidikan Bahasa Kanak-kanak

dera penting dalam menerima input yang ada di sekitarnya. Di peringkat ini, kanak-kanak hanya mendapat pendidikan bahasa secara tidak formal, iaitu pendidikan dari ahli keluarga. Kanak-kanak hanya menggunakan pancaindera untuk mempelajari alam sekitarnya, termasuk bahasa. Misalnya, jika kita mahu anak itu biasa dengan bidang pelajaran, kita boleh menggunakan pancaindera kanak-kanak itu supaya mendapat input yang baik yang boleh merangsang cara berfikir. Selain itu, kita juga boleh memberi persekitaran yang kaya dengan unsur pendidikan. Tujuannya ialah agar sensorimotor itu dapat memberi rangsangan kepada minda kanak-kanak itu terhadap situasi yang berunsur pendidikan.

Peringkat kedua ialah peringkat preoperational (2 - 7 tahun). Pada peringkat ini, kanak-kanak sudah boleh mentaakul (reasoning) secara intuitif daripada deduktif. Pada peringkat ini juga, kanak-kanak sudah boleh menamakan objek-objek tapi bukan kelasnya. Dengan kata lain, kanak-kanak sudah boleh menamakan objek-objek tapi bukan kelas bagi objek tersebut. Di peringkat ini, kanak-kanak sudah mula menerima pendidikan bahasa secara formal (terutama kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke atas). Apabila kanak-kanak ini bersekolah, para pendidik seharusnya menyedari tahap kemampuan kanak-kanak tersebut. Pada peringkat ini kanak-kanak sudah boleh menamakan objek-objek tapi bukan kelasnya. Oleh itu, adalah tidak wajar jika guru mengajar tentang kelas sesuatu objek pada kanak-kanak di peringkat ini. Oleh itu, seorang guru seharusnya mengajar dengan menggunakan objek-objek kerana pengajaran dengan menggunakan objek adalah lebih berkesan di peringkat ini. Misalnya, seseorang guru boleh menggunakan barang-barang permainan sebagai objek supaya kanak-kanak secara cepat boleh menamakan atau mengenali nama sesuatu objek itu. Jelas pengetahuan tentang peringkat preoperational ini membawa kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

Peringkat ketiga ialah peringkat concrete operational (7 - 11 tahun). Pada peringkat ini, kanak-kanak sudah boleh memberi rangsangan (respond) terhadap objek, kelas dan hubungan-hubungan tapi bukan kepada proposisi ver-

bal dan mereka belum dapat merumuskan konsep-konsep secara verbal. Dengan kata lain, kanak-kanak di peringkat ini belum lagi dapat mengenali atau membuat rumus bagi benda-benda yang abstrak seperti hantu, cinta dan lain-lain. Dengan mengetahui keupayaan kanak-kanak di peringkat ini, guru bolehlah menyediakan input pengajaran yang lebih berkesan. Guru seharusnya menyedari bahawa di peringkat ini kanak-kanak sudah boleh berfikir secara logik tetapi ada juga yang masih bergantung pada hal-hal yang konkrit (terutama kanak-kanak yang berumur 7 - 8 tahun). Dengan mengetahui hal ini, guru bolehlah menggunakan kaedah-kaedah tertentu dalam pengajaran bahasa. Misalnya, guru boleh menggunakan kaedah lawatan sambil belajar. Setelah mengadakan lawatan, kanak-kanak bolehlah disuruh menulis karangan mengenai aktiviti yang telah mereka tempuhi sepanjang waktu lawatan. Dengan cara ini, guru telah mengajar kanak-kanak selaras dengan kematangan kanak-kanak itu. Penghuraian ini juga dapat membuktikan bahawa memang terdapat kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

Peringkat akhir ialah peringkat formal operation (11 - 15 tahun). Pada peringkat ini, kanak-kanak sudah boleh mendefinisikan konsep-konsep dan boleh mentaakul (reasoning) secara logik, sistematis dan simbolik. Dengan kata lain, di peringkat ini, kanak-kanak sudah boleh didedahkan pada konsep-konsep yang abstrak seperti hantu, cinta dan sebagainya. Oleh itu, guru bolehlah mendedahkan atau mengajar kanak-kanak mengenai konsep-konsep yang abstrak. Misalnya, di peringkat ini, guru sudah boleh memberikan tajuk karangan yang bersifat abstrak atau berbentuk penilaian.

Berdasarkan penghuraian di atas, empat peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak itu memang ada kepentingannya atau faedahnya kepada pengajaran atau pendidikan bahasa kanak-kanak. Ideanya ialah apabila kita mengetahui peringkat-peringkat perkembangan itu, kita akan menyedari keselarasan peringkat umur kanak-kanak dengan kematangan pemikirannya. Dengan kata lain, pengetahuan mengenai teori ini boleh digunakan dalam menentukan proses peng-

ajaran bahasa kanak-kanak secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, pengajaran bahasa itu boleh didasarkan kepada kemampuan kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka. Oleh kerana Teori Perkembangan Kognitif termasuk dalam bidang psikolinguistik, bolehlah dikatakan bahawa psikolinguistik itu mempunyai kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

2.4 DARI ASPEK-ASPEK LAIN

Kepentingan psikolin-

bahasa, maka guru berkenaan bolehlah merancang input pengajaran atau sukatan pelajaran yang bersesuaian dengan keupayaan kanak-kanak mengikut peringkatnya. Hakikatnya, pengajaran bahasa yang disampaikan oleh guru yang mendalami ilmu psikolinguistik adalah lebih baik daripada guru yang tidak mendalami ilmu tersebut.

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan tadi, psikolinguistik itu mengkaji bagaimana cara-cara kanak-kanak mempelajari

mengetahui prinsip-prinsip dalam bidang psikolinguistik, seorang guru akan dapat mendidik pelajar dengan cara yang betul dan berbaloi. Secara tidak langsung, hal ini akan dapat memberi kepentingan dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

Dalam bidang psikolinguistik, kita juga diperkenalkan atau didedahkan dengan dua aliran atau fahaman yang sangat mempengaruhi bidang psikologi dan linguistik, iaitu aliran behaviourisme dan

BERDASARKAN penghuraian di atas, empat peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak itu memang ada kepentingannya atau faedahnya kepada pengajaran atau pendidikan bahasa kanak-kanak. Ideanya ialah apabila kita mengetahui peringkat-peringkat perkembangan itu, kita akan menyedari keselarasan peringkat umur kanak-kanak dengan kematangan pemikirannya.

guistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak itu dapat juga dilihat dari segi bidang yang terpenting dalam psikolinguistik. Seperti yang dikeskakan, kajian mengenai cara-cara kanak-kanak menguasai bahasanya telah menjadi antara bidang dan minat yang terpenting dalam psikolinguistik. Hal ini juga ada disentuh dalam Kamus Tata Bahasa Bahasa Melayu (1997:86), iaitu "antara bidang yang terpenting dalam disiplin ini tentang cara-cara kanak-kanak menguasai bahasanya." Bidang ini juga meliputi aspek-aspek seperti bagaimana seseorang kanak-kanak itu menubuhkan keupayaannya bertanya sesuatu dengan menggunakan ayat-ayat ataupun cara kanak-kanak itu sebenarnya mempelajari sistem bahasanya dengan kadar pencapaian yang tertentu dan sebagainya. Berdasarkan hal ini, memang terdapat kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak kerana bidang ini mengkaji bagaimana seseorang kanak-kanak mempelajari atau menguasai bahasanya. Ini bermakna jika seseorang itu dapat menguasai bidang psikolinguistik, bererti orang itu akan mengetahui bagaimana kanak-kanak mempelajari atau menguasai bahasa. Dengan itu, pengetahuan dalam bidang psikolinguistik dapatlah diaplikasikan bagi tujuan keberkesanan pendidikan bahasa kanak-kanak. Dengan kata lain, jika guru itu mengetahui cara-cara kanak-kanak menguasai

bahasa. Untuk mengkaji hal tersebut, seseorang itu haruslah menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu. Jadi setiap pendekatan itu harus mencerminkan satu pandangan tentang hakikat bahasa, iaitu apakah sebenarnya bahasa itu, bagaimana bahasa itu diperoleh, diproduksi dan difahami dan di mana bahasa itu disimpan. Dengan kata lain, setiap pendekatan harus mencerminkan satu teori bahasa dan teori bahasa itu haruslah selaras dengan teori pengajaran dan pembelajaran bahasa. Psikolinguistik merupakan satu ilmu yang telah berjaya memperkembangkan teori bahasa dengan pengetahuan tentang teori-teori tersebut, guru akan mengetahui bahawa teori-teori perolehan, pengajaran, dan pembelajaran bahasa merupakan satu keselarasan yang tidak boleh dipisahkan. Dengan kata lain, satu teori pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak boleh bercanggah dengan teori perolehan bahasa. Misalnya, seorang guru bahasa yang pengajarannya didasarkan pada teori kognitif tidak digalakkan untuk menganut satu teori perolehan bahasa yang didasarkan pada teori 'Stimulus-Response'. Ini adalah kerana kedua-dua teori ini bercanggah. Jika seorang guru menggunakan teori-teori yang bercanggah, dia tidak akan berjaya dalam pengajarannya dan ini akan mendatangkan kerugian pada pelajar serta masyarakat. Oleh yang demikian, dengan

mentalisme. Aliran behaviourisme cenderung menganggap bahawa manusia itu sama seperti binatang. Golongan ini melakukan percubaan terhadap binatang bagi melihat tingkah laku manusia. Sedangkan golongan mentalisme menganggap bahawa manusia itu tidak sama seperti binatang, iaitu perbezaannya terletak pada mental. Dalam psikolinguistik, tumpuan lebih diberikan pada golongan mentalisme kerana manusia itu sememangnya berbeza dari haiwan. Berdasarkan pengetahuan ini, guru tidak seharusnya mengajar bahasa pada kanak-kanak dengan hanya menggunakan cara melatih-tubi kanak-kanak tanpa pemahaman yang sempurna untuk mencapai satu tabiat tertentu. Jika demikian, sudah tentu situasi ini sama seperti seorang pakar sarkas melatih tubi seekor binatang untuk melakukan aksi-aksi tertentu. Hal ini dapatlah dianalogikan bahawa kanak-kanak itu berbahasa seperti binatang itu tanpa kreativiti. Ini adalah kerana kanak-kanak itu telah dilatih tanpa memanfaatkan otaknya. Oleh itu, guru seharusnya menitikberatkan soal kefahaman kanak-kanak tentang apa yang telah diajar. Hakikatnya, latihan-tubi dan akal budi boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak. Ini bermakna guru boleh mengajar bahasa dengan menggunakan latihan-tubi tetapi guru seharusnya juga memastikan kanak-kanak itu memahami apa yang telah diajar.

Dengan kata lain, kanak-kanak boleh dilatih dengan memanfaatkan otaknya dan ini akan memberikan kefahaman yang hakiki pada diri kanak-kanak tersebut. Ini jelas membuktikan bahawa bidang psikolinguistik itu amat penting dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Sebagai contoh, jika seorang guru tidak mengetahui bahawa fahaman mentalisme itu lebih difokuskan sebagai teori pengajaran bahasa, sudah tentu guru tersebut tidak akan dapat mengajar dengan baik dan berkesan kerana menyamakan kanak-kanak seperti binatang.

Ilmu psikolinguistik juga mengkaji tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak, iaitu pemerolehan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Jika seorang guru mengetahui bagaimana pemerolehan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik itu terjadi pada kanak-kanak, sudah tentu guru tersebut akan dapat mengajar bahasa dengan baik. Selain itu, masalah-masalah yang berhubung kait dengan pengajaran bahasa juga akan dapat diatasi dengan mudah oleh guru. Contohnya, jika terdapat masalah pengajaran pembacaan permulaan, masalah itu dengan mudah akan dapat diatasi oleh guru. Ini kerana guru mengetahui bagaimana proses pemerolehan fonologi itu terjadi pada kanak-kanak. Dengan kata lain, pemahaman tentang pemerolehan fonologi itu boleh diaplikasikan untuk mengajar bacaan atau pelajaran ejaan dan untuk memperbetulkan sebutan. Jelas di sini bahawa pengetahuan mengenai psikolinguistik itu memang penting dan mendatangkan manfaat dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak.

3.0 KESIMPULAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak kepentingan psikolinguistik dalam bidang pendidikan bahasa kanak-kanak. Hakikatnya, linguistik mengkaji bahasa dan psikologi mengkaji cara berbahasa. Manakala bidang pendidikan bahasa ada hubung kaitnya dengan bahasa dan berbahasa. Jadi jelas di sini bahawa psikolinguistik itu juga penting untuk diketahui bagi memudahkan pendidikan bahasa kanak-kanak. Dengan mengetahui bahasa dan hakikat pemerolehan bahasa, sudah tentu pengajaran bahasa akan lebih berkesan lagi dan secara tidak langsung dapat memberi kepentingan dalam bidang

pendidikan bahasa kanak-kanak. Selain itu, bidang psikolinguistik juga memang penting untuk diketahui dan difahami oleh guru bahasa. Tanpa pemahaman dalam bidang ini, guru tidak akan boleh mengajar para pelajar dengan baik dan berkesan. Tetapi guru mesti juga menguasai bidang-bidang linguistik yang lain seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, linguistik dan pengajaran bahasa dan lain-lain. Di samping itu, guru juga mesti menguasai bidang yang di luar linguistik, iaitu pedagogi.

RUJUKAN:

- Adrian Akmajian et al. 1995. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*.
- Terjemahan Aishah Mahdi dan Azizah Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. 1983. *Permulaan Ilmu Linguistik: Satu Pengenalan Konsep dan Bidang Kajian Secara Teoritis*. Selangor: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. 1990. *Psikolinguistik: Bahasa, Akal Budi dan Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frank Parker. 1994. *Linguistik Untuk Bukan Ahli Linguistik*. Terjemahan Raja Rahawani Raja Mamat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik*. Moden. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1988. *Teori Linguistik Chomsky dan Teori Neurolinguistik Wernicke: Ke arah Satu Teori Bahasa yang lebih sempurna*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- _____. 1982. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Marzuki Nyak Abdullah. 1997. *Kamus Tata Bahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Paul Chauchard. 1983. *Bahasa dan Pikiran*. Terjemahan A. Widyamar-taya. Yogyakarta: Penerbit Yayasan Kanisius.

MAKA daripada perkataan 'syahid', 'disokong' dan 'dimenangkan' dapatlah difahamkan bahawa Sultan Shah Brunei ini lindung disebabkan sesuatu kejadian yang berlaku. Bagaimanapun, kejadian berkenaan tidak disebutkan atau dinyatakan dalam mana-mana versi Salasilah Raja-Raja Brunei.

Setelah Sultan Shah Brunei lindung, diganti oleh adinda baginda, Pengiran Muda Tengah Muhammad Hasan dengan nama Sultan Muhammad Hasan yang memerintah TM 1582 - 1598. Semasa memerintah Sultan Muhammad Hasan ini termasyhur dengan kegagahan dan kecekapan mentadbir. Baginda telah memenuhi semua gelarannya pembesar-pembesar negara dan menentukan kewajipan masing-masing supaya mereka yang dilantik dapat mengambil sesuatu keputusan terhadap sesuatu masalah yang dihadapi tanpa bertanggug-tanggung, tetapi disyaratkan kepada mereka bahawa keputusan yang dibuat itu berdasarkan kepada hukum dan keadilan.

Sultan Muhammad Hasan ini mempunyai tiga orang putera yang gahara. Yang tertua bernama Pengiran Muda Besar Abdul Jalilul Akbar³ (diputerakan sebelum Sultan Muhammad Hasan menaiki takhta). Putera baginda yang kedua ialah Pengiran Muda Tengah Ibrahim Ali Omar Shah⁴ (diputerakan sesudah Sultan Muhammad Hasan menaiki takhta). Sementara yang ketiga ialah Pengiran Muda Bongsu Haji Muhammad Ali.⁵

Sultan Muhammad Hasan lindung pada TM 1598⁶ diganti oleh putera baginda, Pengiran Muda Besar Abdul Jalilul Akbar. Setelah Sultan Abdul Jalilul Akbar menaiki takhta, sedangkan Sultan Abdul Jalilul Akbar diputerakan semasa Sultan Muhammad Hasan masih menjadi Pengiran Muda Muhammad Hasan. Adinda baginda Pengiran Muda Tengah telah berhasrat juga hendak menaiki takhta dengan alasan dia adalah putera Sultan sewaktu Sultan Muhammad Hasan sudah menaiki takhta, sedangkan Sultan Abdul Jalilul Akbar diputerakan semasa Sultan Muhammad Hasan masih menjadi Pengiran Muda Muhammad Hasan. Masalah ini telah diselesaikan oleh Sultan Abdul Jalilul Akbar dengan mengaturkan Pengiran Muda Tengah menjadi Sultan di Sarawak dan menamakan diri baginda sebagai Sultan Ibrahim Ali Omar Shah.

Sultan Abdul Jalilul Akbar pada mulanya berkahwin dengan Pengiran-Pengiran di Brunei diputerakan Pengiran Muda Besar Abdullah @ Abdul Kahar¹. Apabila Raja Isteri telah lindung maka baginda berkahwin lagi dengan Radin Mas Ungku Siti Kaisah, puteri Pengiran Temenggong Mancho Negro² (Temenggong Gerisik, Jawa) berputerakan Pengiran Muda Besar Sulong Abdul Jalilul Jabbar dan Pengiran Muda Bongsu Muhyiddin. Sebelum Sultan Abdul Jalilul Akbar lindung

Sejarah Sultan-Sultan Brunei menaiki takhta

**BUKU INI DITULIS OLEH
YANG DIMULIAKAN PEHIN JAWATAN
DALAM SERI MAHARAJA
DATO SERI UTAMA DR. HAJI AWANG
MOHD. JAMIL AL-SUFRI**

baginda telah memanggil Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Manteri-Manteri untuk menyatakan hasrat baginda hendak menyerahkan Kerajaan kepada putera baginda, Pengiran Muda Besar Sulong Abdul Jalilul Jabbar. Maksud baginda itu dijunjung dengan persetujuan. Di samping itu sempat juga baginda berwasiat kepada Pengiran Muda Besar Sulong Abdul Jalilul Jabbar yang akan menjadi Sultan itu supaya anakanda baginda itu memerintah dengan adil dan sesuatu perkara yang akan dijalankan hendaklah dimesyuaratkan dengan pembesar negara. Titah ini bersesuaian dengan yang dimaksudkan oleh Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 159, tafsirnya: "Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila keputusan muktamad telah didapati maka bertawakallah kepada Allah."¹ Maka titah yang diamanatkan oleh Sultan Abdul Jalilul Akbar inilah yang dijadikan amalan oleh Sultan Brunei.

Apabila Sultan Abdul Jalilul Akbar lindung lebih kurang pada TM 1659², maka takhta Kerajaan pun diserahkan kepada Pengiran Muda Besar Sulong Abdul Jalilul Jabbar³ dan menamakan diri baginda Sultan

Abdul Jalilul Jabbar³. Manakala Pengiran Muda Besar Abdullah @ Abdul Kahar telah membawa diri ke Labuan. Selepas Sultan Abdul Jalilul Jabbar menaiki takhta, Pengiran Maharaja Lela telah menghadapkan teguran bahawa mengikut Adat Istiadat Diraja Brunei, Pengiran Muda Besar Abdullah @ Abdul Kahar patut menjadi Sultan kerana beliau putera tertua lagi gahara, tetapi perkara itu telah dapat diselesaikan dengan cara pembesar-pembesar negara bermuafakat mengikut cara Brunei kerana adat istiadat tertakluk kepada keputusan permuafakatan.

Bagaimanapun perangkatan Pengiran Muda Besar Abdullah ke Labuan itu menjadi per-

soalan kepada Sultan Abdul Jalilul Jabbar kerana dikhuatirkan sesuatu perancangan akan dilakukannya. Kemudian tidak lama guntungnya Pengiran Muda Besar Abdullah dikatakan mangkat di Labuan, dibunuh oleh orang yang tidak diketahui. Maka selepas itu keluarga yang bersamanya dijunjung berangkat semula ke Brunei. Menurut sejarah lisan, setelah berlaku pembunuhan itu, putera Pengiran Muda Besar Abdullah yang tua bernama Pengiran Anak Jamaluddin telah melarikan diri ke Melabau kerana takut dibunuh juga. Semasa di Melabau dia telah membuang nama Pengirannya, ditukar menjadi Paduka Abdul Jamaluddin⁴. Penggunaan 'Paduka'⁵ di pangkal nama mereka pernah digunakan oleh anak cucunya.

Diriwayatkan bahawa orang yang membunuh Pengiran Muda Besar Abdullah itu ialah seorang pengawal istana bernama Junggal bin Minu bin

Tahat (berasal dari Bugis) yang dititahkan oleh Sultan Abdul Jalilul Jabbar. Pemilihan terhadap Junggal ini kerana dia pernah seperguruan dengan Pengiran Muda Besar Abdullah dan dipercayai berkebolehan untuk menewaskannya.¹

Memandang kepada Pengiran Muda Besar Abdullah itu seorang yang gagah perkasa, Junggal berasa khuatir juga hendak melakukan pembunuhan itu dengan menggunakan senjata. Akhirnya pembunuhan itu telah dilakukannya dengan menggunakan racun. Setelah melakukan pembunuhan itu, Junggal merasa kurang senang, dan timbul penyesalan yang tidak putus-putus, disebabkan Pengiran Muda Besar Abdullah itu tidak berdosa kepadanya. Bila dia teringat bahawa Pengiran Muda Besar Abdullah itu kawan seperguruan dengannya, maka semakin bertambah lagi perasaannya yang menyesal itu. Akhirnya Junggal tidak dapat mena-



han perasaannya yang didorong oleh penyesalan yang sangat kuat itu dan dia pun mengambil keputusan untuk membunuh Sultan Abdul Jalilul Jabbar secara rahsia yang tidak diketahui oleh orang dengan menggunakan parang.² Setelah selesai melakukan pembunuhan itu dia pun melarikan diri ke Labuan untuk bersembunyi dan rahsia ini terus disimpan,³ hanya diketahui oleh anak cucunya.

Sultan Abdul Jalilul Jabbar lindung dijangkakan pada TM 1660, diganti oleh Pengiran Muda Bongsu Haji Muhammad Ali ibnu Sultan Muhammad Hasan, kerana putera baginda Pengiran Muda Besar Muhammad Shamsuddin masih kecil lagi. Semasa Sultan Haji Muhammad Ali ini memerintah, kuasa baginda telah direbut oleh ipar baginda Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin (yang berkahwin dengan Pengiran Anak Puteri Noralam binti Sultan Muhammad Hasan dan bondanya Raja Dunggu binti Sultan Saiful Rijal) ibnu Pengiran Bendahara Pengiran Muham-

mad kerana baginda tidak membenarkan Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin sendiri membunuh putera baginda, Pengiran Muda Bongsu.¹

Sebab pun Sultan Haji Muhammad Ali tidak membenarkan permintaan Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin hendak membunuh sendiri Pengiran Muda Bongsu yang membunuh anaknya itu kerana kuasa menghukum dan melakukan hukum itu adalah kuasa Sultan. Oleh kerana maksudnya itu tidak diperkenankan oleh Sultan Haji Muhammad Ali, maka Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin pun mengamuk ke dalam istana membunuh sesiapa saja yang terjumpa. Perbuatan yang sedemikian itu difikirkan oleh Sultan Haji Muhammad Ali tidak patut, maka baginda pun minta bunuh kepada Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin.²

Setelah Sultan Haji Muhammad Ali lindung pada hari Isnin waktu Asar, 14 Rabiulawal 1072³ (7 November 1661) Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin pun terus menaiki takhta menjadi Sultan Abdul Hakkul Mubin.⁴ Tidak berapa lama selepas itu baginda telah mengurniakan gelaran Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura kepada Pengiran Muda Bongsu Muhyiddin ibnu Sultan Abdul Jalilul Akbar yang menjadi menantu⁵ kepada Sultan Muhammad Ali.

Bersambung

SULTAN Muhammad Hasan ini mempunyai tiga orang putera yang gahara. Yang tertua bernama Pengiran Muda Besar Abdul Jalilul Akbar (diputerakan sebelum Sultan Muhammad Hasan menaiki takhta). Putera baginda yang kedua ialah Pengiran Muda Tengah Ibrahim Ali Omar Shah (diputerakan sesudah Sultan Muhammad Hasan menaiki takhta).

1. Antaranya dengan mengadakan gelaran 'Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal' dan 'Pengiran Pemancha Sahibul Rae' 'Wal-Mashuarat' sebagai tambahan kepada dua gelaran Wazir yang sedia ada pada masa itu, iaitu 'Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura' dan 'Pengiran Temenggong Sahibul Bahar' [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h.14].
2. Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 14 - 17, 24 - 25 dan 28 - 29.
3. Menjadi Sultan Brunei ke-10 bergelar Sultan Abdul Jalilul Akbar (1598 - 1659). Terkenal dengan sebutan 'Marhum Tua' [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h.56].
4. Menjadi Sultan Sarawak (yang pertama dan terakhir) bergelar Sultan Ibrahim Ali Omar Shah (lihat Pehin Jawatan Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri, Tarsilah Brunei : Zaman Kegemilangan ..., h. 123).
5. Menjadi Sultan Brunei ke-12 bergelar Sultan Haji Muhammad Ali (1660-1661). Terkenal dengan sebutan 'Marhum Tumbang Di Rumpot' [lihat Sweeney P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei' h.57].
6. Disesuaikan dengan usia Sultan Tengah yang diputerakan semasa Sultan Muhammad Hasan sudah menaiki takhta dan tarikh Radin Sulaiman (putera Sultan Tengah) diputerakan, iaitu pada hari Rabu, 10 Syawal 1009 (14 April 1601).
1. Menurut batu bersurat yang didapati Perkuburan Islam Kampong Serusop.
2. Bin Pengiran Temenggong Mancho Tando bin Sunan Dalam Ali Zainal Abidin Wira Kesumo Dero bin Muhammad Ainul Yaqin Sahibul Qairi (Sunan Giri) bin Maulana Abu Ishak bin Ibrahim Zainal Al-Akbar bin Jamaluddin Husin Al-Kubra bin Al-Amir Ahmad Syekh Jalaluddin bin Sayid Abdullah Adzamathukhan bin Sayid Abdul Malek bin Sayid Alwi Ammal Faqeh bin Sayid Muhammad Shahib Mirbat bin Sayid Ali Khali' Qasam bin Sayid Alwi bin Sayid Muhammad bin Sayid Alwi bin Sayid Ubaidillah bin Sayid Ahmad Al-Muhajir bin Sayid Isa Al-Rumi bin Sayid Muhammad Al-Naqib bin Sayid Ali Al-Aridhi bin Sayid Ja'afar As-Siddek bin Sayid Muhammad Al-Bakir bin Sayid Ali Zainal Abidin bin Sayidina Husin bin Sayidina Ali (yang berkahwin dengan Sayidatuna Fatimah binti Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam).
1. Al-Quran dan Terjemahannya, h. 103.
2. Menurut Tarsilah Sambas pada TM 1658 Sultan Muhammad Tajuddin Sambas pernah ke Brunei mengadap baginda dan tarikh Sultan Abdul Jalilul Akbar lindung disesuaikan dengan tarikh Sultan Muhammad Tajuddin (Sambas) menaiki takhta pada TH 1079 (1668) iaitu 10 tahun sebelum Sultan Muhammad Tajuddin (Sambas) menaiki takhta.
3. Sultan Brunei ke-11 (1659 - 1660) dan terkenal dengan sebutan 'Marhum Tengah' [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 56; dan Sultan-Sultan Brunei, h. 31].
4. Kisah ini didapati daripada anak cucu Pengiran Muda Besar Abdullah bernama Awang Haji Abdul Wahab bin Awang Abu Bakar bin Awang Gumbur @ Abdul Ghafur bin Awang Jumat bin Awang Garip bin Awang Tuah bin Paduka Abdul Jamaluddin (yang menamakan dirinya Al-Sultan) bin Pengiran Muda Besar Abdullah @ Abdul Kahar ibnu Sultan Abdul Jalilul Akbar ibnu Sultan Muhammad pada 9 April 2001 di Hotel Sheraton Labuan.
5. Lihat Lampiran F, G, H & I.
1. Wawancara penulis bersama anak cucu Junggal bin Minu bin Tahat, iaitu Awang Haji Ismail bin Haji Bakri pada 9 April 2001 di sebuah restoran, Labuan.
2. Parang ini masih disimpan oleh anak cucu Junggal bin Minu bin Tahat, iaitu Kunal bin Taha yang juga telah menceritakan perkara ini kepada penulis dalam satu sesi wawancara bersama beliau pada 9 April 2001. Lihat Lampiran J.
3. Apabila disediliki perkara ini kepada anak cucu Junggal bin Minu bin Tahat, iaitu Haji Ismail bin Haji Bakri, akhirnya rahsia ini dibukakan juga semasa wawancara penulis bersama beliau pada 9 April 2001 di sebuah restoran, Labuan.
1. Diriwayatkan dalam Salasilah Raja-Raja Brunei, Pengiran Muda Bongsu ibnu Sultan Haji Muhammad Ali ini telah membunuh anak Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Hakkul Mubin [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei' h. 57].
2. Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 58.
3. Catatan ini diperolehi dalam penulisan sejarah yang disimpan (dipunyai) oleh Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh (salinannya tersimpan di Pusat Sejarah) dan inskripsi di batu nisan Makam Sultan Haji Muhammad Ali.
4. Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 59 Sultan Abdul Hakkul Mubin ini adalah Sultan Brunei ke-13 (1661-1673). Baginda juga terkenal dengan sebutan 'Marhum Di Pulau' (lihat Sultan-Sultan Brunei, h. 3).
5. Kerana puteri baginda Pengiran Anak Puteri Sari binti Sultan Muhammad Ali telah berkahwin dengan Pengiran Bendahara Pengiran Muda Bongsu Muhyiddin ibnu Sultan Abdul Jalilul Akbar berputerakan Pengiran Muda Besar Shah Mubin (termasyhur dengan sebutan Pengiran Di-Gadong Shah Mubin) yang berkahwin dengan Pengiran Anak Besar binti Pengiran Muda Besar Abdullah ibnu Sultan Abdul Jalilul Akbar beranakkan Pengiran Muda Besar Chuchu Muhammad Alauddin dan akhirnya menjadi Sultan Muhammad Alauddin.

KEADAAN menjadi sesak dan bising. Suasana riuh-rendah jelas kedengaran. Kelihatan para pelajar memenuhi ruang kantin. Setiap seorang nak kan cepat maklumlah jam rehat sekejap saja. Seperti biasa aku, Reen dan Dilla akan menjadi pengunjung tetap kantin sekolah. Walaupun keadaan semakin sesak. Namun kami dengan sabar menunggu giliran. Kami bersandar seketika di tiang kantin untuk membiarkan pelajar-pelajar yang lain makan dulu. Kami bergerak ke kaunter bila suasana lengang sedikit. Mataku kualihkan ke tempat lain sambil melihat ke sana ke mari. Tiba-tiba.....

"Wowww.... handsomeya!" Hatiku menjerit nakal bila terpancang seorang pelajar lelaki. Kutenung dia lama sekali. Kulihat dia turut merenungku dalam waktu begitu singkat itu. Lantas kualihkan pandangan mataku ke tempat lain kerana tidak tahan dengan renungan yang berbisik itu.

"Eh!! Reen, Dilla, tadi aku tersempak dengan lelaki handsome." Laporku kepada kedua-dua orang kawan karibku sebaik saja mendapati mereka.

"Student kelas mana?" Dilla menyampuk cakapku. Kuangkat bahu sambil menggeleng kepala.

"Aku dengar ada pelajar baru di kelas Joe?" Tiba-tiba kedengaran suara Dilla bertanya kepada Reen. Aku yang duduk di sebelah Dilla memandang ke arah Reen dengan penuh kehairanan. Perkembangan baru mengenai sekolahnya itu amat memanjatkannya.

"Aaaa.... Fakhru Izwan namanya. Handsome tau." Jawab Reen. Aku hanya diam sahaja. "Entah-entah pelajar lelaki tadi?" Soalku dalam hati. Mataku melirik-lirik ke sana ke mari

sambil memerhatikan pelajar lain lalu-lalang. Tiba-tiba.....

"Itu pun dia...." Kataku sambil memuncungkan mulutku ke arahnya. Reen dan Dilla serentak menoleh ke belakang.

"Ehh.... Itulah Fakhru Izwan... Macam mana boleh tahan kan... Macho pula tu." Reen berkata sambil tersenyum.

"Iyalah... kalaulah dapat alangkah bahagiannya hidupku ini." Kata Dilla sambil mengenyitkan matanya kepadaku. Aku ketawa sambil menggeleng-gelengkan kepala.

Kami makan dengan penuh selera sekali. Kemesraan yang telah lama terjalin membuatkan kami seperti adik-beradik. Reen dan Dilla yang pandai bercerita membuatkan suasana bertambah meriah walaupun hanya kami bertiga sahaja yang berkumpul di meja kantin. Kami duduk di kantin hinggalah locong berbunyi. Kami pun cepat-cepat beredar dari kantin sambil matakui masih terus mencuri pandang ke arahnya. Tiba-tiba mata kami bertentangan, mungkin menyedari dia diperhatikan sedari tadi. Aku tersenyum sendiri dan mengalihkan matakui ke arah lain. Rasa malu hadir dalam diriku.

Hari ini kami belajar tiga mata pelajaran sahaja. Guru yang lain tidak masuk ke kelas. Barangkali mereka sibuk. Suasana kelas menjadi riuh-rendah diselangi dengan derai tawa dan gurau senda. Ada-ada saja cerita yang nak didengar. Sebaliknya pula aku lebih suka termenung di tempat duduk yang berdekatan dengan tingkap. Tiba-tiba wajah Fakhru Izwan muncul dalam kotak fikiranku. Fakhru Izwan bukan sebarang pelajar di sekolahnya. Sebut saja namanya, semua orang tahu. Pemuda kakak dan tinggi lampai. Fakhru juga ramai peminat. Ramai pelajar wanita tergila-gilakannya. Dia begitu murah dengan senyuman.

Setiap hari di sekolah pasti wajahnya yang aku cari. Sehari tak melihatnya hati terasa kosong tak bermakna. Namun begitu kami hanya berpandangan saja bila bersua. Setiap kali bertembung hanya mata yang berperanan. Aku tidak mengetahui apakah perasaannya kepadaku. Aku terkenangkan wajahnya yang manis dan tutur katanya yang lembut. Paling aku tidak dapat melupai di mana tempat kami bertemu buat kali kedua.

Ketika itu aku sedang berada di perpustakaan kerana mahu meminjam buku rujukan. Selepas memperolehi bahan yang dicari aku bergerak naik ke tingkat dua. Tiba-tiba aku terlanggar badan seseorang. Entah di mana kesilapan, aku sendiri tidak pasti. Habis kertas dan buku dari orang tadi berselerakan di atas lantai perpustakaan. Aku panik. Mujurlah orang yang dilanggar tadi tidak marah. Kalau tak.... Aku tidak tahu nak buat macam mana.

"Maa... Maafkan saya. Saya betul-betul tak sengaja." Ucapku tergagap-gagap sambil membantu mengambil kertas dan buku yang berselerak tadi. Aku

mengangkat muka sambil memandang pemuda tadi. "Ahh! Dia rupanya." Bisikku dalam hati. Kulihat dia tersenyum melihatku. Beberapa orang pelajar yang berada di dalam perpustakaan kelihatan memerhatikan mereka. Timbul pula rasa malu bila diri ini jadi perhatian.

"Tak mengapa, mungkin saya yang cuai kerana tidak nampak saudara tadi." Kata pemuda tadi sambil mengepit buku dan kertasnya.

"Saudara sayalah yang bersalah kerana melanggar saudara tadi." Rasa bersalah pula dalam hati. Seolah-olah dia pula yang melanggar

aku tadi. Pada hal semua tu adalah berpunca dari kesilapananku.

"Anyway.... Nama saya Fakhru Izwan. Panggil saja Fakhru. Saudari?" Kata Fakhru sambil menghulurkan tangannya sebagai tanda perkenalan.

"Saya Ayu Fatin Nadirah. Panggil Fatin saja." Balasku sambil menyambut tangannya.

"Okeylah! Saya pergi dulu... Assalamualaikum." Fakhru segera meminta diri dan terus meninggalkan aku sendirian. "Wa'alaikum-salam" bisikku dalam hati. Bagaikan bulan jatuh ke riba, Fatin benar-benar gembira apabila tersedar

yang dia baru sahaja berhadapan dengan pemuda yang menjadi igauannya siang dan malam. Tidak salah lagi, memang dialah jejak idaman yang menjadi pujaan hatiku selama ini. Tuhan bagaikan merestui hasrat dan impianku dan akhirnya di dalam keadaan yang tak terduga, kami telah bertemu untuk kali kedua setelah pertemuan yang pertama di kantin sekolah dulu.

"Hoiii... Teringatkan buah hati kah?" Teguran Reen benar-benar memeranjatkan Fatin. Dia mengurut dada menghilangkan rasa terkejutnya.

"Apa ni nak bunuh orang kah? Kalaulah aku ada sakit

jantung, dah lama KO." Marahku. Budak berdua ni tersengih-sengih melihatku. Kurang hasam punya kawan. Nanti kau orang.


"Yang kau mengelaman dan senyum seorang diri tu apa. Dah buang tabiat." Bebel Dilla pula.

"Ehh! Mana ada? Aku bukan termenung tapi berfikir." Kataku dengan tenang.

"Alaa.... Macamlah kita orang tak tahu. Aku perhatikan sejak kebelakangan ini kau asyik termenung saja. Ada apa-apa kah?" Tanya Dilla lagi. Kali ini aku tak mampu untuk mengelak lagi. Bukan mudah untukku berahsia dari mereka berdua. Ada-ada saja yang nak ditanyanya. Mesti nak dikoreknya. Kalau tak dilayan alamat berjelajalah soalan-soalan yang ditujukan kepadaku.

"Aku rasa, Fakhru tu ada hati pada kaulah Fatin. Aku lihat dari renungan matanya pada kau setiap kali bertemu dengannya, nampak berlainan tak sama dengan tenungan orang lain." Kata Reen padaku setelah kuceritakan semuanya kepada mereka berdua.

Semarak Kasih



GERAK

OLEH PUTERI NATASEA

"Kau ni pandai-pandai saja menafsir orang." Kataku sambil menggeleng kepala.

"Haahh.... Aku pun rasa macam tu juga." Sampuk Dilla. Aku terdiam. Kalaulah betul apa yang mereka kata ini. Alangkah bertuahnyaku dapat teman lelaki yang handsome. Macho pula tu. Kataku dalam hati.

"Kau buat baiklah dengan dia tu," cadang Reen. Terbeliak matakui menderang katanya tadi.

"Kau gilakah? Siapa nak layan wanita tak cantik macam aku ini.... Dahlah hodoh.... Tak cun pula tu!" Balasku berseloroh sambil menggeleng-geleng kepala.

"Alah.... Belum cuba belum tahu!" Cabar Dilla lagi sambil menyenggung tanganku.

"Seksanya bila gila bayang ni," kataku dan disambut dengan deraian ketawa dari kedua-dua sahabatku. Merona merah pipiku bila diketawakan begitu.

Reen dan Dilla merupakan penasihat peribadi juga merangkap penyimpan rahsiaku selain mama. Di antara kami memang tidak ada rahsia. Suka dan duka dikongsi bersama. Kami dah seperti adik-beradik. Terlalu sukar nak digambarkan betapa akrabnya perhubungan kami. Kami dah berkawan sejak dari form satu lagi hinggalah ke form lima. Tak pernah bercerai walau sedikit pun. Selalu saja bersama-sama.

Lamunanku terhenti bila Dilla menggawangkannya tangannya di hadapan mukaku.

"Heiii!!!! Fatin.... Kau sedang mengelaman ya...." "Ehhh.... Tak adalah," Balasku menahan malu.

"Alaa.... kita tahulah.... Mengaku sajalah.... Tak kan lari gunung dikejar." Kata Reen sambil tersenyum kepadaku.

"Kita orang bercadang nak ke Pizza Hut minggu ni." Dilla berkata sambil melambatkan langkahnya di sisiku.

"Kau nak ikut tak?" Reen menyampuk.

"Emmm.... Boleh

juga.... Sambil-sambil tu dapat jugak bilangan tension aku ni," jawabku girang.

"Boleh aku ikut?" Tiba-tiba kedengaran suara seseorang. Kami berpaling serentak.

Kelihatan Joe, teman lelaki Reen tersenyum-senyum memandang kami.

"Sorry, no man allowed....," kata kami serentak.

Seperti yang dijanjikan, aku pergi ke Pizza Hut. Reen dan Dilla masih belum kelihatan. Aku menunggu mereka di depan Pizza Hut. Untuk menghilangkan rasa bosan menunggu, aku memerhatikan persekitaranku, melihat gelagat manusia. Dalam memerhatikan pelbagai ragam manusia itu, tiba-tiba aku terpaku, jantungku berdebar kencang, peluh dingin membasahi tubuh. Alamak Fakhru Izwan!!!!

"Apa dia buat dekat sini...." Kataku dalam hati. Dia tidak bersendirian. Ada seorang gadis cantik yang menemaninya. Ahh!!!! mesra betul mereka sampaikan aku di hadapan mereka pun mereka tak nampak. Kucuba amati pasangan yang berada di hadapanku sekali lagi. Hancur luluh hatiku melihat Fakhru begitu mesra sekali berjalan berpimpinan tangan dengan seorang gadis. Perasaanku ketika itu tidak menentu. Hatiku sayu tiba-tiba. Air mataku mengalir laju menuruni pipi. Namun kusekat air mata bila melihat Reen dan Dilla berjalan menuju ke arahku.

"Hiiii!!!! Dah lama tunggu." Sapa Dilla sambil melambai-lambaikan tangannya kepadaku.

"Sorrylah trafik jem tadi. Kau tak marah kan. Ehhh.... Kenapa mata kau, menangis kah?" Sampuk Reen.

"Tak. Aku sakit mata-lah." Jawabku bergurau. Namun di hati hanya Tuhan saja yang tahu betapa sakitnya hati ini. Aku bersyukur

PUISI

PERJALANAN NEKAD

Perjalanan nekad
ialah ...
ke pintu musuh
seperti meniti
di atas api ...
dengan di bawahnya pula
mendidih sebuah kawah.

Ini bukan namanya menyerah
atau saja mencari mara
tetapi langkah ini langkah mulia
dihayun penuh makna
bahawa kita bangsa yang kecil
ingin bicara 'perkara besar'.

Apakah 'perkara besar' itu?
mari dengarkan dari kami :
bahawa tamadun
bahawa kemanusiaan
bahawa perdamaian
adalah bintang-bintang di langit
haram bagimu menginjak sewenang-
wenang.

Kita bangsa yang kecil
modal kita hanyalah :
'bahasa hati' ...
ya, mari tolong dengarkan senandung ini:
merek yang kuat, jadilah bapa
merek yang lemah, jadilah anak
kita sama-sama makan semangkuk.

Kita semua adalah pewaris kemerdekaan
siapa pun jangan ganggu siapa
negara tuan adalah milik tuan
negara mereka adalah milik mereka
negara kami adalah milik kami
dan ... dan ...
sempadan masing-masing pula ialah
kebebasan.

Inilah kebanggaan
inilah kesenangan
jadi kalau begitu ...
wajarkah bagi sesiapa menafikannya?
ya, beradablah dengan adab puvira
bukan dengan adab pengganias.

Jika bertindak
bertindaklah dengan adil
bukan dengan bedil
kerana bedil tidak pernah mengenali
mangsanya
sekali pun ada yang memekik:
"Ini adalah anak-anak kami yang baru
lahir
tolonglah dikecualikan mereka!"

Sebenarnya bukan bedil yang bersalah
tetapi tangan-tangan yang rakus
yang belum lagi bersedia
untuk mengakhiri abad sengsara ini, serta
merek pui masih lagi makan, ya asyik
makan
dari mangkuk-mangkuk bangsa-bangsa
yang lemah.

Inilah peluang mereka
ya peluang ...
dari kelalaian dan kealpaan kita, dan
dari sikap tidur didodoi sejarah
bukannya BELAJAR dari sejarah ...
maka lantaran itu,
padanlah muka dibalun sang angkuh.

Washington D.C. 16.12.2002
Adi Rumi

BANGSA BARU?

Siapa sebenarnya kamu ini
orang zaman apa?
dari perawakan ...
kelihatan tampan
tetapi suka ribut-ribut dan mengarut
juga mengugut ...
sehingga bikin orang lain jadi meluat.

Adakah ini bangsa baru
seperti juga tamadun baru
yang lincah seperti badai ...
yang memburu dan memburu ...
tanpa mengindahkan 'rasa hati'
ya peduli apa! siapa yang mati
matilah!

asal hajat sampai
dan dendam berbaloi.

Inikah budaya bangsa baru?
amboi, sedapnya ...
kuasa, harta, sampai kepada nyawa
semua diperjudikan
ialtu suatu pembangsatan
yang datang dan pergi
tanpa henti-hentinya.

Namun bagi kita, orang beragama
janganlah gentar menghadapinya
tetapi tenang dan senyumlah
dan kiriman juga
senyumanmu itu
ke bibir-bibir yang lain
supaya sama-sama kita
ya, sama-sama kita
berkongsi keberanian.

New York 13.12.2002
Adi Rumi

LANGKAH KEHIDUPAN

Darahku memerah
jiwa berpacu ...
menentang gejolak
membara deras di jiwa ini
di dada ini kugoreskan kata
kutulis syair penuh irama
kujadikan nada
kunyanyikan gejolak jiwa.

Kau yang di sana
aku yang di sini ...
di mana suaramu
di mana semangatmu?

Kau yang di sana
aku yang di sini
jabat erat tangan ini
gapai harapan yang hakiki
jangan putus asa
jangan kecewa
raihlah dunia ini
jangan sekali frustasi
di mana jati dirimu
di mana mengalirnya darahmu
sinar mentari angkuh
menemani di setiap langkah-langkahmu
kita bangun tinggalkan hari semalam.

UNTUK SIAPA?

Malam ini
kuterus menyendiri
dalam dingin
angan melayang menari-nari
cepat, lambat
dalam aliran hawa
tersirat wajah
tersingkap rupa
dalam hening nyanyian malam
berkhayal sepi
mencari dan mencari
kudongak awan biru
terhembus
terkibas bayu berlalu
untuk siapa rindu ini?
aku belum pasti
untuk siapa kasih ini?
aku sendiri tercari-cari
milik siapakah hati ini?

Abyana

BARA

Bara di dadaku
tak akan pernah padam
kan kubakar semangatku mengelora
mengejar semua anggun dalam hidupku
ingin kudaki tinggi tangga dunia
takkan berhenti
walau duri-duri menghujani
takkan lari
walau badai yang menghadangi
kukayuh langkah kakiku semakin cepat
akan kugapai semua keinginan
bila khayalan datang menghantui
akan kuusir dengan semangat cinta ini
bila mimpi datang menghiasi
akan kubasuh kembali raut mukaku
demi kau yang jauh.

WIDy - 28

Dari muka 12

kerana Reen dan Dilla tidak
bertanya dengan lanjut lagi.
Kalau tidak aku tak tahu
macam mana nak tipu
merek berdua lagi.

Sejak hari itu, aku men-
jadi seorang yang pendiam,
tidak selincah dulu.
Kurasakan saat ini hatiku
kosong tidak bererti. Di
sebalik senyum yang ku
berikan ada kegemilangan,
ada kebahagiaan namun
sebenarnya tersimpan
kekecewaan. Dilla dan
Reen juga telah mengetahui
keadaan sebenarnya.
Kepada mereka kuluahkan
segala isi hatiku. Dilla dan
Reen cuba memberiku
beberapa nasihat. Malah
merek menyuruh aku
supaya berterus terang saja
kepada Fakhru. Namun
bagiku tak ada gunanya lagi
kerana apa yang sudah
berlaku di depan mataku
sudah cukup untuk kutafsir
macam mana mesranya
perhubungan mereka ber-
dua. Lagipun aku tidak mau
dikatakan 'perigi mencari
timba'.

Aku harus kuat. Aku
harus lawan perasaan ini
dari terus membelenggu
hidupku. Aku tidak mau
menurut kata hati seperti
kata orang tua-tua 'ikut rasa
binasa, ikut hati mati'.
Fikiranku kembali tenang.
Dengan semangat yang
berkobar-kobar aku ber-
tekat untuk melupakan
segala masalah yang tidak
akan membawa keba-
hagian kepadaku. Dalam
masa tiga minggu ini
sebelum peperiksaan ber-
mula aku cuba untuk meng-
gantikan masa yang disia-
siakan dengan mengulang
kaji pelajaranku di perpus-
taaan. Aku harus berusaha
bersungguh-sungguh demi
sebuah kejayaan. Aku ingin
kejayaan cemerlang!!!
Itulah matlamatku selama
ini.

Kini genap tiga tahun
aku bekerja di Syarikat
Menara Holding Sdn. Bhd.
Sahabat karibku Reen dah
pun berkahwin dengan Joe
teman lakiknya tahun lepas
dan sekarang mereka
sedang menunggu saat
kelahiran cahaya mata per-
tama. Manakala Dilla pula
sudah bekerja di sebuah
jabatan kerajaan sebagai
kerani. Walaupun kami
masing-masing sudah ada
kerja dan tanggungjawab
sendiri, namun kami masih
lagi menjalin hubungan
yang erat seperti dahulu.
Mengenai Fakhru Izwan,
aku langsung tidak tahu
khabar beritanya. Pernah ia
mengutus surat kepadaku
berkali-kali namun tidak
satu pun kubalas. Bagiku
tidak ada gunanya untukku
membalasnya hanya akan
menambah sebak dan luka
yang amat mendalam.
Sehinggalah kami tamat
persekolahan langsung tak
bersua muka. Yang terakhir
kudengar Fakhru melanjut-
kan pelajarannya ke luar
negeri.

"Tingg... Tonggg..."
Bunyi jam mengejutkanku
dari lamunan panjang. Jam
dah menunjukkan tepat jam
10.00 pagi. Mataku menjel-
ing berkali-kali ke arah
pintu pejabat. Namun yang
dinantikan masih belum
tiba.

Suasana di pejabat pagi
ini telah kecoh dengan ber-
ita mengenai bos baru.
Khabar angin tersebar luas
mengenai kekacauan bos
baru. Tapi bukan itu yang
menjadikannya tak sabar-
sabar nak bertemu dengan
bos barunya. Khabarnya
bos barunya pernah belajar

di sekolah yang sama den-
gan sekolahnya dulu.

"Ehemmm...." Kede-
ngaran lelaki berdehem di
hadapanku. Aku tersentak
dari lamunan. Aku mendo-
ngak memandangnya. Aku
terkejut dan terpaku.
Lidahku kelu tidak berkata.
Fakhru Izwan???... Rasa
nak pengesan bila melihat-
nya mujurlah ketika itu aku
berada di mejaku. Kalau
tidak aku pun tak tahu apa
yang akan terjadi nanti. Aku
tengok dia hanya tersenyum
sahaja memandangkanku.

"Perkenalkan ini setia-
usaha Encik Fakhru.... Ayu
Fatin Nadirah." Kata Encik
Faisal. Dia menghulurkan
tangannya kepadaku. Lalu
kusambut sambil bersala-
man. Diikuti oleh staf-staf
yang lainnya.

Jam di dinding dah
menunjukkan pukul 5.00
petang. Ramai teman-teman
pejabat sudah berkemas.
Bersiap sedia untuk pulang.
Melihat situasi itu aku turut
sama bergegas mengemas
meja.

Mujurlah Encik Fakhru,
bos barunya itu tak
menyusahkan dirinya hari
ini. Sejak dari tadi Fakhru
tak keluar dari pejabat.
Waktu makan tengah hari
tadi pun dia masih tidak
keluar dari biliknya. Tiba-
tiba telefon di meja berde-
ring. Pantas aku menca-
painya.

"Fatin, sila masuk ke
dalam sekejap," suara yang
cukup membuatkan hatiku
berdebar-debar.

"Baik Encik Fakhru..."
kataku lemah. Fatin menge-
tuk pintu perlahan. Kede-
ngaran suara dari dalam
menyuruhku masuk. Tom-
bol pintu kupulas lalu kubu-
ka. Kelihatan Encik Fakhru
berdiri membelakangkiku.

"Encik Fakhru," kataku
lemah lembut. Sepantas itu
juga ia berpaling sambil
memandangkanku. Kami
berpandangan seketika.
Kemudian aku tundukkan
kepala kerana tidak sanggup
dengan renungannya yang
tajam itu.

"Duduk Fatin...." ujar-
nya sambil tersenyum
memandangkanku. Mungkin ia
perasan dengan gejolak
yang melanda hatiku pada
masa ini.

Perlahan-lahan aku
duduk dan mendumikan diri.
Kemudian ia berjalan ke
tepi mejanya sambil
tersenyum. Senyuman itu
ahhhh... Jantungku
berdegup kencang. Terasa
terhenti detik dan waktu.

"Fatin...." lembut kede-

ngaran suaranya memang-
gilku.

"Sebenarnya Fakhru
ingin.... Ingin meluahkan
hati dan perasaan Fakhru
terhadap Fatin selama ini.
Fakhru telah lama cintakan
Fatin. Sejak pandangan per-
tama kali sewaktu kita
bertentangan mata di kantin
sekolah dulu," tambahnya
panjang lebar.

"Mungkin Fatin tak per-
caya tapi itulah hakikatnya.
Sebaik saja Fakhru pulang
dari luar negeri Fakhru
terus mencari di mana Fatin
berada. Sehinggalah
Fakhru mendapat tahu yang
Fatin bekerja di sini.
Kebetulan pula syarikat ini
adalah kepunyaan bapa
Fakhru. Jadi tak ada
masalah Fakhru menje-
laki Fatin. Gadis
idamanku...." sambungnya
lagi sambil tersenyum
memanjang memandangkanku.

Terkejutku mendengar
ayat terakhir yang
dilafazkannya. Aku terus
mendiamkan diri tanpa se-
patah kata. Aku terkejut
dengan luahan hatinya.
Walaupun hati ini gembira
mendengarnya. Namun
masih ada keraguan di hati
ini untuk menerimanya.
Perlahan-lahan Fakhru
mendekatiku. Fatin terpaku.
Tak tahu nak buat apa. Tiba-
tiba Fakhru menggenggam
erat tangan Fatin. Aku tun-
duk. Malu.

"Fatin.... lima tahun
lamanya Fakhru menan-
tikan saat ini. Janganlah
Fatin menolaknya, teri-
malah ikatan ini...." katanya
sambil menyanurkan
sebutuk cincin bertata
berlian di jari manis Fatin.
Aku memandangnya.

"Tapi siapa gadis yang
Fakhru bawa semasa di
Pizza Hut dulu?" tanyaku
sambil menagih penjelasan
darinya.

"Yanti? Untuk penge-
tahuan Fatin, Yanti tu
sepupu Fakhru. Fakhru
saja nak duga Fatin.
Ternyata Fakhru menag.
Fatin cemburuan," duga-
nya sambil ketawa kecil.

"Tapi Fakhru tak sang-
ka disebabkan itu Fatin
sanggup menghindarkan diri
dari bertemu dengan
Fakhru. Membalas surat
pun tak... Ini kan pula nak
bersua muka langsung tak
kelihatan. Terus terang
Fakhru amat kecewa dan
terseksa bila Fatin memper-
lakukan Fakhru macam itu
sekali. Tapi di sebalik keke-
cewaan itu Fakhru
bersyukur ke hadirat Allah
sebab..." katanya putus
begitu saja. Aku meng-

angkat kepala lalu meman-
dangnya. Kulihat dia sedang
tersenyum simpul meman-
dangkanku.

"Sebab apa?..."
Tanyaku sambil tersipu-
sipu menahan malu. Dapat
kurasakan merahnya kedua-
dua belah pipiku ketika itu.

"Sebab di sebalik sikap
Fatin itu Fakhru dapat
mengagak sedikit atau
sebanyak yang Fatin ada
perasaan terhadap Fakhru.
Betul tak?..." Sambungnya
sambil mengenyitkan mata
kanannya kepadaku.

"Tapi macam mana
Fakhru tahu yang Fatin ada
di sana?" Tanyaku lagi.
Seingatku tak ada sesiapa
yang tahu akan rancangan
kami hari tu. Kecuali Joe,
teman lelaki Reen. Tak
mungkin. Bisikku dalam
hati.

"Dari siapa lagi kalau
bukan dari buah hati pe-
ngarang jantung si Reen tu."
jawabnya sambil menge-
nyitkan mata kirinya pula
kepadaku. Ahhh... Joe.
Terkejut aku mendengarnya.
Kulihat dia tersenyum
mesra memandangkanku.

"Fatin.. Fakhru nak
tanya sekali lagi. Sudikah
Fatin menjadi permisuri
hatiku? Tanyanya sambil
berlutut dihadapanku. Aku
terharu.

"Fatin.... Fatin," terga-
paku menjawab soalnya.
Serta-merta ia menangkap
mulutku dengan jari telun-
juknya.

"Kalau Fatin setuju de-
ngan cadangan Fakhru
ini... tak payah jawab...
cukup dengan senyuman
saja," katanya sambil
tersenyum penuh makna
memandangkanku. Lalu kuha-
dahkan sebuah senyuman
yang paling manis khas
baginya seorang. Akan
kubaja semarak kasih agar
terus mekar mewangi
menghiasi taman percintaan
ini.

DIHANTAR DALAM BENTUK DISKET

SUKACITA dimak-
lumkan, penulis-penulis
cerpen yang menghantar
karya mereka untuk
dimuatkan dalam PELI-
TA BRUNEI supaya
dapat menghantar ke
Unit Produksi PELITA
BRUNEI dalam bentuk
disket.





سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 8 JAN 2003	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Space Goofs'	MALAM	Harapan'			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	JUARA - Siaran Langsung	9.25	MERENTAS KENANGAN		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	CAFE DIGITAL	10.30	SO LITTLE TIME		
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.23	AZAN MAGHRIB	11.00	BEYOND CHANCES - Siri Baru		
			4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - 'Menyimpul'	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 9 JAN 2003	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/ULTRA FORCE	6.45	FIQHUL MIRATS	Langsung		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		MALAM	10.00	NEWS AT 10		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	THE ULTIMATE GYIDE - 'Ants'	10.30	BEST OF MALAYSIA SHOWCASE		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	11.00	DRAMA - 'Rebung Pasti Berubah'		
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	DOKUMENTARI	11.30	WAYANG PILIHAN - 'Shadow Of Doubt'		
			4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.23	AZAN MAGHRIB	8.50	AN-NUUR - Siaran	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAT 10 JAN 2003	PAGI	10.15	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA		8.00	BERITA NASIONAL		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	HERBA	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	9.00	FIKIR-FIKIR		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.00	TAYANGAN GAMBAR 'Revenge Of The Dragon'	9.30	MEDICAL DIARY - 'Steve's Story : Straining To Hear'		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	AUSTRALIA'S WILD SECRETS	3.51	AZAN ASAR	10.00	NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	12.15	DISCOVER ISLAM	3.50	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	10.40	KHUTBAH JUMAAT		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	SEBAHYANG FARU JUMAAT- Siaran Langsung	4.45	ANIMATION HOUR : VOLTRON : DEFENDER OF THE UNIVERSE/USOP	10.55	TELEDRAMA - 'Jimmy Jimmy Ente Memasang Jempol'		
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG				7.00	LIPUTAN SEMASA		
			1.30	VISI SUCI			7.20	GAYA		
							7.38	AZAN ISYAK	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 11 JAN 2003	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA : The Chinese Siamese Cat/Street Sharks	PETANG	3.51	AZAN ASAR	MALAM			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		1.00	PANGGUNG PETANG SABTU - 'The Last Game'	4.15	BEYOND	7.00	DUNIA ASIA	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	GEO JUNIOR	2.30	DYNAMIC ECONOMY - 'Economic Opportunities For Brunei Darussalam'	4.45	ANIMATION HOUR : DOUBLE DRAGON/THE WHY WHY FAMILY	7.25	SUPERCITIES
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA		5.45	BERITA	7.38	AZAN ISYAK	
	9.00	BERITA	11.40	DRAMA - 'Mutiana' - Ulangan	3.00	SPORT RAGE	5.55	CARA KITA - 'Persembahan Tradisional'	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.29	AZAN ZUHUR	3.30	GENE RODDEN BERRY'S ANDROMEDA	6.24	AZAN MAGHRIB	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.35	DOKUMENTARI : - Ulangan			6.45	PEDOMAN AQIDAH	10.00	NEWS AT 10
									10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Wolf'
									12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 12 JAN 2003	PAGI	10.10	RANCANGAN SESAME STREET		LEAGUE 2002/2003 - PREVIEW	5.00	JUARA	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	TAMAN ABC - Siri Baru	1.45	ENGLISH PREMIER	5.35	MONUMEN	8.50	TIRAI KELUARGA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		LEAGUE 2002/2003	5.45	BERITA		'Aku Tahu'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Leave It To Beaver'	2.45	ROSEWELL	6.00	SCIENCE INSIGHT	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.30	AZAN ZUHUR	3.30	ZURIAT	6.25	AZAN MAGHRIB	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			3.52	AZAN ASAR		AT TIBBUL ISLAM		
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		4.00	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	MALAM		11.00	GUINNESS RECORDS : PRIME TIME
			1.20	ENGLISH PREMIER	4.30	KAUNSELING MASYARAKAT	7.00	DOKURIMA	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
							7.39	AZAN ISYAK		

ISNIN 13 JAN 2003	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	RANCANGAN ANIMATION HOUR: UNDER NAPTUNE'S FLAG/BOB MORANE	6.25	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Antara Dua Hati'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		MALAM	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.25	HEALTH MATTERS - Ulangan
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	WARNA WARNI	10.30	COURAGE
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	AFRICA FROM THE GROUND UP	7.39	AZAN ISYAK	11.00	BIZARRE
			4.12	SUSUNAN			8.00	BERITA NASIONAL	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 14 JAN 2003	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	RANCANGAN ANIMATION HOUR - Dragon Tales	6.25	AZAN MAGHRIB	8.50	DYNAMIC ECONOMY - 'The Future Of Asia's Oil And Gas Industry'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	WILD DISCOVERY - 'Secrets Of The Humpback Whales'	6.45	BIMBINGAN MUKMIN	9.25	CERMIN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG			MALAM	7.00	DRAMA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.30	DOKUMENTARI	10.30	E.R.
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Tersayang' - Ulangan	7.39	AZAN ISYAK	11.30	QUEEN OF SWORD - 'The Pretender'
			4.10	SUSUNAN			8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

Awang Haji Abdul Wahab menerima Anugerah Khas RTB 2002

Oleh Bolhassan HAB



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat menyempurnakan Anugerah Khas kepada Awang Haji Abdul Wahab di Majlis Malam Anugerah RTB 2002. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BERAKAS, 1 Januari. - Seorang tokoh karyawan yang banyak menyumbangkan jasa baktinya kepada perkhidmatan radio dan televisyen di negara ini, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Mohammad telah diberi pengiktirafan untuk menerima Anugerah Khas pada Majlis Malam Anugerah RTB 2002.

Penyampaian Anugerah Khas telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Malam anugerah yang buat kali keduanya diungkuhkan oleh Radio Televisyen Brunei telah mempertandingkan sebanyak 27 kategori yang terdiri dari 17 kategori bagi Perkhidmatan Radio termasuk Penerbitan Radio serta Karyawan Televisyen yang juga Penerbitan TV.

Majlis Malam Anugerah RTB yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa telah

dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail.

Malam Anugerah RTB merupakan salah satu usaha berterusan jabatan berkenaan ke arah kecemerlangan dan memberi pengiktirafan kepada sumbangan tinggi kakitangannya yang berusaha dengan penuh dedikasi.

Selain itu anugerah tersebut juga menjadi pemangkin dan penggerak ke arah perubahan positif dalam melahirkan rancangan berkualiti dan disukai ramai serta karyawan yang kreatif dan inovatif.

Malam anugerah yang penuh gilang-gemilang turut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh artis-artis terkenal tanah air dan tiga orang penyanyi penghibur jemputan dari Malaysia, Achik-Spin, Elyana dan Jalil Hamid.



MAJLIS Malam Anugerah RTB 2002 dihadiri sama oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan orang ramai. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SEORANG pemenang menerima anugerah di Majlis Malam Anugerah RTB 2002 yang disampaikan oleh seorang pegawai. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

- Persidangan apakah yang dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 18 Oktober 2002 lalu?
 - Persidangan Ke-7 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI)
 - Persidangan Ketua-Ketua Negara ASEAN
 - Persidangan Mengenai Penerangan dan Kebudayaan ASEAN (COCI)
- Siapakah nama atlet negara yang berjaya merangkul pingat gangsa di Temasya Sukan Asia Ke-14 di Busan, Korea yang lepas?
 - Jimmy Ahar
 - Tong Kit Siong
 - Lim Chee Wee
- Apakah tajuk cerpen PELITA BRUNEI keluaran 2 Oktober 2002?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 18 Disember 2002.

1. A. 2. B. 3. Tingkatkan Mutu Perkhidmatan Awam.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 18 DISEMBER 2002

MOHD. DZUL AZMI BIN
HAJI ISKANDAR
NO. 32, SIMPANG 30, JALAN MANG-
GIS DUA.
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH TADIKA JAYA

SHAHROL HAZWAN BIN HAJI
KHAIROLHAPSHAH
NO. 9, SIMPANG 80 - 17, KAMPONG
PENGKALAN GADONG.
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH PGGMB

AK. AHMAD AIMAN WAFIY PG.
MASHALINI
NO. 5, SIMPANG 120 - 14, KAMPONG
SUNGGAI AKAR BC 3915.
UMUR : 6 TAHUN
SEKOLAH FREDA RADIN

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 563

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 563,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Cabaran Pancing 2003

Oleh
Awangku Jefferi PD
Gambar-gambar
oleh Masri Osman

SERIA, 1 Januari. - Koperasi Jabatan Perikanan, BAKARANG dengan kerjasama Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah me-

ngendalikan Pertandingan Memancing iaitu 'Cabaran Pancing 2003' bertempat di Taman Rekreasi Jubli, Anduki Seria, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adanan bin Haji Hanafiah yang juga berkesempatan melepaskan kira-kira 100 ekor ikan kromis ke dalam Tasik Rekreasi Jubli untuk menambahkan lagi jumlah ikan-ikan yang telah terse- dia ada di tasik tersebut.

Objektif utama pertandingan tersebut diadakan ialah bagi menggalakkan orang ramai untuk beribadah sambil memancing, memandangkan aktiviti memancing adalah riadah yang berguna dan boleh melapangkan fikiran yang sangat-sangat digemari oleh orang ramai.

Selain dari itu dengan adanya aktiviti memancing ini juga dapat menilai sejauh mana kesabaran kita dalam mengawasi sesuatu situasi dan keadaan tersebut, menguji ketahanan fizikal dan mental, di samping dapat merapatkan lagi

hubungan kekeluargaan dan persahabatan di antara kita.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan dan ianya terbuka kepada orang ramai tanpa had umur. Kategori ikan yang dipertandingkan ialah semua jenis ikan kecuali jenis krustacea, mammal dan reptalia.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Antara hadiah-hadiah menarik dalam pertandingan tersebut ialah tiket penerbangan ke Singapura dan Kota Kinabalu di samping wang tunai.

Apa yang menarik di pertandingan tersebut ialah para peserta dibolehkan membawa balik semua ikan-ikan yang diperolehi di akhir sesi peraduan setelah menimbang hasil tangkapan mereka.



PEGAWAI Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang di pertandingan tersebut.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Adanan bin Haji Hanafiah melepaskan kira-kira 100 ekor ikan kromis ke dalam Tasik Rekreasi Jubli.



SERONOK menyaksikan para peserta mengadu nasib mereka dalam Cabaran Pancing 2003 pagi itu.

Peperiksaan City and Guilds International - Jun 2003

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa persediaan-persediaan 'sekarang sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan City and Guilds International bagi bulan Jun 2003, dalam mata-mata pelajaran yang tertentu di pusat-pusat peperiksaan yang berikut :

1. Sekolah Rendah Mabohai, Bandar Seri Begawan (Bagi calon persendirian, Bandar Seri Begawan).
2. Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait. (Bagi calon persendirian, Seria dan Kuala Belait).
3. Pusat Latihan Teknikal Brunei LNG Sendirian Berhad, Lumut. (Bagi calon Pusat Teknikal Brunei LNG Sendirian Berhad, Lumut sahaja).

Calon-calon Pusat Latihan Teknikal Brunei LNG Sendirian Berhad, Lumut bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan daripada Ketua Pusat Latihan Teknikal Brunei LNG Sendirian Berhad, Lumut. Bagi calon-calon di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran-bayaran peperiksaan yang berkenaan hendaklah dibayar kepada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam secara tunai mulai dari 2 Januari hingga 30 Januari 2003.

Semua borang-borang permohonan yang lengkap diisi bersama dengan surat-surat kebenaran bagi menduduki peperiksaan daripada City and Guilds International jika ada, hendaklah sampai kepada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada 30 Januari 2003.

PERADUAN MENULIS CERPEN, RENCANA DAN SAJAK SEMPENA SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ 1424 HIJRAH/2003 MASIHI

1. PENDAHULUAN

Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam menganjurkan Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak sempena Sambutan Israk dan Mikraj bagi tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi. Pihak penganjur mengalu-alukan penyertaan para penulis yang memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

2. TUJUAN

- 2.1 Untuk turut sama memeriahkan sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi.
- 2.2 Untuk menggalakkan para penulis berakwah melalui bidang penulisan.
- 2.3 Sebagai salah satu cara untuk mendapatkan bahan yang berbentuk cerpen, rencana dan sajak untuk diterbitkan oleh Pusat Da'wah Islamiah.
- 2.4 Sebagai sumbangan untuk mempertingkatkan mutu penulisan di negara ini.

3. SYARAT-SYARAT PERADUAN (CERPEN/RENCANA/SAJAK)

- 3.1 Terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang dari 18 tahun kecuali ahli jawatankuasa (pihak penganjur).
- 3.2 Tema penulisan hendaklah ditumpukan kepada dakwah dan pembangunan masyarakat Islam dari sudut rohani dan jasmani sesuai sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap merangkumi aspek akidah Islam, amal ibadat, akhlak, sosial, ekonomi dan yang berhubung kait dengannya yang berlandaskan ajaran Islam.
- 3.3 Hasil ciptaan mestilah asli dan karangan sendiri, bukan terjemahan, saduran dan padanan dan sebarang cerita ataupun karangan dan terhindar dari ciplak dan cedukan. Belum pernah dipertandingkan atau diterbitkan dengan cara apa pun.
- 3.4 Isi kandungan skrip dan cerita hendaklah tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan dasar serta kepentingan negara. Setiap artikel (Cerpen/Rencana/Sajak) yang dihantar hendaklah mempunyai tajuk yang sesuai mengikut syarat-syarat peraduan di para 3.2.
- 3.5 Cerpen/Rencana/Sajak hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan rumi atau jawi. Jika tulisan jawi hendaklah mengikut sistem ejaan za'ba.
- 3.6 Panjang cerpen hendaklah tidak kurang dari 1,500 perkataan, manakala sajak tidak diwajibkan tetapi haruslah bersesuaian dengan sifat sebuah sajak yang sempurna. Rencana dikehendaki dalam 3,000 - 5,000 perkataan.
